

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KEGAGALAN KERJASAMA POLITIK UMNO DAN PAS DARI
2018 HINGGA 2022**



UUM
ROSLEE BIN MEHAT
(825642)
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SAINS POLITIK
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2023**

**KEGAGALAN KERJASAMA POLITIK UMNO DAN PAS DARI
2018 HINGGA 2022**



**ROSLEE BIN MEHAT
(825642)**

**Disertasi diserahkan kepada
Ghazali Shafie Graduate School of Government,
Universiti Utara Malaysia
bagi Memenuhi Sebahagian Syarat Ijazah Sarjana Sains Politik**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ROSLEE BIN MEHAT (825642)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree
of)

MASTER OF ARTS (POLITICAL SCIENCE)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

KEGAGALAN KERJASAMA POLITIK UMNO DAN PAS DARI 2018 HINGGA 2022

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **18 OKTOBER 2023**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **OCTOBER 18, 2023***

Pengerusi Viva : **ASSOC. PROF. DR.**
(Chairman for Viva) **MOHAMAD FAISOL KELING**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **DR. MOHAMAD TAUFIK**
(External Examiner) **YAAKUB (UM)**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **DR. MASHITAH MOHD UDIN**
(Internal Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **18 OKTOBER 2023**
Date

Nama Pelajar : ROSLEE BIN MEHAT (825642)
(Name of Student)

Tajuk Tesis : KEGAGALAN KERJASAMA POLITIK UMNO DAN PAS DARI 2018
(Title of the Thesis) HINGGA 2022

Program Pengajian : MASTER OF ARTS (POLITICAL SCIENCE)
(Programme of Study)

Penyelia Pertama : DR. KAMARUL
(First Supervisor) ZAMAN HAJI YUSOFF

Tandatangan
(Signature)

Kamarul



KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Sarjana, Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kersajanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kersajanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau menggunakan mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government)
UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini.

Ucapan setinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia, Dr Kamarul Zaman Haji Yusoff, yang banyak memberi panduan kepada saya sewaktu proses penyiapan kajian ini. Kesudian beliau memindahkan sebahagian daripada kepakaran mereka kepada saya amat saya hargai.

Kepada para pemimpin parti politik dan ahli-ahli akademik yang terlibat sebagai responden bagi kajian ini, terima kasih saya ucapkan atas kesudian anda semua memberi kerjasama dalam sesi pengumpulan maklumat.

Penghargaan juga saya ucapkan kepada semua ahli keluarga saya, khasnya isteri serta anak-anak, saya yang tidak jemu-jemu memberi motivasi dan dorongan kepada saya bagi memastikan kajian ini akan berakhir dengan jayanya.

Banyak cabaran yang terpaksa saya hadapi dalam tempoh penyediaan kajian ini, baik cabaran peribadi khasnya yang berkait dengan kehadiran pandemik Covid-19 mahupun perkembangan politik yang terlalu kerap berubah.

Bagaimanapun, saya bersyukur, kerana di sebalik semua ini, saya dapat juga menyiapkan kajian yang tidak sepertinya ini, tentunya dengan kerjasama, dorongan dan sokongan semua pihak yang tidak dapat dinamakan satu per satu.

Semoga kajian ini akan memberi sumbangan kepada khazanah ilmu negara.

Sekian, terima kasih.

ROSLEE BIN MEHAT

ABSTRAK

Kekalahan BN dalam PRU 14 mendorong parti itu memutuskan hala tuju barunya. Satu hala tuju baru penting UMNO ialah membentuk kerjasama bersama-sama PAS. Kajian ini akan mengenal pasti bentuk hubungan antara UMNO dan PAS pra PRU 14, mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14 dan mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan kerjasama UMNO dan PAS gagal diwujudkan pra PRU 15. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui analisis kandungan ke atas laporan akhbar, ucapan, wawancara dan portal berita. Kajian ini mendapati bahawa kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14 telah mudah terbentuk disebabkan keakraban yang telah terjalin antara kedua-dua buah parti pra PRU 14. Kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14 telah terbina di atas asas yang amat kuat, iaitu kesedaran bahawa ia akan membawa kemenangan, persamaan ideologi politik antara UMNO dan PAS serta kegagalan Kerajaan PH menjaga kepentingan Melayu Muslim. Begitupun, munculnya faktor di luar kawalan yang menyumbang kepada keretakan di dalam kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14, iaitu kejatuhan Kerajaan PH dari kuasa yang menghilangkan *raison detre* kerjasama antara kedua-dua buah parti ini. Keruntuhan kerjasama seterusnya berlaku akibat pendirian “bermain dalam dua kolam” PAS yang diakibatkan oleh kemunculan BERSATU sebagai pengacau kepada kerjasama ini. Keyakinan UMNO atas prestasi baiknya dalam PRN Melaka dan PRN Johor pula menekadkan UMNO untuk membebaskan diri dari BERSATU, tatkala PAS terus setia dengan BERSATU, yang sekali gus membawa kepada keruntuhan kerjasama ini.

Kata Kunci: Kerjasama Politik, Pilihan Raya Umum, UMNO, PAS, BERSATU, Muafakat Nasional, Barisan Nasional, Perikatan Nasional

ABSTRACT

BN's defeat in GE 14 had propelled the party to decide on its new direction. One important new direction of UMNO was to establish a cooperation with PAS. This study would identify relationship pattern between UMNO and PAS pre GE 14, investigate factors resulting in the need for UMNO and PAS cooperation to be established in the aftermath of GE 14 and investigate factors causing UMNO and PAS cooperation to crumble pre GE 15. This study was held using qualitative method through content analysis on reports of newspapers, speeches, interviews and newspostals. This study found that UMNO and PAS cooperation was easily established in the aftermath of GE 14 due to the closeness in the relationship between the two parties pre GE 14. UMNO and PAS cooperation in the aftermath of GE 14 was built on a very strong foundation, which is the realization that it will bring victory, sharing of a similar ideology between UMNO and PAS and the failure of PH Government to take care of the Malay Muslim interests. However, out of control factor arose causing in the fracture of UMNO and PAS cooperation in the aftermath of GE 14, which is the fall of PH Government from power that made the *raison detre* for cooperation between the two parties disappear. The cooperation then crumbled due to the "two faced" stand of PAS which was resulted by the appearance of BERSATU as an intruder to this cooperation. UMNO's confidence on its good performance in the state elections of Melaka and Johor meanwhile made UMNO determined to sever its tie with BERSATU, while PAS was still loyal to BERSATU, hence bringing this cooperation to crumble.

Keywords: Political Cooperation, General Election, UMNO, PAS, BERSATU, Muafakat Nasional, Barisan Nasional, Perikatan Nasional

1 ISI KANDUNGAN

Kebenaran Mengguna	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Isi kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Singkat Kata	ix

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	2
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Metodologi Kajian	10
1.7	Skop Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	13
1.9	Rumusan	15

BAB 2: ULASAN KARYA

2.1	Definisi Konsep	17
2.2	Definisi Kerjasama Parti Politik	18
2.3	Kerjasama Politik Di Malaysia	19
2.4	Sejarah Kerjasama UMNO dan PAS Dalam Kerajaan Campuran Dan BN	23
2.5	Teori Kerjasama Politik	28

BAB 3: KEAKRABAN UMNO DAN PAS, PRA PRU 14

3.1	Pendahuluan	31
3.2	Ketegangan Dalam Hubungan Antara PAS Dan Parti-Parti Politik Pembangkang Lain Dalam Pakatan Rakyat (PR)	31
3.3	Sokongan UMNO Ke Atas Usaha PAS Melaksanakan Undang-Undang Islam Yang Menjadi Teras Kepada Perjuangannya	39
3.4	Kewujudan PH Sebagai Musuh Bersama UMNO Dan PAS	43
3.5	Rumusan	46

BAB 4: KEPERLUAN KERJASAMA UMNO DAN PAS, PASCA PRU 14

4.1	Pendahuluan	47
4.2	Kekalahan UMNO Dan PAS Dalam PRU 14	47
4.2.1	Refleksi Ke Atas PRU 14	50
4.2.2	Pengesahan Dari Keputusan PRK-PRK	57
4.3	Faktor Identiti Etnik Dan Agama	61
4.4	Kegagalan Kerajaan PH Menjaga Kepentingan Melayu Muslim	72
4.5	Rumusan	80

BAB 5: KERUNTUHAN KERJASAMA UMNO DAN PAS, PRA DAN PASCA PRU 15

5.1	Pendahuluan	81
5.2	Kehilangan Raison Detre Kerjasama	81
5.3	Kemunculan BERSATU Sebagai Pengacau	93
5.4	Kenekadan UMNO Untuk Membebaskan Diri Dari BERSATU	100
5.5	Rumusan	113

BAB 6: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

6.1	Pendahuluan	114
6.2	Perbincangan	115
6.3	Rumusan	122

BIBLIOGRAFI	126
--------------------	------------



SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Keputusan PRU 14	3
Jadual 1.2: Keputusan PRU 15	5



SENARAI SINGKAT KATA

1MDB	1Malaysia Development Berhad
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AMANAH	Parti Amanah Negara
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	Barisan Alternatif
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BN	Barisan Nasional
CEC	Central Executive Committee
DAP	Democratic Action Party
GE	General Election
GETS	Graduate Employability Training Scheme
GLC	Government Linked Companies
GLIC	Government Linked Investment Companies
GR	Gagasan Rakyat
ISM	Indeks Syariah Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPI	Key Performance Indicator
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	Malaysian Chinese Association
MEB	Majlis Ekonomi Bumiputera
MIC	Malaysian Indian Congress
MKT	Majlis Kerja Tertinggi
MTAB	Majlis Tindakan Agenda Bumiputera
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Parti Pesaka Bumiputra Bersatu
PBRS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	Parti Bersatu Sabah
PDP	Progressive Democratic Party

PH	Pakatan Harapan
PKN	Parti Keadilan Negara
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PM	Perdana Menteri
PPBM	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
PR	Pakatan Rakyat
PRK	Pilihan Raya Kecil
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRS	Parti Rakyat Sarawak
PRU	Pilihan Raya Umum
PSM	Parti Sosialis Malaysia
PWTC	Putra World Trade Centre
RoS	Registrar of Societies
RUU	Rang Undang-Undang
SOLIDARITI	Parti Solidariti Tanah Airku
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SUPP	Sarawak United Peoples' Party
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UMNO	United Malays National Organisation
UPKO	United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation
UUM	Universiti Utara Malaysia
WARISAN	Parti Warisan Sabah

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Setelah melalui Pilihan Raya Umum (PRU) sebanyak 14 kali akhirnya pada 9 Mei 2018 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) julung-julung kali kalah dan gagal mengekalkan tampuk pemerintahan di negara ini apabila Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi oleh UMNO tewas kepada Pakatan Harapan (PH).

BN hanya memperolehi 79 kerusi, iaitu 47 melalui UMNO, 2 melalui MIC dan 1 melalui MCA di Semenanjung Malaysia; 13 melalui PBB, 3 melalui PRS, 2 melalui PDP dan 1 melalui SUPP di Sarawak; serta 7 melalui UMNO, 1 melalui PBS, 1 melalui PBRS dan 1 melalui UPKO di Sabah. PH pula secara bersendirian memenangi 113 kerusi dan bila dicampur dengan 8 kerusi milik WARISAN, yang PH menjalinkan kerjasama politik, maka ia bertambah menjadi 121 kerusi. PAS pula memperolehi 18 kerusi manakala BEBAS dan SOLIDARITI masing-masingnya memperolehi 3 dan 1 kerusi (“KEPUTUSAN PRU 14”, 2018).

Jadual 1.1

Keputusan PRU 14

Negeri	PH	BN	PAS	WARISAN	BEBAS	SOLIDARITI	Jumlah
Perlis	1	2	0	0	0	0	3
Kedah	10	2	3	0	0	0	15
Kelantan	0	5	9	0	0	0	14
Terengganu	0	2	6	0	0	0	8
Pulau Pinang	11	2	0	0	0	0	13
Perak	13	11	0	0	0	0	24
Pahang	5	9	0	0	0	0	14
Selangor	20	2	0	0	0	0	22
W.P. Kuala Lumpur	10	0	0	0	1	0	11
W.P. Putrajaya	0	1	0	0	0	0	1
Negeri Sembilan	5	3	0	0	0	0	8
Melaka	4	2	0	0	0	0	6
Johor	18	8	0	0	0	0	26
W.P. Labuan	0	1	0	0	0	0	1
Sabah	6	10	0	8	0	1	25
Sarawak	10	19	0	0	2	0	31
Jumlah	113	79	18	8	3	1	222

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2018

Maka dengan itu berakhirlah zaman kegemilangan pemerintahan UMNO selama 61 tahun.

UMNO mengalami satu tamparan yang hebat buat julung-julung kalinya bila keputusan PRU 14 menyaksikan BN yang menang setiap PRU sejak merdeka telah kalah kepada sebuah gabungan baharu, iaitu PH pimpinan Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun ada jangkaan bahawa BN mampu menang berdasarkan kerjasama tidak formal UMNO-PAS, persempadanan semula yang dikatakan sebagai gerrymandering dan PH tanpa PAS yang dikatakan akan kehilangan sokongan Melayu, keputusannya tidak

menyebelahi BN dengan ledakan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) disifatkan sebagai punca utama kekalahan.

Lanjutan kekalahan BN ini maka pemimpin UMNO pun membuat satu introspeksi dalaman ke atas punca-punca yang membawa kepada kekalahan BN seterusnya memutuskan hala tuju baru parti itu khususnya setelah banyak parti komponen BN keluar dari BN pasca PRU 14 manakala ramai Ahli Parlimen UMNO pula keluar dari UMNO untuk menyertai parti komponen PH yang menjadi pemerintah. Satu hala tuju baru penting UMNO ialah membentuk kerjasama bersama-sama PAS.

Sekilas lalu, tujuan utama pembentukan kerjasama bersama-sama PAS ini adalah untuk mendapatkan kembali kuasa yang telah hilang dari tangan UMNO, dengan matlamat utamanya adalah untuk mencapai kemenangan pada PRU 15. Begitupun, tidak terfikir oleh para pemimpin UMNO dan PAS bahawa Kerajaan PH boleh tumbang hanya setelah 22 bulan memerintah ekoran berlakunya pembelotan di kalangan BERSATU yang keluar dari PH serta sebilangan Ahli-Ahli Parlimen PKR yang meninggalkan PKR untuk menyokong BERSATU.

Perkembangan yang berlaku ini menyebabkan kerjasama UMNO-PAS memasuki haluan baru setelah kedua-dua parti ini menjadi sebahagian daripada Kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang diketuai oleh Presiden BERSATU, Muhyiddin Yassin, dan seterusnya menjadi sebahagian daripada kerajaan lain yang diketuai pula oleh Naib Presiden UMNO, Ismail Sabri Yaakob, setelah Muhyiddin meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri di pertengahan jalan.

Pada akhirnya, apabila PRU 15 dilangsungkan pada 19 November 2022, kedua-dua UMNO dan PAS memasukinya dengan menggunakan laluan berbeza, UMNO bertanding menggunakan platform BN yang bergerak secara solo manakala PAS pula bertanding menggunakan platform PN yang diketuai oleh BERSATU.

Sekali lagi UMNO kalah, malah lebih teruk lagi, apabila (BN) yang ditunjangi oleh UMNO tewas kepada PH dan PN. BN hanya memperolehi 30 kerusi, iaitu 16 melalui UMNO, 2 melalui MCA dan 1 melalui MIC di Semenanjung Malaysia; serta 1 melalui PBRs di Sabah. PH pula secara bersendirian memenangi 81 kerusi dan bila dicampur dengan 1 kerusi milik MUDA, yang PH menjalinkan kerjasama politik, maka ia bertambah menjadi 82 kerusi. PN pula memperolehi 74 kerusi, 43 melalui PAS dan 31 melalui BERSATU (termasuk 6 kerusi yang dimenangi oleh calonnya menggunakan lambang PAS di Kelantan dan Terengganu) (“KEPUTUSAN PRU 15”, 2022).

Jadual 1.2

Keputusan PRU 15

Negeri	PH	PN	BN	GRS	GPS	LAIN-LAIN	Jumlah
Perlis	0	3	0	0	0	0	3
Kedah	1	14	0	0	0	0	15
Kelantan	0	14	0	0	0	0	14
Terengganu	0	8	0	0	0	0	8
Pulau Pinang	10	3	0	0	0	0	13
Perak	11	10	3	0	0	0	24
Pahang	2	7	5	0	0	0	14
Selangor	16	6	0	0	0	0	22
W.P. Kuala Lumpur	10	0	1	0	0	0	11
W.P. Putrajaya	0	1	0	0	0	0	1

Negeri Sembilan	3	0	5	0	0	0	8
Melaka	3	3	0	0	0	0	6
Johor	14	2	9	0	0	1	26
W.P. Labuan	0	1	0	0	0	0	1
Sabah	5	1	7	6	0	6	25
Sarawak	6	1	0	0	23	1	31
Jumlah	81	74	30	6	23	8	222

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2022

Walaupun kalah, UMNO dan BN akhirnya berjaya membentuk kerajaan setelah bekerjasama dengan PH, GPS, GRS dan WARISAN untuk membentuk Kerajaan Perpaduan seperti dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Namun begitu, persoalan tetap timbul bagaimanakah kerjasama di antara UMNO-PAS yang pada awalnya begitu berkesan sekali boleh terburai di tengah jalan sehingga menyebabkan UMNO yang sepatutnya mampu mendominasi kerajaan baru yang terbentuk setelah berakhirnya PRU 15 hanya berperanan kecil di dalamnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kerjasama UMNO dan PAS terbentuk hasil daripada tindak balas segera mereka kepada keputusan PRU 14 yang dianggap telah menyebabkan bukan Melayu mendominasi pemerintahan negara. Selepas tumbanganya BN di bawah kepimpinan UMNO dan bermulanya pentadbiran kerajaan baru PH, maka retorik bangsa dan agama mula berkumandang dengan agak kuat. Ini boleh diperhatikan melalui tindakan dan kenyataan pemimpin PH yang tidak bersifat mesra Islam dan Melayu.

UMNO sebuah parti yang bertunjangkan nasionalisme Melayu dan PAS sebuah parti yang bertunjangkan agama Islam bekerjasama dengan membuat kompromi melibatkan pendirian masing-masing. PAS juga menerima kerjasama dengan parti-parti komponen dalam BN, iaitu MCA dan MIC, melalui Muafakat Nasional (MN). Oleh yang demikian, ianya membuktikan bahawa kedua-dua parti Melayu ini masih boleh bekerjasama. Dan pada masa yang sama juga PAS kekal berada di dalam Gagasan Sejahtera (GS) yang telah ditubuhkan sebelum PRU 14 dengan PAS menjadi parti yang dominan dalam pakatan ini.

Terdapat banyak pandangan yang diutarakan sejak kerjasama UMNO-PAS ini menjadi semakin jelas, seperti menyifatkannya sebagai tindakan mundur ke belakang, malah ianya juga disifatkan sebagai bertunjangkan ideologi haluan kanan ekstrem tatkala kelompok liberal sudah sedia memberi gambaran yang sangat negatif kepada PAS walaupun tanpa kerjasama ini. UMNO dan PAS bagaimanapun menafikan tuduhan begini.

Walaupun kerjasama UMNO-PAS ini mempunyai potensi yang amat besar tetapi cabaran ini semua tidak dapat ditangani dan diuruskan dengan baik, setelah tumbangnyanya Kerajaan PH yang menyebabkan perkembangan politik semasa sehubungan kerjasama UMNO-PAS berubah setelah kerajaan baru yang dikuasai oleh BERSATU terbentuk.

1.3 Penyataan Masalah

Polemik kerjasama politik antara UMNO dan PAS bukanlah asing. Isu ini tidak pernah hilang daripada mendapat tempat dalam politik di negara ini. UMNO dan PAS pernah bergerak segandingan di dalam kerajaan campuran selepas PRU 3 pada 10 Mei 1969.

Ini diperkuatkan lagi dengan kemasukan PAS ke dalam BN menjelang PRU 4 pada 24 Ogos 1974. Selepas memenangi 14 kerusi Parlimen dalam PRU 4, ramai pemimpin PAS telah diberikan jawatan di dalam kerajaan BN pada masa itu. Walau bagaimanapun, kerjasama UMNO dan PAS tidak berkekalan bila PAS akhirnya dikeluarkan daripada BN pada tahun 1977.

Banyak faktor yang menyumbang kepada perpecahan UMNO dan PAS ini. Meskipun pada awalnya kedua-dua buah parti ini bergerak segandingan di dalam memperjuangkan kepentingan Melayu Islam, tetapi perebutan tapak sokongan yang sama, iaitu orang-orang Melayu-Islam, mengakibatkan kerjasama itu terhenti.

Jalinan kerjasama di antara UMNO dan PAS dilihat bersifat jangka pendek. Ini kerana isunya berpusat kepada Melayu dan Islam yang mungkin tidak produktif dalam politik di masa depan. Apabila parti-parti politik meletakkan isu agama dan kaum sebagai asas perjuangan mereka (untuk jangka panjang), mereka pasti sukar untuk mendapat sokongan massa dalam suasana masyarakat Malaysia yang majmuk (Siti Aisyah, 2019).

Garis panduan kerjasama rasmi antara UMNO dan PAS telah diputuskan dalam mesyuarat kedua-dua parti dan telah dimuktamadkan dengan majlis menandatangani Piagam Muafakat Nasional (MN) di antara Presiden UMNO, Dr Ahmad Zahid Hamidi, dan Presiden PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam majlis Himpunan Perpaduan Ummah (HPU 914) di PWTC pada 14 September 2019. Ini sepatutnya sesuatu yang kuat.

Begitu juga kemenangan calon BN dalam lima PRK berturut-turut sejak kerjasama PAS-UMNO dilangsungkan menampakkan seperti ia mempunyai masa depan yang cerah. Begitupun, di sebalik kejayaan awal MN dan di sebalik kewujudan Piagam MN ini pada akhirnya kerjasama PAS-UMNO tetap juga berkubur menyebabkan ramai yang tertanya-tanya apakah ia berpunca daripada perbezaan dasar atau percanggahan kepentingan.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai tiga persoalan utama, iaitu:

- a) Bagaimanakah bentuk hubungan yang ada antara UMNO dan PAS sebelum berlangsungnya PRU 14?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kerjasama politik antara UMNO dan PAS selepas berlangsungnya PRU 14?
- c) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kerjasama politik antara UMNO dan PAS gagal dipertahankan menjelang berlangsungnya PRU 15?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu:

- a) Untuk mengkaji bentuk hubungan yang ada antara UMNO dan PAS sebelum berlangsungnya PRU 14.
- b) Untuk menilai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kerjasama politik antara UMNO dan PAS selepas berlangsungnya PRU 14.

- c) Untuk meneliti faktor-faktor yang menyebabkan kerjasama politik antara UMNO dan PAS gagal dipertahankan menjelang berlangsungnya PRU 15.

1.6 Metodologi Kajian

Bagi menjalankan sesebuah kajian, metod ataupun prosedur kajian adalah amat penting dan ianya perlulah dinilai dan dipilih dengan bagi memastikan kajian dapat dilakukan mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian.

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kajian kualitatif di mana metod kajian yang digunakan adalah kajian dokumen dan kajian perpustakaan. Ia memerlukan pengkaji membuat analisis kandungan (content analysis) ke atas laporan akhbar, ucapan, wawancara dan portal berita. Oleh yang demikian, kajian ini tidak melibatkan sebarang aktiviti di lapangan.

Bagi kajian berbentuk kualitatif kaedah perpustakaan ini, bahan berbentuk dokumen adalah amat penting di mana ianya merupakan sumber primer data bagi kajian ini. Hal ini kerana bahan tersebut merekodkan informasi penting berkaitan topik kajian pada masa dan situasi tertentu (Silverman, 2006). Data-data daripada penulisan buku-buku, artikel, keratan akhbar, sumber internet, video, dan sebagainya dihipunkan dan dibuat analisis serta dibentangkan.

Ini selari dengan kesimpulan Bowen (2009) bahawa konsep keseluruhan kajian dokumen ialah proses “menilai dokumen sedemikian rupa sehingga pengetahuan empirikal dihasilkan dan pemahaman dikembangkan”. Ia bukan sekadar proses menyusun koleksi

petikan yang menyampaikan apa sahaja yang dikehendaki oleh kajian, bahkan penyelidik perlu mengekalkan objektiviti dan mempunyai kepekaan yang tinggi supaya keputusan analisis dokumen dapat dipercayai dan sah (Bowen, 2009).

Menurut O'Leary (2014), terdapat tiga jenis utama dokumen iaitu:

- i. Rekod Awam: Rekod rasmi, aktiviti yang berterusan. Contohnya termasuk laporan teknikal, dasar dan polisi kerajaan, pernyataan misi, laporan tahunan, buku panduan strategi, dan rancangan strategik.
- i. Dokumen Peribadi: Akaun orang pertama mengenai tindakan, pengalaman, dan kepercayaan individu. Contohnya termasuk kalendar, e-mel, buku kecil, blog, media sosial, log tugas, laporan kejadian, refleksi / jurnal, dan akhbar.
- ii. Bukti Fizikal: Objek fizikal yang terdapat dalam persekitaran kawasan kajian (selalunya dipanggil artifak). Contohnya termasuk risalah, poster, agenda, buku panduan, dan bahan-bahan latihan.

Seterusnya, kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data yang diperoleh. Seperti yang dikatakan oleh Bowen (2009), analisis kandungan adalah satu bentuk penyelidikan kualitatif di mana dokumen-dokumen ditafsirkan oleh penyelidik untuk memberi suara dan makna di sekitar topik penilaian.

Metodologi ini membolehkan penerokaan menyeluruh terhadap bentuk hubungan yang ada antara UMNO dan PAS sebelum berlangsungnya PRU 14, selepas berlangsungnya PRU 14 dan menjelang berlangsungnya PRU 15.

1.7 Skop Kajian

Pemilihan pelaksanaan kerjasama UMNO dan PAS untuk dikaji ialah kerana mereka mewakili sejumlah besar orang-orang Melayu dan Islam di negara ini. Jika kedua-dua buah parti ini bekerjasama maka impaknya kepada politik Malaysia diyakini akan menjadi amat besar. Ini kerana kedua-dua buah parti ini telah sekian lama berseteru sejak penubuhan UMNO pada tahun 1946 dan penubuhan PAS pada tahun 1951, melainkan sekejap antara tahun 1973 dan tahun 1977 dalam mana mereka bekerjasama.

Dengan kekuatan akar umbi dan bilangan ahli di cawangan, bahagian/kawasan dan negeri yang besar maka tentunya gabungan UMNO dan PAS akan menjadi satu kekuatan besar yang sukar ditandingi. Dengan dasar perjuangan mereka yang hampir sama, iaitu ideologi Melayu Islam, maka dasar-dasar Malaysia juga boleh berubah sekiranya kedua-dua buah parti ini bekerjasama dalam membentuk kerajaan. Sebab itulah maka potensi kerjasama UMNO dan PAS lebih menarik untuk dikaji berbanding potensi kerjasama parti-parti lain.

Pemilihan tempoh masa kajian kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14 dan pra PRU 15, 2018-2022, pula dipilih kerana dalam tempoh inilah keperluan untuk UMNO dan PAS menjalinkan kerjasama berada pada fasa tertinggi. Ia timbul setelah BN yang didominasi oleh UMNO tewas kepada PH dalam PRU 14 manakala GS yang didominasi oleh PAS pula terus gagal dalam cubaan untuk mengambil-alih tampuk kuasa pemerintahan negara.

Kerjasama UMNO dan PAS dilihat sebagai respon kepada pembahagian kuasa yang tidak seimbang dalam negara di mana kuasa politik Melayu dilihat semakin pudar dan terpinggir sebagai pembangkang manakala kuasa politik bukan Melayu menjadi semakin dominan

dan menonjol sebagai pemerintah. Kerjasama UMNO dan PAS dilihat berpotensi untuk mengembalikan kuasa politik Melayu menjadikan wujudnya gerakan terancang yang bersusun untuk merealisasikan kerjasama dalam MN.

Begitupun, pada 24 Februari 2020 Kerajaan PH tumbang digantikan oleh Kerajaan PN yang diketuai oleh Muhyiddin dengan kedua-dua UMNO dan PAS menyertai kerajaan ini. Kerajaan PN ini bagaimanapun tidak mampu bertahan lama di mana Muhyiddin turut meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 16 Ogos 2021 dan ini memberi ruang kepada sebuah kerajaan baru yang diketuai oleh Ismail Sabri pada 21 Ogos 2021 dengan kedua-dua UMNO dan PAS, serta BERSATU, terus menyertai kerajaan baharu ini.

Pada 10 Oktober 2022 Ismail Sabri pula membubarkan Parlimen bagi membolehkan PRU 15 dilangsungkan pada 19 November 2022. Menariknya, dalam PRU 15 ini kedua-dua UMNO dan PAS bertanding menggunakan platform yang berbeza. UMNO bertanding menggunakan platform BN yang bergerak secara solo manakala PAS pula bertanding menggunakan platform PN yang diketuai oleh BERSATU.


Sebab itulah kajian ini penting kerana ia akan mengenal pasti dan menghuraikan segala perkembangan yang berlaku dalam kedua-dua buah parti ini sehingga menyebabkan kerjasama yang telah terjalin terburai di pertengahan jalan.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia merupakan penelitian ke atas cubaan kerjasama politik paling mutakhir antara UMNO dan PAS, iaitu antara tahun 2018 ke tahun 2022. Kajian ini akan

meneliti sebab mengapa berlakunya kerjasama politik antara UMNO dan PAS selepas berlangsungnya PRU 14 dan sebab mengapa kerjasama politik antara UMNO dan PAS gagal dipertahankan menjelang berlangsungnya PRU 15.

Kajian ini akan menjadi tambahan kepada kajian lain yang pernah dilakukan berhubungkait permasalahan kerjasama politik ini dalam ruang lingkup lebih besar. Tidak dinafikan sudah ada beberapa kajian mengenai kerjasama politik antara UMNO dan PAS atau antara PAS dan parti-parti politik lain sebelum ini.

Bagaimanapun, kajian-kajian itu sudah agak “outdated” kerana ruang lingkupnya terhad kepada tempoh yang sudah agak lampau. Contohnya adalah kajian Sarjana Kamarul Zaman Haji Yusoff dari Universiti Malaya pada tahun 2004 bertajuk “PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982” yang mengkaji kerjasama politik UMNO dan PAS antara tahun 1973 dan tahun 1977. 

Begitu juga dengan kajian Doktor Falsafah Mohd Izani Mohd Zain juga dari Universiti Malaya pada tahun 2017 bertajuk “PAS Dalam Kerjasama Politik Di Malaysia, 1999-2015” yang mengkaji kerjasama politik antara PAS dengan PKR dan DAP dalam BA, 1999-2008, dan dalam PR, 2008-2015.

Pada pengamatan penyelidik, hingga sekarang belum ada lagi kajian yang menyeluruh dibuat mengenai keberkesanan kerjasama antara dua parti politik terbesar tanahair khususnya pada era mutakhir ini.

Oleh itu, hasil kajian ini penting kerana ia akan mampu meningkatkan kefahaman mengenai sama ada penyatuan orang-orang Melayu Islam di dalam satu gagasan adalah sesuatu yang baik, diperlukan dan boleh menjadi kenyataan atau tidak. Selain itu, ia juga akan mengungkap cabaran-cabaran yang dihadapi untuk menyatukan orang-orang Melayu Islam di dalam dua parti politik terbesar tanah air ini.

Persoalan politik di Malaysia jarang sekali dibincangkan dengan tumpuan khusus kepada kerjasama antara parti-parti politik terbesar. Oleh itu, hasil kajian ini penting untuk membolehkan kita mengetahui bagaimana tindakan untuk bekerjasama dalam politik akan memberi kesan kepada terhadap penyatuan orang Melayu.

Malah, dapatan kajian ini akan memberi manfaat kepada UMNO dan PAS untuk membuat perancangan strategik dan hala tuju mereka dalam dunia politik. Jika kerjasama politik begini mahu dilakukan apakah perkara-perkara penting yang perlu diambil kira, kesemuanya ada didedahkan dalam kajian ini.

1.9 Rumusan

Ringkasnya, kajian ke atas kerjasama politik Melayu-Islam, khususnya antara UMNO dan PAS, adalah amat perlu kerana besarnya impak hubungan tersebut kepada politik negara. Dalam konteks kajian ini, kerjasama politik UMNO dan PAS antara tahun 2018 dan tahun 2022 lebih penting untuk dikaji kerana ia merupakan usaha paling tersusun kedua-dua buah parti politik ini sehingga kini.

Ada beberapa parti politik Melayu-Islam lain di negara ini, tetapi pengaruh mereka tidak besar berbanding UMNO dan PAS yang mempunyai sejarah perjuangan yang panjang serta jumlah keahlian yang besar. Penelitian ke atas punca-punca kegagalan kerjasama politik UMNO dan PAS mutakhir ini adalah penting sebagai pengajaran dan panduan untuk apa-apa kerjasama politik pada masa hadapan.



BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Definisi Konsep

Dalam konteks sistem demokrasi, kewujudan parti politik adalah satu keperluan kerana ia dapat menjayakan penyertaan politik dalam kalangan rakyat (Mohamed Mustafa & Afifi (2006). Parti politik juga penting sebagai pengikat pandangan orang ramai yang pelbagai menjadi tersusun mengikut lunas dan peraturan organisasi yang telah ditetapkan (Maurice, Duverger (1967). Peranan tersebut akan menjadikan penyertaan politik rakyat lebih sistematik melalui prinsip-prinsip tertentu yang dipersetujui bersama dan dengan itu, ia dapat membezakan aliran pandangan dalam parti politik yang lain (Harris, 1976).

Selain itu, parti politik menjadi alat atau platform untuk bersaing mendapatkan kuasa politik secara sah dalam proses demokrasi melalui pilihanraya. Mengikut rekod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) setakat 18 Julai 2017, BN merupakan parti yang didaftarkan sebagai gabungan parti-parti politik di Malaysia.

Kewujudan pelbagai parti dan persaingan kuasa melalui pilihanraya menggambarkan proses demokrasi berjalan secara terbuka di Malaysia. Lebih menarik, kewujudan sistem pelbagai parti yang diamalkan di Malaysia bukan sahaja mewujudkan persaingan politik, tetapi juga telah mendorong berlakunya kerjasama politik antara parti politik (Mohd Izani, 2017). Persaingan politik memungkinkan berlakunya kompromi dan kerjasama antara

parti politik sebagai satu strategi mendapatkan kuasa dengan lebih berkesan (Holyoke, 2009).

Kerjasama politik adalah antara ciri penting politik Malaysia kerana terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Memandangkan penubuhan parti politik pada awal kemerdekaan adalah berasaskan perkauman atau mewakili kaum-kaum tertentu, sesebuah parti yang ingin menubuhkan kerajaan perlu mendapatkan sokongan semua pihak melalaui kerjasama dengan kaum atau pihak yang lain (Mohd Izani, 2017).

2.2 Definisi Kerjasama Parti Politik

Kerjasama politik adalah satu strategi parti politik dalam usaha menambah sokongan bagi membolehkan mereka memenangi pilihan raya dan seterusnya menubuhkan sebuah kerajaan. Kerjasama politik sering melihat kepada beberapa aspek penting seperti toleransi, tawar-menawar dan berkongsi kuasa yang melibatkan kumpulan yang berbeza. Kerjasama politik yang dimaksudkan di sini ialah kerjasama yang melibatkan dua pihak atau lebih untuk mencapai tujuan dan matlamat politik. Kerjasama politik tidak semestinya antara parti politik dengan parti politik, tetapi turut melibatkan parti politik dengan pertubuhan atau organisasi yang menyokong kepada matlamat dan kepentingan bersama.

Kerjasama politik boleh berlaku dalam beberapa bentuk antaranya melalui pakatan pilihanraya seperti strategi satu lawan satu dalam pilihanraya dan pakatan isu dan kepentingan tertentu yang mengikat menjadi sebuah polisi bersama. Tujuan utama kerjasama politik adalah untuk mencapai matlamat tertentu dengan bersandarkan kepada

isu atau kepentingan yang disepakati secara bersama. Selain kerjasama politik, istilah seperti permuafakatan politik, persefahaman politik, politik consensus, politik akomodasi, setiakawan dan perkongsian kuasa turut digunakan bagi maksud yang sama.

2.3 Kerjasama Politik Di Malaysia

Dalam konteks di Malaysia, kerjasama politik berlaku pada beberapa bentuk dan peringkat iaitu sama ada inter parti dan intra parti. Kerjasama politik inter parti boleh dilihat melalui kerjasama antara parti pemerintah, parti pemerintah dengan parti pembangkang dan antara parti-parti pembangkang. Kerjasama politik di Malaysia telah dimulakan oleh Perikatan apabila UMNO bekerjasama dengan Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC).

Kejayaan Perikatan memenangi pilihan raya pertama pada 1955 dan awal kemerdekaan adalah hasil kerjasama antara kaum melalui parti politik seperti UMNO yang mewakili orang Melayu, MCA yang mewakili orang Cina dan MIC yang mewakili orang India. Kerjasama politik dalam Perikatan dikembangkan melalui konsep BN pada 1974 dengan penambahan keahlian gabungan parti baharu termasuk parti pembangkang, iaitu PAS. Perikatan dan BN tidak pernah gagal untuk memenangi setiap kali Pilihan Raya Umum (PRU) sejak 1955. Ini sekaligus membuktikan bahawa setiap parti politik yang mahu memenangi pilihanraya sekaligus membentuk kerajaan mestilah mengadakan kerjasama politik (Mohd Izani, 2017).

Perikatan dan BN yang dibentuk berasaskan faktor sejarah dan kontrak sosial telah berjaya mengekalkan permuafakatan politik dan perkongsian kuasa antara kaum dalam negara.

Ketiadaan kerjasama politik melalui pakatan pembangkang yang kukuh dan lestari telah memudahkan penguasaan Perikatan dan BN dalam politik Malaysia sejak kemerdekaan lagi. Tidak dinafikan, kerjasama politik antara parti pembangkang sememangnya wujud tetapi ia lebih berbentuk pakatan pilihan raya, iaitu bersifat jangka pendek dan tidak berstruktur. Dalam kata lain, pakatan pembangkang yang ditubuhkan lebih berfokus untuk menghadapi pilihan raya dan oleh kerana itu ia tidak dapat dikekalkan dalam tempoh yang lama selepas pilihan raya berlangsung (Mohd Izani, 2017).

Dalam konteks negara majmuk dan berbilang kaum, kerjasama politik amat penting untuk mencapai kestabilan politik. Dari segi sejarah, konsep kerjasama politik sebenarnya telah mula diaplikasi sebelum pembentukan Perikatan dan BN lagi, iaitu melalui penubuhan Communities Liaison Committee atau CLC pada 1949 (Fernando, 2012). CLC ditubuhkan oleh pihak British sebagai satu inisiatif untuk mempromosi persefahaman dan kerjasama dalam kalangan elit politik bagi mencapai consensus nasional dan pembangunan bangsa. Penubuhan CLC sangat kritikal pada ketika itu apabila Tanah Melayu berhadapan dengan ancaman ketegangan kaum dan komunis khususnya apabila Persekutuan tanah Melayu diperkenalkan pada 1948. Meskipun CLC adalah sebuah organisasi yang tidak rasmi, namun banyak keputusan yang dicapainya diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara kaum di Tanah Melayu. Malah, CLC dianggap sebagai pencetus kepada kemunculan konsep ‘consociational democracy’ yang seterusnya telah mencorakkan landskap politik di Malaysia.

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan konsep ‘consociational democracy’ yang memberi penekanan kepada soal perkongsian kuasa antara kaum. Menurut Lijphart,

konsep consociational yang diperkenalkan oleh beliau, boleh menyatukan kumpulan yang bersaing dengan memberi focus kepada kerjasama antara elit setiap segmen dalam masyarakat melalui satu gabungan politik atau grand coalition (Lijphart, 1969). Selain kerjasama elit politik, perkongsian kuasa menurut Lijphart perlu menghormati keputusan dan pandangan semua pihak (consensus) (Lijphart, 1999) untuk menerima atau menolak satu-satu perkara atau mutual veto, mengiktiraf hak atau autonomi untuk memperjuangkan kepentingan setiap kumpulan atau segmental autonomi dan pengagihan sumber yang adil dan mengikut keperluan pada setiap kumpulan yang bekerjasama.

Kerjasama politik menggunakan konsep consociational dilihat sebagai asas kepada kejayaan Perikatan dan seterusnya BN dalam menguruskan perkongsian kuasa atau permuafakatan antara kaum. BN ditubuhkan pada 1974 dan mempunyai 13 parti komponen iaitu UMNO, MCA, MIC, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Sarawak People's United Party (SUPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), People Progressive Party (PPP), Liberal Democratic Party (LDP), Parti Bersatu Sabah (PBR), United Pasokmomogun Kadazan Dusun Murut Organization (UPKO), Parti Bersatu Sabah (PBS), Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS).

Bagaimanapun, konsep consociational dikritik kerana ia dilihat lebih memberi kuasa kepada peranan elit politik, menafikan kuasa majoriti dan tidak mencerminkan perkembangan terkini politik semasa negara. Perkongsian kuasa berasaskan perbezaan kaum didakwa tidak lagi relevan kerana banyak lagi faktor lain perlu diambil kira seperti perbezaan kelas, politik ekonomi dan dominasi Islam dalam politik Melayu (Johan

Saravanamuthu, 2015). Kritikan ini membawa kepada pengenalan kepada konsep Centripetalism oleh Reilly (2006) yang memberi penekanan kepada pendekatan sederhana dan menjangkau factor perkauman. Konsep centripetalism ini cuba dibawa dan diperjuangkan oleh Pakatan Harapan sebagai alternative kepada perkongsian kuasa yang lebih lestari berbanding pendekatan consociational yang telah digagaskan oleh BN.

Selain itu, wacana kerjasama politik memberi penekanan kepada soal tempoh masa dan jangka hayat. Menurut Maurice (1967). Kerjasama politik boleh wujud dalam dua keadaan. Pertama, kerjasama yang tidak tersusun dan bersifat sementara. Kerjasama dalam bentuk ini kebiasaannya hanya bertujuan untuk menggantikan kerajaan sedia ada dalam pilihan raya. Kedua, kerjasama yang lebih tersusun dan untuk jangka masa yang lama. Pendekatan ini akan membentuk satu kerjasama politik yang kukuh umpama sebuah parti politik yang besar (super parties).

Berbanding dengan bentuk kerjasama pertama, kerjasama kedua tidak terhenti selepas pilihan raya, sebaliknya parti-parti politik yang terlibat akan meneruskan kerjasama politik mereka. Dalam usaha untuk membezakan kerjasama politik yang bersifat sementara dan kekal, Maurice (1967) mencadangkan agar perkataan coalition digunakan untuk merujuk kepada kerjasama bersifat jangka pendek manakala alliance kepada kerjasama yang lebih kukuh dan bersifat jangka panjang.

Kajian ini akan memberi fokus kepada kerjasama politik oleh UMNO dan PAS selepas pasca PRU 14. Dalam kalangan parti pembangkang kini, UMNO adalah parti politik yang mempunyai pengalaman panjang dan tersendiri dalam menjayakan kerjasama politik.

UMNO adalah salah sebuah parti politik yang bersaing dalam proses demokrasi melalui pilihan raya sejak tahun 1955 lagi dan menjadi satu-satunya parti yang masih bertahan sejak kemerdekaan hingga kini.

2.4 Sejarah Kerjasama UMNO dan PAS

Kerjasama politik UMNO dengan PAS dalam Kerajaan Campuran pada tahun 1973 dan seterusnya melalui Barisan Nasional (BN) pada 1974 bermatlamat untuk memperkukuh keselamatan negara dan perpaduan Melayu (Diane K.Mauzy, 1983). Kerjasama politik ini bertitik tolak daripada perkembangan bersejarah negara yang mempengaruhi situasi politik pada ketika itu, iaitu keputusan Pilihan Raya Umum 1969 dan tragedi 13 Mei 1969. Pilihan Raya Umum yang telah berlangsung pada 10 Mei 1969 telah memahat keputusan yang mengubah lanskap politik negara ketika itu. Meskipun Perikatan memenangi pilihan raya, sokongan yang diterima semakin merosot. Perikatan hanya menguasai 74 buah kerusi daripada 140 buah kerusi parlimen yang dipertandingkan, berbanding 89 buah kerusi pada 1964. Jumlah undi popular yang diperolehi Perikatan juga kurang daripada separuh jumlah pengundi secara keseluruhan iaitu 44.9 peratus di peringkat parlimen dan 45.7 peratus di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) (Mohd Izani, 2017).

Satu perkembangan yang membimbangkan UMNO khususnya pada ketika itu ialah kemaraan tiga buah parti yang didukung oleh bukan Melayu iaitu Democratic Action Party (DAP), Gerakan dan Parti Progresif rakyat dalam Pilihan Raya Umum 1969. Ketiga-tiga buah parti ini telah mendapat sokongan besar pengundi di Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Dalam hal ini, Gerakan boleh menubuhkan kerajaan di Pulau Pinang dengan

kemenangan di 16 buah kerusi DUN berbanding empat kerusi oleh Perikatan (Mohd Izani, 2017).

Keputusan Pilihan Raya Umum 1969 turut diwarnai dengan isu sensitif yang melibatkan perkauman dan agama. Kemenangan DAP, Gerakan dan Parti Progresif Rakyat dalam pilihan raya 1969 telah mencetuskan dikotomi politik antara orang Melayu dan bukan Melayu apabila isu kedudukan dan hak keistimewaan orang Melayu dibangkitkan menjelang pilihan raya. Ketiga-tiga manifesto pilihan raya parti ini menjelaskan pendirian mereka agar semua kaum dilayan sama rata, adil dan saksama iaitu Gerakan melalui manifesto “Persamaan Hak, Keadilan dan Persamaan Peluang Untuk Semua: Tujuan Kami”, DAP “Menuju Arah Malaysia Untuk Rakyat Malaysia” dan Parti Progresif Rakyat dengan manifesto “Malaysia Untuk Rakyat Malaysia” (Zahari Awang, 1969).

DAP misalnya telah mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu. Parti itu turut menggesa agar kerajaan tidak memberi focus kepada satu kaum sahaja dan hegemoni kaum Melayu khususnya dalam bidang politik dan sosial perlu dihentikan (Kiran Kapur Data, 1983). Pada masa yang sama, DAP dan PPP turut berkempen agar Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil diangkat menjadi Bahasa rasmi negara. Kesemua tuntutan ini telah meresahkan masyarakat Melayu dan menimbulkan ketegangan dalam hubungan antara kaum pada ketika itu.

Perkembangan ini telah memberi pengajaran dan membuka peluang kepada UMNO dan PAS untuk duduk semeja, bekerjasama dan melupakan persengketaan selama ini demi kebaikan bersama. Ia menjadi titik utama berlakunya kerjasama politik dalam kerajaan

campuran antara UMNO/Perikatan dan PAS. Sebelum ini, UMNO sanggup meminggirkan kepentingan sokongan orang Melayu dalam PAS kerana lebih mengutamakan kerjasama dengan orang bukan Melayu.

Menurut Mahathir Mohamad, UMNO sebenarnya boleh bekerjasama dengan PAS bagi mendapatkan undi Melayu tetapi langkah ini akan meminggirkan masyarakat Cina dan India dan seterusnya boleh menjejaskan kestabilan negara. Inilah sebabnya kenapa UMNO tidak bergabung dengan PAS untuk menentang pihak lain. Selepas krisis 1969, UMNO mengubah nada terhadap PAS apabila mengakui gagal menyatukan kesemua orang Melayu dalam UMNO dan menerima hakikat sebahagian orang Melayu menyokong PAS. Bagi UMNO, kerjasama dengan PAS amat penting bagi mencapai perpaduan orang Melayu (Mahathir, 1976)

Idea kerjasama politik antara UMNO dan PAS telah membawa kepada cadangan penubuhan kerajaan campuran. Dalam hal ini, kerjasama politik dalam kerajaan campuran bukan sahaja dapat meredakan suhu politik negara pada ketika itu, tetapi lebih penting dapat membantu usaha kerajaan menyusun semula masyarakat yang selama ini terpisah mengikut aktiviti ekonomi kaum masing-masing. Perdana Menteri, Abdul Razak Hussein dalam ucapan dasar beliau di Perhimpunan Agung UMNO kali ke 23 pada Jun 1972 menyatakan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan perlu dibentuk demi kepentingan negara dan rakyat.

Memandangkan persaingan UMNO dan PAS telah berlaku sejak sekian lama iaitu sebelum kemerdekaan lagi, ia bukanlah satu usaha yang mudah untuk menyatukan kedua-

dua buah parti Melayu dan Islam terbesar negara ini dalam sebuah kerjasama politik. Sehubungan dengan itu, proses kerjasama politik ini mengambil masa yang paling lama untuk direalisasikan. Sejak idea kerjasama politik dan kerajaan campuran ini dibangkitkan, iaitu selepas beberapah hari berlakunya tragedi 13 Mei 1969, ia hanya dapat dilaksanakan secara rasmi pada 1 Januari 1973.

Kajian utama mengenai kerjasama UMNO dan PAS sebelum ini dapat diterangkan dengan lebih jelas di dalam tesis Sarjana Kamarul Zaman Haji Yusoff dari UM pada tahun 2004 yang bertajuk “PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982” yang mengkaji bagaimana Presiden PAS, Mohd Asri Muda, membawa PAS bercampur, dan kemudiannya bergabung dengan UMNO.

Kerjasama ini, walau bagaimanapun, bersifat amat peribadi dan terus terputus ekoran kematian pengasas bersamanya, Presiden UMNO ketiga, Abdul Razak Hussein, dengan tindakan UMNO mengeksploitasikan krisis dalaman PAS di Kelantan untuk menguasai negeri itu menjadi factor terdekatnya.

Begitu juga dengan Tesis Kedoktoran Mohammad Tawfik Yaakub dari UM pada 2018 bertajuk “Kerjasama Politik Melayu-Islam: Analisis Hubungan UMNO-PAS Dari Tahun 1968 Hingga 1978” yang mengenal pasti peristiwa yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Muslim pada tahun 1973, menilai dinamika politik UMNO-PAS antara tahun 1968 hingga 1978, dan menganalisis impak kerjasama politik UMNO-PAS terhadap perkembangan Melayu-Muslim.

Bagi melaksanakan penyelidikan ini, teori kerjasama dan konsep Tahaluf Siyasi dipilih oleh Mohammad Tawfik sebagai alat analisis kerana pendekatan ini dikatakan berkaitan dengan kajian kerjasama politik Melayu-Muslim. Berdasarkan analisis, kajian ini mendapati bahawa terdapat peristiwa tertentu yang mempengaruhi kerjasama politik Melayu-Muslim pada tahun 1973, kewujudan dinamika politik antara UMNO-PAS, dan impaknya terhadap pembangunan kerjasama politik dalam politik Melayu-Islam di negara ini. Penyelidikan ini juga memberikan pandangan penting yang dapat menyumbang kepada proses kerjasama politik Melayu-Muslim, khususnya melibatkan UMNO dan PAS.

Satu lagi kajian yang relevan ialah Tesis Kedoktoran Mohd Sabri Md Nor dari UM pada 2016 bertajuk “Persaingan Politik Melayu Di Semenanjung Malaysia 1978-2013” yang mengkaji aspek persaingan politik Melayu dalam memperkasakan Islam, merebut kuasa, persaingan kepimpinan dan isu perpaduan antara UMNO dan PAS bermula pada tahun 1978 sehingga tahun 2013.

Kajian ini mendapati bahawa “isu Islam dan Melayu menjadi elemen penting dalam persaingan politik Melayu, dengan Islam lebih mendominasi persaingan” menyebabkan wujudnya “permusuhan antara UMNO dan PAS membabitkan soal agama dan akidah seperti isu kafir mengkafir, hudud dan Negara Islam”. PAS juga dilihat berhati-hati untuk menerima pelawaan UMNO untuk bekerjasama bagi mengelakkan peristiwa tahun 1977 berulang.

Manakala satu lagi tesis Doktor Falsafah Mohd Izani Mohd Zain dari UM pada tahun 2017 bertajuk “PAS Dalam Kerjasama Politik Di Malaysia, 1999-2015” yang mengkaji “kerjasama politik yang dijayakan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) antara 1999 hingga 2015 melalui BA, PR, Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Himpunan Penyokong PAS (DHPP)”.

Kajian ini mendapati PAS mengamalkan konsep Tahaluf Siyasi sebagai pendekatan dalam kerjasama politik bagi membolehkan ia mencapai kemenangan. Ia juga mendapati pembentukan kerjasama politik PAS menyebabkan ia membentuk beberapa pakatan baharu yang menjangkau pilihan raya dengan memberi fokus kepada isu serta kepentingan bersama, menggunakan pendekatan yang toleran, demokratik dan inklusif.

2.5 Teori Kerjasama Politik

Mengikut Majeed, 'pakatan atau kerjasama politik adalah mekanisme yang memasukkan pelbagai kepentingan, yang memastikan kewujudan pelbagai pusat solidariti, yang mengakomodasi pelbagai kumpulan' (2000, 179).

Pakatan atau kerjasama politik antara parti-parti politik boleh berlangsung sebelum atau selepas pilihan raya. Dalam konteks kerjasama politik antara UMNO dan PAS yang menjadi topik kajian ini, ia adalah kerjasama politik sebelum pilihan raya.

Resnick (2011, 736) mentakrifkan kerjasama politik sebelum pilihan raya sebagai 'penyatuan dua atau lebih parti politik di bawah satu bendera parti untuk tujuan pilihan raya atau ... perjanjian yang dirunding di mana parti-parti bertanding di bawah bendera

parti masing-masing tetapi bersetuju untuk tidak bertanding sesama mereka untuk kerusi yang sama'.

Kajian literatur menunjukkan bahawa teori kerjasama politik awal didasarkan pada teori permainan kerjasama (cooperative game theory) kerana teori-teori ini mengabaikan dasar. Dengan kata lain, mereka 'buta dasar politik' (Back, 2008; Tsebelis dan Ha, 2013). Anggapan utama bagi teori-teori ini adalah bahawa 'parti dimotivasikan secara eksklusif oleh matlamat mencapai ganjaran yang dikaitkan dengan jawatan, yang antara lainnya bermakna mengawal kementerian yang penting' (Back 2008, 73).

Pendapat ini disokong oleh Wyatt (1999, 5) yang menyatakan bahawa 'saiz pakatan yang menang adalah penentu utama dalam pembentukan pakatan. Ini digantungkan kepada perkiraan rasional (rational calculation) oleh ahli pakatan'. Menurut hujah ini, politik dianggap sebagai 'satu permainan zero-sum' ('a zero-sum game') di mana ahli pakatan' meletakkan matlamat 'saiz minima yang diperlukan untuk memenangi pertandingan dan dengan itu mengoptimalkan bahagian mereka daripada ganjaran' (Wyatt 1999, 5).

Pada dasarnya, kerjasama mengikut teori-teori ini berpaksikan kepada kesanggupan pihak-pihak yang terlibat yang dipacu oleh manfaat yang akan mereka perolehi dari pakatan, dan pakatan akan berkekalan selagi mana semua ahli komited kepadanya.

Pembentukan pakatan boleh menjadi proses yang fleksibel dan kompleks yang tidak mempunyai penyelesaian yang sama untuk semua. Wyatt (1999, 8-9) mengenal pasti tiga prasyarat yang penting untuk pembentukan pakatan; iaitu 'pengetahuan tentang kekuatan

undi parti', 'pengetahuan tentang rakan-rakan yang berpotensi', dan 'kesanggupan untuk berunding'. Ketiadaan mana-mana prasyarat ini boleh menghapuskan peluang pembentukan pakatan.

Pembentukan pakatan mempunyai beberapa batasan yang menjadikannya satu proses yang rumit dan penuh kesulitan. Brian O'Day (2004, 5) mengenal pasti tiga batasan pembentukan pakatan; 'parti mungkin perlu berkompromi dalam hal keutamaan atau prinsip', 'parti kehilangan sebahagian kawalan ke atas mesej dan keputusan taktikal' bahkan kehilangan 'identiti atau nama mereka dalam tempoh pilihan raya', dan akhirnya 'dengan mengasosiasikan diri dengan ahli pakatan lain, ... parti itu juga mungkin dikaitkan dengan aspek negatif ahli pakatan lain'.

Kita akan melihat sama ada kerjasama politik sebelum pilihan raya antara UMNO dan PAS yang menjadi topik kajian ini adalah memenuhi kehendak teori permainan kerjasama (cooperative game theory).

BAB 3

KEAKRABAN UMNO DAN PAS, PRA PRU 14

3.1 Pendahuluan

Bab Tiga akan membincangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keakraban antara UMNO dan PAS dalam tempoh menjelang PRU 14.

Faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keakraban antara UMNO dan PAS dalam tempoh menjelang PRU 14 ini adalah:

- i. Ketegangan dalam hubungan antara PAS dan parti-parti politik pembangkang lain dalam Pakatan Rakyat (PR).
- ii. Sokongan UMNO ke atas usaha PAS melaksanakan undang-undang Islam yang menjadi teras kepada perjuangannya.
- iii. Kewujudan Pakatan Harapan (PH) sebagai musuh bersama UMNO dan PAS.

3.2 Ketegangan Dalam Hubungan Antara PAS Dan Parti-Parti Politik Pembangkang Lain Dalam Pakatan Rakyat (PR)

Sejak berlakunya pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September 1998, diikuti dengan pemecatan keahlian beliau dari UMNO keesokan harinya, PAS teguh berjuang bersama-sama beliau di dalam gerakan pembangkang.

Setelah Anwar ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 20 September 1998, para penyokong beliau telah mengambil-alih Ikatan Masyarakat Islam Malaysia (IKATAN) dan melancarkannya kembali di bawah nama Parti Keadilan Nasional (PKN) pada 4 April 1999 (“KeADILan dilancar di hotel lima bintang”, 1999).

PAS kemudiannya bergabung dengan PKN, DAP dan PRM di dalam satu pakatan pembangkang yang bernama Barisan Alternatif (BA) bagi menghadapi PRU 10 pada 29 November 1999 dengan PAS menandingi 63 kerusi manakala PKN menandingi 58 kerusi, DAP menandingi 38 kerusi dan PRM menandingi 3 kerusi. Hasilnya, BA berjaya memenangi 42 kerusi, iaitu 27 melalui PAS, 10 melalui DAP dan 5 melalui PKN (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999).

Kerjasama PAS dan DAP dalam BA bagaimanapun gagal bertahan lama. Ketegasan PAS untuk menubuhkan negara Islam, yang membuak setelah ia menjadi parti politik pembangkang terbesar dalam PRU 10, tidak disenangi oleh DAP. Setelah berlaku pertikaian terbuka antara kedua-dua parti, Kongres Kebangsaan DAP pada 19 Ogos 2001 memberi mandat kepada Jawatankuasa Eksekutif Pusat DAP untuk menentukan kedudukan DAP di dalam BA. Jawatankuasa Eksekutif Pusat DAP kemudiannya menarik DAP keluar dari BA mulai 22 September 2001 (“DAP pulls out of coalition”, 2001).

PAS bagaimanapun kekal bersama-sama PKN dan PRM di dalam BA, dengan PKN dan PRM bergabung untuk menubuhkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang pelancarannya dibuat pada 3 Ogos 2003 (“Parti gabungan KeADILan, PRM dilancar”, 2003).

Setelah Mahathir tidak lagi menjadi Perdana Menteri dan digantikan oleh Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Oktober 2003 (“House bids emotional farewell to Dr Mahathir”, 2003), PAS kekal bersama-sama PKR di dalam BA bagi menghadapi PRU 11 pada 21 Mac 2004.

PAS menandingi 86 kerusi manakala PKR menandingi 59 kerusi dalam PRU 11, dengan PAS menang 5 kerusi manakala PKR menang 1 kerusi (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2004). DAP yang bertanding bersendirian pula menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan memenangi 12 kerusi.

Belajar dari kesilapan dalam PRU 11, selain dibantu oleh serangan Mahathir ke atas Abdullah, serta kembalinya Anwar ke dalam arena politik bila dibebaskan dari hukuman (penjara enam tahun bagi empat tuduhan rasuah yang dikenakan pada 14 April 1999) pada 2 September 2004, PAS dan PKR memasuki PRU 12 pada 8 Mac 2008 dengan membuat persefahaman longgar dengan DAP.

Dalam PRU 12 ini buat pertama kali PKR mendominasi pakatan pembangkang dengan menandingi 97 kerusi berbanding 66 kerusi PAS dan 47 kerusi DAP. Hasilnya, ketiga-tiga parti politik ini menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam PRU 12 di mana PKR menang 31 kerusi, DAP menang 28 kerusi dan PAS menang 23 kerusi (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2008)

Menyusuli PRU 12 ini, PAS, PKR dan DAP membentuk pakatan pembangkang baharu bernama Pakatan Rakyat (PR) bagi membolehkan mereka berkongsi memerintah Kedah,

Selangor, Pulau Pinang dan Perak, walaupun Perak akhirnya tumbang ke tangan BN pada tahun 2009 ekoran pengkhianatan beberapa orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari PR.

Dalam PRU 13 pada 5 Mei 2013, dengan Najib Razak menjadi Perdana Menteri menggantikan Abdullah pada 3 April 2009, PR sekali lagi menunjukkan pencapaian yang membanggakan di mana PKR menang 29 kerusi, DAP menang 38 kerusi dan PAS menang 21 kerusi sekali gus membolehkan mereka sekali lagi berkongsi memerintah Selangor dan Pulau Pinang (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2008). Bilangan kerusi yang mereka tandangi pula ialah 99 kerusi PKR, 73 kerusi PAS dan 41 kerusi DAP.

Begitupun, setelah berlangsungnya PRU 13, ketegangan mula berlaku dalam hubungan antara PAS dengan DAP dan PKR kerana beberapa faktor.

Pertamanya adalah kerana, berbanding dalam PRU 10 di mana PAS dominan di dalam BA dan dalam PRU 12 di mana PKR dominan di dalam PR, dalam PRU 13 DAP dominan kerana menjadi pemegang kerusi terbanyak, iaitu 38. Ini ditambah pula dengan tindakan dan kenyataan para pemimpin DAP yang menunjukkan bahawa ia mahu menjadi ketua secara de facto kepada PR.

PKR pula, dalam pada itu, membuat langkah politik sendiri dengan memperkenalkan Langkah Kajang bagi memberi peluang kepada Anwar menyertai satu Pilihan Raya Kecil (PRK) di Kajang pada 23 Mac 2014 ("Pilihan raya kecil", 2014). Ini bertujuan untuk

membolehkan beliau menjadi Menteri Besar Selangor menggantikan tempat Abdul Khalid Ibrahim.

PAS tidak bersetuju dengan tindakan PKR ini serta tidak begitu membantu kempen PKR di Kajang. Anwar sendiri pula tidak boleh bertanding di sini bila Mahkamah Rayuan pada 7 Mac 2014 menjatuhkan hukuman bersalah kepada beliau dalam kes liwat (“Anwar bersalah liwat Saiful”, 2014).

Tempat Anwar di Kajang akhirnya digantikan oleh isteri beliau, Dr Wan Azizah Wan Ismail (“Wan Azizah ganti Anwar”, 2014), yang menang di kerusi tersebut (“Wan Azizah menang”, 2014).

Walaupun begitu, hasrat PKR untuk meletakkan Wan Azizah sebagai Menteri Besar tidak kesampaian apabila PAS tidak bersetuju seorang perempuan dilantik sebagai Menteri Besar. PAS sebaliknya mencalonkan lebih dari satu nama calon Menteri Besar kepada Sultan Selangor dan pada akhirnya salah satu nama calon PAS ini, iaitu Mohamed Azmin Ali, diperkenankan oleh Sultan Selangor sebagai Menteri Besar (“Istana perkenan lantik Azmin”, 2014).

Anwar pula kembali mendekam dalam penjara bila dijatuhkan hukuman 5 tahun penjara oleh Mahkamah Persekutuan pada 10 Februari 2015 menyebabkan PKR sekali lagi kehilangan beliau. Dalam pada itu, PAS pula menghadapi pemergian Nik Abdul Aziz Nik Mat, tokoh instrumental dalam kerjasama PAS, pada 12 Februari 2015.

Dalam tempoh ini, hubungan antara PAS dan DAP pula menjadi tegang bila Pengerusi DAP, Karpal Singh, menyatakan pada 2 April 2014 bahawa penentangan keras DAP ke atas hudud yang sedang diusahakan perlaksanaannya oleh PAS (“Hudud Is Certainly Not A Law”, 2014).

Ini sebagai maklum balas DAP kepada kenyataan Menteri Besar Kelantan, Ahmad Yakob, pada hari sama bahawa Kerajaan Kelantan akan membawa satu peruntukan Rang Undang-Undang (RUU) persendirian ke sidang Parlimen dalam tempoh terdekat melalui salah seorang dari Ahli Parlimennya bagi melaksanakan hudud. Turut mahu dibawa ialah satu RUU persendirian lain bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 untuk menambahkan bidang kuasa Mahkamah Syariah Negeri Kelantan bagi membolehkan ia menghukum seperti yang digaris dalam Enakmen Hudud (“Kenyataan Media”, 2014).

Ini diikuti oleh kenyataan Gobind Singh Deo pada 24 April 2014 bahawa DAP akan menentang dan menolak secara tegas, terbuka dan penuh jika PAS tetap mahu meneruskan hasrat membentangkan RUU persendirian untuk melaksanakan hudud (“DAP dan PKR berhak bantah”, 2014).

Menyusulinya adalah kenyataan Anthony Loke Siew Fook pada 25 April 2014 bahawa PAS wajar berundur secara terhormat dari PR sekiranya ia tetap mahu melaksanakan sebarang perkara yang tidak sejajar dengan PR (“PAS perlu berundur”, 2014).

Keadaan menjadi lebih tegang bila Gobind Singh Deo menyebut pada 27 April 2014 bahawa PAS perlu memikirkan kembali kerelevanan kewujudannya di dalam PR ekoran

isu hudud (“Guan Eng: DAP never agreed”, 2014) manakala Tan Kok Wai menyatakan pada 30 April 2014 bahawa PAS tidak ada tempat dalam PR jika ia berkeras dengan agenda hududnya (“DAP: PAS boleh terus mimpi”, 2014).

Ancaman pemimpin DAP ini bagaimanapun tidak dihiraukan oleh Abdul Hadi. Beliau menyerahkan RUU Persendirian bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 di Parlimen pada 18 Mac 2015. Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pula meluluskan pindaan Kanun Jenayah Syariah Kelantan pada 19 Mac 2015 (“Kelantan's hudud bill”, 2015).

Di pihak DAP pula, Mesyuarat CEC-nya pada 23 Mac 2015 memutuskan untuk tidak bekerjasama dengan Presiden PAS atas alasan perlanggaran konsensus dalam isu perlaksanaan hudud ini, selain dalam isu Langkah Kajang. DAP juga menyatakan ia sudah hilang kepercayaan kepada Presiden PAS dan akan memutuskan kerjasama dengan beliau. (“Ketetapan mesyuarat”, 2015).

Pada masa yang sama, kemelut dalam isu perlaksanaan hudud dan dalam isu hubungan PAS-DAP ini mendorong sekumpulan pemimpin dari golongan progresif dalam PAS mencabar semua jawatan utama PAS dalam Muktamar Tahunan PAS, termasuk jawatan Presiden PAS (“Ahmad Awang cabar Abdul Hadi”, 2015).

Golongan ini bagaimanapun mengalami kekalahan teruk dalam pemilihan PAS ini. Kesemua mereka ditewaskan oleh lawan masing-masing, termasuk Mohamad Sabu yang kalah bagi jawatan Timbalan Presiden (“Proulame terajui kepimpinan PAS”, 2015).

Selain itu, Muktamar Tahunan PAS ini juga menerima tanpa bahas usul wakil Dewan Ulama supaya kerjasama politik PAS-DAP dikaji semula (“PAS Lulus Usul 'Berceraikan’”, 2015).

CEC DAP pula mengisytiharkan ia menerima usul ini dan ia mengakibatkan PR tidak lagi wujud kerana usul itu didakwa telah membunuh PR (“Tidak wujud lagi ‘Pakatan Rakyat’”, 2015).

Keputusan ini memutuskan kerjasama PAS dan DAP di peringkat parti. Di peringkat kerajaan, DAP menendang keluar wakil PAS di Pulau Pinang (“Guan Eng isytihar”, 2015). Begitupun, PAS kekal dalam Kerajaan Selangor yang diketuai oleh PKR (“PAS Kekal”, 2015).

Susulan perpecahan dalam PR ini, kumpulan pemimpin PAS yang kalah dalam pemilihan telah membuat resolusi untuk menubuhkan parti baharu yang berteraskan Islam, merangkumi ciri-ciri progresif, demokratik, moderat dan berintegriti yang mendukung PR di atas dasar mahu meneruskan kerjasama dengan bukan Islam. Resolusi ini terhasil di Taman Melawati, Kuala Lumpur (“Sejarah”, AMANAH).

Mereka mulanya bergerak di atas nama Gerakan Harapan Baru (GHB). Kemudiannya mereka menjenamakan semula Parti Pekerja-Pekerja Malaysia (PPPM) sebagai Parti Amanah Negara (AMANAH) dan melancarkannya di IDCC, Shah Alam, pada 16 September 2015 (“Sejarah”, AMANAH; dan “Sea of orange”, 2015).

AMANAH diketuai oleh Mohamad Sabu sebagai Presiden dan Salahudin Ayub sebagai Timbalan Presidennya.

Menyusuli penubuhan AMANAH adalah penubuhan satu pakatan pembangkang baru bernama PH membabitkan PKR, DAP dan AMANAH (“PKR, DAP, Parti Amanah Negara”, 2015).

Selepas pemisahan PAS dari pakatan pembangkang ini, tumpuan utama perbalahan dalam politik negara adalah antara PAS dengan bekas sekutunya di dalam PR dan parti serpihannya, AMANAH. Pada masa yang sama, selepas perpisahannya dari PR, PAS juga tidak terlalu menyerang UMNO dan BN. Begitu juga dengan UMNO yang lebih mesra dengan PAS dan lebih menyerang PH.

3.3 Sokongan UMNO Ke Atas Usaha PAS Melaksanakan Undang-Undang Islam Yang Menjadi Teras Kepada Perjuangannya

Keakraban antara UMNO dan PAS dalam tempoh menjelang PRU 14 juga terwujud lantaran UMNO dilihat menyokong hasrat PAS melaksanakan undang-undang Islam, iaitu teras kepada perjuangannya.

Sokongan UMNO ini terzahir bila Jamil Khir Baharum membuat satu kenyataan terbuka di Parlimen pada 27 Mac 2014 bahawa Kerajaan Pusat akan memberi laluan kepada PAS untuk melaksanakan hudud di Kelantan dengan menyokong RUU persendirian berkaitan jika PAS mengemukakannya di Parlimen (“Penyata Rasmi Parlimen”, 2014).

Lebih meyakinkan bila Muhyiddin mengumumkan pada 27 April 2014 mengenai penubuhan satu jawatankuasa teknikal peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan pelaksanaan hudud di Kelantan (“Umno Cadang Tubuh Jawatankuasa”, 2014).

Mengulas perpecahan dalam PR, Najib menyebut dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 10 Disember 2015 betapa UMNO berasa lega, malah gembira, apabila PAS tidak lagi bersama pakatan pembangkang. Najib seterusnya mengajak PAS untuk bersahabat dengan menghulurkan tali silaturrahim dan ikatan ukhuwwah dengan janji untuk membina sebuah Malaysia di atas syariat-Nya. (“Ucapan Dasar”, 2015)

Ekoran daripadanya, UMNO terus menunjukkan inisiatif mahu membantu PAS melaksanakan hudud yang ditunjukkan olehnya sebelum ini. UMNO memberi ruang kepada Abdul Hadi untuk membacakan RUU Persendirian bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 di Parlimen (“Hadi tables Hudud bill”, 2016). Selepas itu, UMNO sekali lagi memberi ruang sama kepada Abdul Hadi untuk berbuat demikian pada 24 November 2016 (“Abdul Hadi Bentang Usul”, 2016).

Menampakkan lagi komitmen UMNO untuk membantu PAS melaksanakan hudud ini adalah ucapan Najib dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 1 Disember 2016 yang menyebut mengenai betapa pembacaan pindaan RUU 355 pada 24 November 2016 telah dibuat melalui rundingan “kerajaan indukan UMNO” dengan PAS. Najib juga berjanji bahawa usul persendirian ini akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. (“Ucapan Dasar”, 2016)

Dalam ucapan sama, Najib mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin PAS kerana tidak memboikot pembentangan Bajet 2017 serta tidak melibatkan diri dalam demonstrasi jalanan BERSIH. Dengan melaungkan seruan “Allahu Akbar!”, beliau menyebut betapa perpaduan ummah telah tiba (“Ucapan Dasar”, 2016).

Tindakan yang menunjukkan kebersamaannya dengan UMNO telah diteruskan oleh PAS kemudiannya dengan sekali lagi tidak menyertai demonstrasi jalanan anjuran BERSIH pada 19 November 2016 (“Pas tidak sertai Bersih 5”, 2016) di samping tidak mengganggu pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 (“Laungan 'kleptokrasi!' tutup pembentangan”, 2017).

Selain itu, UMNO juga menganjurkan majlis-majlis tertentu bagi menampakkan kebersamaan UMNO dan PAS dalam memperjuangkan isu keagamaan selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO selama tiga tahun berturut-turut di mana majlis-majlis ini mendapat sambutan yang baik dari pemimpin PAS.

Majlis pertama seumpamanya ialah Himpunan Multaqa Serantau Alumni Al-Azhar Malaysia bertemakan “Perpaduan Ummah Merentasi Ideologi” yang dianjurkan oleh Rabitah (Liga) Al-Azhar Malaysia. Ia dihadiri oleh kedua-dua Najib dan Abdul Hadi (“Multaqa Alumni Al-Azhar”, 2015).

Majlis kedua ialah Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya. Ia turut dihadiri oleh kedua-dua Najib dan Abdul Hadi (“Najib, Hadi kongsi pentas”, 2016).

Majlis ketiga, iaitu Himpunan Solidariti Selamatkan Baitulmaqdis, bagaimanapun tidak dihadiri oleh Abdul Hadi yang diwakili oleh anak beliau, Mohd Khalil, yang merupakan Ketua Pemuda PAS (“Hadi tidak hadir himpunan”, 2017).

Bagaimanapun, di sebalik janji Najib bahawa RUU 355 akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan di sebalik kehadiran Jamil Khir dalam Himpunan RUU 355 yang dianjurkan oleh PAS di Padang Merbok pada 18 Februari 2017 (Berita Harian, 18 Februari 2017), ia bagaimanapun masih dibentangkan oleh Abdul Hadi, bukan oleh Kerajaan Persekutuan, pada hari terakhir sidang Parlimen pada 6 April 2017 (“Usul RUU355 dibentang kali ketiga”, 2017).

Walaupun begitu, usaha Najib ini kelihatan sudah lebih dari mencukupi untuk meyakinkan PAS supaya menjarakkan diri dari PH sekali gus bertanding tiga penjuruan dalam PRU 14.

Apatah lagi bila PAS kemudiannya memutuskan kerjasama politik dengan PKR. Ia berlaku bila usul bersama 21 Kawasan PAS, serta Dewan Ulama dan Dewan Pemuda, diluluskan secara sebulat suara oleh perwakilan di atas alasan PKR melanggar syarat “tahaluf siyasi” seperti menyokong AMANAH dan menentang PAS dalam pilihan raya serta dilihat bersama DAP menentang keras usul meminda Akta 355 (“Muktamar PAS sebulat suara”, 2017; dan 30 April 2017; dan “Tiga sebab Pas batal tahaluf siyasi”, 2017).

Begitu juga dengan Najib yang sekali lagi mengumumkan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 7 Disember 2017 komitmen UMNO ke atas hubungan baiknya dengan PAS

dengan menyebut bahawa hubungan UMNO dengan PAS adalah diasaskan kepada kepentingan ummah. (“Ucapan Dasar”, 2017)

3.4 Kewujudan PH Sebagai Musuh Bersama UMNO Dan PAS

Keakraban antara UMNO dan PAS dalam tempoh menjelang PRU 14 juga terhasil lantaran kedua-dua UMNO dan PAS menganggap PH adalah musuh mereka yang akan merosakkan kepentingan Melayu Muslim sekiranya ia diberi ruang untuk berkuasa.

Di pihak UMNO, Najib berulang-kali menanamkan ke dalam minda ahli-ahli UMNO dan Melayu Muslim seluruhnya bahawa PH adalah dipimpin atau didominasi oleh DAP yang anti Islam serta anti Melayu dan Bumiputera.

Ini beliau utarakan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 10 Disember 2015, dalam mana beliau menyatakan bahawa pilihan yang ada kepada rakyat Malaysia ialah antara pakatan pimpinan UMNO dan pakatan pimpinan atau dominasi DAP yang anti Islam serta anti Melayu dan Bumiputera (“Ucapan Dasar”, 2015).

Perkara yang sama Najib suarakan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 1 Disember 2016 dengan menyebut perjuangan liberalisme dan fahaman sekular DAP. Disebut juga jika negara ini jatuh kepada DAP maka hak dan keistimewaan Melayu akan pupus dan lenyap. Institusi Bumiputera didakwa akan hilang jika PH berkuasa. Begitu juga dengan UiTM yang dikatakan akan terjejas teruk jika PH berkuasa (“Ucapan Dasar”, 2016).

Dari segi agama pula, sekiranya DAP yang memerintah, Islam akan dikesampingkan manakala institusi Melayu Islam akan dicabar kewujudannya. Perlembagaan DAP pula, mengikut Najib, tidak mengiktiraf Islam, tidak menjunjung Raja-Raja Melayu dan tidak melindungi hak dan keistimewaan Melayu.

Lebih dekat dengan tarikh berlangsungnya PRU 14 serangan ke atas PH menjadi semakin kuat menggunakan tema sama. Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 7 Disember 2017, Najib menyebut betapa sekiranya DAP yang memerintah, selain tekanan ke atas Islam, Raja-Raja Melayu, institusi Melayu Islam dan UiTM, para penjawat awam juga didakwa akan dikecilkan bilangannya. Lebih teruk, orang-orang Melayu Bumiputera akan terbangsat di tanah air sendiri jika DAP yang memerintah (“Ucapan Dasar”, 2017).

Selain daripada Najib, beberapa orang pemimpin tinggi UMNO lain turut berpandangan yang DAP adalah anti Islam dan anti Melayu.

Salah seorang daripada mereka adalah Dr Asyraf Wajdi Dusuki yang berkata pada 9 Mac 2017 bahawa tindakan Lim Kit Siang yang menghasut Ahli Parlimen bukan Islam agar menentang usul pindaan Akta 355 menunjukkan DAP adalah anti-Islam (“Lim zahir sikap anti-Islam”, 2017).

Annuar Musa pula menyebut secara terbuka dalam satu ceramah pada 20 Mac 2017 bahawa Lim Kit Siang adalah anti Islam manakala DAP adalah rasis dan diktator. Beliau juga mencabar Lim Kit Siang supaya menyaman beliau jika kenyataan itu adalah fitnah (“Annuar cabar Kit Siang saman”, 2017). Cabaran ini tidak disahut oleh Lim Kit Siang.

Di pihak PAS sendiri, Abdul Hadi juga berkali-kali menyebut bahawa DAP adalah anti Islam dan anti Melayu.

Pada 27 Mei 2016, Abdul Hadi menyebut DAP menonjolkan sikap anti Islamnya bila ia menentang usul RUU Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2015 bagi membolehkan hudud dilaksanakan di Kelantan sedangkan ia tidak menjejaskan kedudukan orang bukan Islam pun (“Hadi: DAP anti-Islam”, 2016).

Pada 27 Januari 2018 pula, Abdul Hadi dilaporkan oleh akhbar The News Straits Times sebagai menolak sebarang kemungkinan bekerjasama dengan DAP kerana DAP tidak menyokong perjuangan Islam PAS dengan menentang Islam dan pembentukan kerajaan Islam (“Lim bercadang saman Hadi”, 2018).

Sehari selepasnya, iaitu pada 28 Januari 2018, Lim Kit Siang terus dilaporkan berkata bahawa beliau bercadang menyaman Abdul Hadi kerana mendakwa beliau anti-Islam (“Lim bercadang saman Hadi”, 2018). Begitupun, ancaman ini juga tidak pernah dilaksanakan oleh Lim Kit Siang.

Dakwaan bahawa DAP anti-Islam yang dipegang bersama oleh UMNO dan PAS ini menjadi lebih kuat apabila beberapa tokoh lain turut membuat kenyataan yang sama. Antaranya ialah Dr Mohd Asri Zainul Abidin yang bertanya, “Kenapa DAP sentiasa ada sikap macam anti benda-benda yang ada sifat Islam?”. Selain itu, Tian Chua juga

mendakwa "DAP super allergic terhadap anything Islamic" ("DAP terlalu tidak suka terhadap apa saja yang berkait dengan Islam").

Tanggapan kedua-dua UMNO dan PAS bahawa PH adalah musuh bersama mereka menjadikan UMNO dan PAS lebih fokus menyerang DAP dan tidak saling menyerang-menyerang antara satu sama lain sekaligus menjadikan hubungan sesama mereka menjadi lebih akrab.

3.5 Rumusan

Berdasarkan kepada perbincangan dalam Bab Tiga ini dapatlah dirumuskan bahawa sejak sebelum berlangsungnya PRU 14 lagi hubungan antara UMNO dan PAS sememangnya sudah akrab. Keadaan ini terhasil ekoran ketegangan dalam hubungan antara PAS dan parti-parti politik pembangkang lain dalam PR, lantaran UMNO dilihat menyokong usaha PAS melaksanakan undang-undang Islam yang menjadi teras kepada perjuangannya serta kerana kedua-dua UMNO dan PAS menganggap PH adalah musuh bersama mereka. Ini menjadikan wujudnya semacam kerjasama tidak rasmi antara UMNO dan PAS.

BAB 4

KEPERLUAN KERJASAMA UMNO DAN PAS, PASCA PRU 14

4.1 Pendahuluan

Bab Empat akan membincangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14.

Faktor-faktor yang menyebabkan perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14 ini adalah:

- i. Kekalahan UMNO dan PAS dalam PRU 14: Kesedaran bahawa kerjasama UMNO dan PAS akan membawa kemenangan.
- ii. Faktor identiti etnik dan agama: Persamaan ideologi politik antara UMNO dan PAS.
- iii. Kegagalan Kerajaan PH menjaga kepentingan Melayu Muslim: Dominasi bukan Melayu Muslim dalam Kerajaan PH

4.2 Kekalahan UMNO Dan PAS Dalam PRU 14

Barisan Nasional (BN) dan sebelum tahun 1974, Perikatan, yang ditunjangi oleh UMNO tidak pernah gagal dalam mana-mana Pilihan Raya Umum (PRU) sejak ia pertama kali dilancarkan selepas Malaysia merdeka pada tahun 1959.

Dalam PRU 1 pada tahun 1959, Perikatan menang 71.15% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 74 daripada 104.

Dalam PRU 2 pada tahun 1964, Perikatan menang 85.58% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 89 daripada 104.

Dalam PRU 3 pada tahun 1969, Perikatan menang 51.39% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 74 daripada 144.

Dalam PRU 4 pada tahun 1974, BN menang 87.66% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 135 daripada 154.

Dalam PRU 5 pada tahun 1978, BN menang 84.42% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 130 daripada 154.

Dalam PRU 6 pada tahun 1982, BN menang 85.71% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 132 daripada 154.

Dalam PRU 7 pada tahun 1986, BN menang 83.62% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 148 daripada 177.

Dalam PRU 8 pada tahun 1990, BN menang 70.56% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 127 daripada 180.

Dalam PRU 9 pada tahun 1995, BN menang 84.38% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 162 daripada 192.

Dalam PRU 10 pada tahun 1999, BN menang 76.83% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 148 daripada 193.

Dalam PRU 11 pada tahun 2004, BN menang 90.87% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 199 daripada 219.

Dalam PRU 12 pada tahun 2008, BN menang 63.06% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 140 daripada 222.

Dalam PRU 13 pada tahun 2013, BN menang 59.91% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 133 daripada 222.

Begitupun, dalam PRU 14 pada tahun 2018, BN tewas bila ia hanya menang 35.59% kerusi Parlimen yang ia tandangi, iaitu 79 daripada 222.

PAS pula, walaupun ada ketikanya pernah menjadi parti pembangkang terkuat, atau komponen parti kerajaan, tidak pernah mampu menjadi pemenang di dalam mana-mana PRU.

Dalam PRU 1 pada tahun 1959, PAS hanya menang 13 daripada 104 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 2 pada tahun 1964, PAS hanya menang 9 daripada 104 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 3 pada tahun 1969, PAS hanya menang 12 daripada 144 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 4 pada tahun 1974, PAS hanya menang 14 daripada 154 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 5 pada tahun 1978, PAS hanya menang 5 daripada 154 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 6 pada tahun 1982, PAS hanya menang 5 daripada 154 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 7 pada tahun 1986, PAS hanya menang 1 daripada 177 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 8 pada tahun 1990, PAS hanya menang 7 daripada 180 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 9 pada tahun 1995, PAS hanya menang 7 daripada 192 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 10 pada tahun 1999, PAS hanya menang 27 daripada 193 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 11 pada tahun 2004, PAS hanya menang 7 daripada 219 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 12 pada tahun 2008, PAS hanya menang 23 daripada 222 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 13 pada tahun 2013, PAS hanya menang 21 daripada 222 kerusi Parlimen.

Dalam PRU 14 PAS meletakkan calon yang ramai, iaitu 158 orang. Begitu juga di peringkat DUN di mana ia manandingi lebih separuh kerusi di semua DUN di

Semenanjung. Malah, di empat negeri, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, PAS meletakkan calon di semua 15, 36, 45 dan 32 kerusi DUN yang dipertandingkan.

Begitupun, hasilnya sama sahaja, di mana PAS hanya menang 18 daripada 222 kerusi Parlimen dalam PRU 14 ini selain terus menang di Kelantan dan merampas Terengganu.

4.2.1 Refleksi Ke Atas PRU 14

UMNO sebelumnya yakin bahawa pertandingan tiga penjuru akan memenangkan BN. Ini diasaskan kepada keputusan PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar yang menyaksikan calon BN menang dalam pertandingan sebegitu. Di Kuala Kangsar, calon BN mengalahkan calon AMANAH yang mewakili PH dan calon PAS. Di Sungai Besar, calon BN mengalahkan calon AMANAH yang mewakili PH dan calon PAS (“Kejutan BN”, 2016).

Begitupun, keadaan berbeza dalam PRU 14, di mana isu-isu yang dimainkan telah berbeza penerimaannya oleh rakyat menyebabkan timbulnya gelombang kebangkitan rakyat untuk menolak BN.

Adalah diakui bahawa pertandingan tiga penjuru masih menguntungkan BN di 39 kerusi kerana keberadaan PAS sebagai pihak ketiga memungkinkan BN menang mengatasi kedua-dua PH dan PAS di 36 daripada 54 kerusi UMNO, 2 kerusi MIC dan 1 kerusi MCA dalam PRU 14 ini.

36 kerusi yang menjadi milik UMNO ekoran pertandingan tiga penjurong yang membabitkan PAS ini adalah:

- i. Kerusi P001 Padang Besar, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (13594) dan PAS (7874), iaitu 21468 undi, lebih 6436 undi berbanding undi calon UMNO yang menang.
- ii. Kerusi P003 Arau, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (11691) dan PAS (11362), iaitu 23053 undi, lebih 6506 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (16547).
- iii. Kerusi P007 Padang Terap, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (7254) dan PAS (15285), iaitu 22539 undi, lebih 6155 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (16384).
- iv. Kerusi P016 Baling, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (14472) dan PAS (37483), iaitu 51955 undi, lebih 13398 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (38557).
- v. Kerusi P026 Ketereh, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (6799) dan PAS (20841), iaitu 27640 undi, lebih 2173 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (25467).
- vi. Kerusi P027 Tanah Merah, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (4747) dan PAS (25223), iaitu 29970 undi, lebih 1818 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (28152).
- vii. Kerusi P029 Machang, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (56954) dan PAS (23252), iaitu 28947 undi, lebih 2871 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (26076).

- viii. Kerusi P032 Gua Musang, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (4997) dan PAS (15513), iaitu 20510 undi, lebih 1084 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (19426).
- ix. Kerusi P033 Besut, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (6864) dan PAS (29736), iaitu 36600 undi, lebih 2265 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (34335).
- x. Kerusi P038 Hulu Terengganu, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (3364) dan PAS (28057), iaitu 31421 undi, lebih 496 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (30925).
- xi. Kerusi P041 Kepala Batas, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (17723) dan PAS (12120), iaitu 29843 undi, lebih 7384 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (22459).
- xii. Kerusi P042 Tasek Gelugor, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (18466) dan PAS (14891), iaitu 33357 undi, lebih 14810 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (18547).
- xiii. Kerusi P054 Gerik, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (6353) dan PAS (7715), iaitu 14068 undi, lebih 825 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (13243).
- xiv. Kerusi P056 Larut, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (7738) dan PAS (13698), iaitu 21436 undi, lebih 3252 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (18184).
- xv. Kerusi P058 Bagan Serai, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (12987) dan PAS (17048), iaitu 30035 undi, lebih 12815 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (17220).
- xvi. Kerusi P059 Bukit Gantang, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (18361) dan PAS (16052), iaitu 34413 undi, lebih 11963 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (22450).

- xvii. Kerusi P061 Padang Rengas, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (7943) dan PAS (6847), iaitu 14790 undi, lebih 4299 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (10491).
- xviii. Kerusi P067 Kuala Kangsar, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (11371) dan PAS (6583), iaitu 17954 undi, lebih 5852 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (12102).
- xix. Kerusi P069 Parit, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (7240) dan PAS (7715), iaitu 14955 undi, lebih 920 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (14035).
- xx. Kerusi P073 Pasir Salak, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (12291) dan PAS (11151), iaitu 23442 undi, lebih 3439 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (20003).
- xxi. Kerusi P079 Lipis, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (7426) dan PAS (6671), iaitu 14097 undi, lebih 102 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (13995).
- xxii. Kerusi P081 Jerantut, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (10877) dan PAS (16732), iaitu 27609 undi, lebih 4969 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (22640).
- xxiii. Kerusi P084 Paya Besar, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (11776) dan PAS (13291), iaitu 25067 undi, lebih 6034 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (19033).
- xxiv. Kerusi P086 Maran, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (4360) dan PAS (12301), iaitu 16661 undi, lebih 597 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (16064).

- xxv. Kerusi P087 Kuala Krau, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (5071) dan PAS (15182), iaitu 20253 undi, lebih 2195 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (18058).
- xxvi. Kerusi P090 Bera, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (18449) dan PAS (8096), iaitu 26545 undi, lebih 5785 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (20760).
- xxvii. Kerusi P092 Sabak Bernam, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (11188) dan PAS (9300), iaitu 20488 undi, lebih 7626 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (12862).
- xxviii. Kerusi P095 Tanjung Karang, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (15626) dan PAS (7276), iaitu 22902 undi, lebih 5306 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (17596).
- xxix. Kerusi P125 Putrajaya, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (8776) dan PAS (3634), iaitu 12410 undi, lebih 262 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (12148).
- xxx. Kerusi P126 Jelebu, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (17017) dan PAS (2878), iaitu 19895 undi, lebih 833 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (19062).
- xxxi. Kerusi P127 Jempol, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (25188) dan PAS (5267), iaitu 30455 undi, lebih 3636 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (26819).
- xxxii. Kerusi P131 Rembau, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (31732) dan PAS (6028), iaitu 37760 undi, lebih 1664 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (36096).

- xxxiii. Kerusi P139 Jasin, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (26341) dan PAS (8860), iaitu 35201 undi, lebih 8641 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (26560).
- xxxiv. Kerusi P147 Parit Sulong, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (18140) dan PAS (7148), iaitu 25288 undi, lebih 807 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (24481).
- xxxv. Kerusi P164 Pontian, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (20299) dan PAS (4295), iaitu 24594 undi, lebih 3462 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (21132).
- xxxvi. Kerusi P166 Labuan, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (8714) dan PAS (1555), iaitu 10269 undi, lebih 105 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (10164).

2 kerusi yang menjadi milik MIC ekoran pertandingan tiga penjuror yang membabitkan PAS ini adalah:

- i. Kerusi P072 Tapah, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (15472) dan PAS (4616), iaitu 20088 undi, lebih 4002 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (16086).
- ii. Kerusi P078 Cameron Highlands, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (9710) dan PAS (3587), iaitu 13297 undi, lebih 2990 undi berbanding undi calon UMNO yang menang (10307).

1 kerusi yang menjadi milik MCA ekoran pertandingan tiga penjuror yang membabitkan PAS ini adalah:

- i. Kerusi P148 Ayer Hitam, yang menyaksikan kombinasi undi calon PH (16773) dan PAS (4975), iaitu 21748 undi, lebih 4672 undi berbanding undi calon MCA yang menang (17076).

Walaupun begitu, kemenangan BN di 39 kerusi kerana keberadaan PAS sebagai pihak ketiga ini masih tidak mencukupi kerana ia masih menyebabkan BN kalah dalam PRU 14 ini.

Selepas PRU 14 berakhir, barulah timbul kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO bahawa jika BN dan PAS bergabung dalam PRU 14 ini mereka akan memenangi majoriti mudah iaitu 126 daripada 222 kerusi berbanding 97 kerusi melalui BN (79 kerusi) dan PAS (18 kerusi) sebelum ini.

Ini kerana jika BN dan PAS bergabung dalam PRU 14 ini mereka akan memperolehi tambahan 29 kerusi berikut:

- i. P002 Kangar di Perlis.
- ii. P005 Jerlun, P006 Kubang Pasu, P008 Pokok Sena, P010 Kuala Kedah, P014 Merbok, P015 Sungai Petani, P017 Padang Serai dan P018 Kulim-Bandar Baharu di Kedah.
- iii. P057 Parit Buntar, P063 Tambun, P074 Lumut dan P077 Tanjong Malim di Perak.
- iv. P080 Raub, P082 Indera Mahkota, P083 Kuantan, P088 Temerloh dan P089 Bentong di Pahang.
- v. P093 Sungai Besar, P094 Hulu Selangor, P096 Kuala Selangor, P109 Kapar dan P112 Kuala Langat di Selangor.
- vi. P119 Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- vii. P129 Kuala Pilah dan P133 Tampin di Negeri Sembilan.
- viii. P136 Tangga Batu di Melaka.
- ix. P149 Sri Gading dan P165 Tanjung Piai di Johor.

Atas kesedaran inilah maka pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS berfikiran bahawa bahawa BN dan PAS perlu bergabung bagi membolehkan mereka memenangi majoriti mudah dalam PRU 15.

4.2.2 Pengesahan Dari Keputusan PRK-PRK

Kesedaran ini makin menguat bila dalam beberapa PRK yang dilangsungkan selepas itu dalam mana BN dan PAS menyertainya secara bekerjasama untuk membantu hanya seorang calon pilihan mereka sahaja terbukti memenangkan calon-calon mereka dengan majoriti yang besar.

PRK-PRK tersebut adalah:

1. P.078 Cameron Highlands, Pahang, pada 26 Januari 2019 yang menyaksikan kemenangan calon BN, Ramli Mohd Nor.
2. N.24 Semenyih, Selangor, pada 2 Mac 2019 yang menyaksikan kemenangan calon BN, Zakaria Haji Hanafi.
3. N.27 Rantau, Negeri Sembilan, pada 13 April 2019 yang menyaksikan kemenangan calon BN, Mohamad Hassan.
4. P.165 Tanjung Piai, Johor, pada 16 November 2019 yang menyaksikan kemenangan calon BN, Wee Jeck Seng.

5. P.176 Kimanis, Sabah, pada 18 Januari 2020 yang menyaksikan kemenangan calon BN, Mohamad Alamin.

Setelah Kerajaan PH tumbang pada 24 Februari 2020, PH tidak lagi menyertai PRK yang dilangsungkan menyebabkan calon-calon BN yang disokong oleh PAS mendapat kemenangan mudah dalam PRK-PRK tersebut, iaitu:

1. N.23 Chini, Pahang, pada 4 Julai 2020 yang menyaksikan kemenangan besar calon BN, Mohd Sharim Md Zain.
2. N.58 Slim, Perak, pada 29 Ogos 2020 yang menyaksikan kemenangan besar calon BN, Zaidi Aziz.

Kekuatan kerjasama BN dan PAS melalui Muafakat Nasional ini terbukti bila analisis satu badan kaji selidik bebas, Ilham Centre, mendapati bahawa, berasaskan keputusan PRK Slim:

- (1) 91% pengundi Melayu menyokong Muafakat Nasional.
- (2) 68% pengundi Cina menyokong Muafakat Nasional.
- (3) 61% pengundi India menyokong Muafakat Nasional.

Tegasnya, kedua-dua UMNO dan PAS mempunyai sejarah panjang dalam politik Malaysia, dan mempunyai sokongan besar di kalangan pengundi di peringkat akar umbi. Dalam PRU 14, PAS bukan sahaja gagal dalam misi membentuk kerajaan di peringkat Pusat tetapi juga telah mengalami penurunan kerusi Parlimen yang dimenangi, manakala UMNO pula buat pertama kalinya telah kehilangan kuasa kerajaan. Oleh itu, kedua-dua parti ini sedar bahawa mereka perlu mengambil langkah-langkah untuk memperkuat

kekuatan politik mereka, dan melalui kerjasama ini, mereka yakin mereka akan dapat memperluaskan dan mengukuhkan sokongan mereka.

Kerjasama antara UMNO dan PAS memberikan kelebihan strategik yang penting kepada mereka. UMNO dan PAS dapat berkolaborasi untuk membina satu blok politik yang lebih kuat, dengan memanfaatkan sokongan dan pengaruh mereka dalam kalangan masyarakat Melayu Islam. Ini memberi kedua-dua parti lebih banyak kekuatan untuk mempengaruhi isu-isu Melayu Islam dan juga dapat membantu mengukuhkan kedudukan mereka dalam kalangan pengundi Melayu Islam di Malaysia.

Selain itu, kerjasama ini juga membolehkan UMNO dan PAS untuk memperluaskan jaringan mereka dalam politik Malaysia. Kedua-dua parti dapat memperkukuhkan hubungan mereka dengan parti-parti politik lain yang berkongsi pandangan politik dan kepentingan yang sama. Ini memberi UMNO dan PAS lebih banyak ruang untuk menjalin hubungan dengan parti-parti politik lain dalam mengatasi isu-isu negara.

Dalam konteks UMNO, kerjasamanya dengan PAS akan membolehkan UMNO menggunakan jentera kepartian yang dipunyai oleh PAS bagi menjalankan gerak kerja parti di peringkat awal kejatuhannya sebagai kerajaan. Ini kerana jentera kepartian UMNO sebelum ini banyak bergantung kepada kedudukannya di dalam kerajaan tidak seperti PAS yang telah biasa bergerak sendiri sebagai pembangkang sejak sekian lama. Selain itu, kerjasama UMNO dengan PAS juga akan membolehkan UMNO menembusi segmen konservatif dalam masyarakat Melayu Islam, termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang menyokong perjuangan PAS.

Dalam konteks PAS pula, kerjasamanya dengan UMNO membolehkan ia menguatkan imej partinya sebagai sebuah parti yang inklusif dan terbuka. Sebelum ini imej PAS di kalangan masyarakat bukan Melayu bukan Islam agak negatif kerana PAS tiada dukungan kuat daripada golongan ini kerana ia banyak bergantung kepada sayap bukan Islam parti itu yang bernama Dewan Himpunan Pendukung PAS (DHPP), diketuai oleh N Balasubramaniam, yang terbatas pergerakannya. Bila PAS bekerjasama dengan UMNO maka PAS juga semakin diterima oleh rakan-rakan bukan Melayu bukan Islam UMNO di dalam BN seperti MCA, MIC dan PBRs, sekali gus membuang imej ekstremisnya.

Dalam masa yang sama, kerjasama UMNO dan PAS memberikan kedua-dua parti peluang untuk memperkuat pemikiran dan strategi politik mereka. Melalui kerjasama ini, kedua-dua parti dapat mempelajari satu sama lain dan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan mereka dalam politik Malaysia. Pengalaman panjang UMNO sebagai kerajaan dan pengalaman panjang PAS sebagai pembangkang di peringkat Pusat dapat digabungkan untuk memberi manfaat kepada kedua-dua parti itu. Ini memberi UMNO dan PAS lebih banyak kelebihan dalam memperjuangkan agenda mereka di pentas politik Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, kekalahan dalam PRU 14 serta keperluan untuk membina kembali kekuatan politik bagi membolehkan mereka mengalahkan PH dalam PRU 15 adalah faktor utama yang mempengaruhi wujudnya kerjasama antara UMNO dan PAS di Malaysia. Kerjasama ini memberi kelebihan strategik dan kekuatan kepada kedua-dua

parti, dan membuka peluang untuk mereka memperluaskan jaringan dan meningkatkan keberkesanan mereka dalam politik Malaysia.

4.3 Faktor Identiti Etnik Dan Agama

Selain kekalahan kedua-dua mereka dalam PRU 14, satu lagi faktor yang menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS bersetuju mengenai perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14 adalah kerana persamaan ideologi politik antara mereka.

Di sebalik perbezaan pendekatan politik mereka, kedua-dua parti, UMNO dan PAS, memiliki beberapa persamaan utama dalam hal ideologi politik yang tercermin dalam perlembagaan parti-parti mereka. PAS dan UMNO memang mempunyai beberapa kesamaan dalam hal ideologi politik yang bersifat konservatif, Islamis, dan nasionalis, meskipun ada perbezaan dalam penekanan dan implementasinya.

Beberapa persamaan tersebut dapat dilihat melalui perbandingan antara peruntukan perlembagaan parti-parti mereka sehubungan dengan Tujuan mereka.

Fasal 5 Perlembagaan PAS menyatakan Tujuan PAS ialah:

- (1) “Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.”
- (2) “Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.”

Fasal 5 Perlembagaan PAS ini adalah mempunyai asas-asas yang sama dengan Fasal 3 Perlembagaan UMNO yang menyatakan Asas Dan Tujuan UMNO antara lainnya adalah seperti berikut:

(1) “Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai Agama Persekutuan serta menghormati prinsip kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.”

(2) “Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Negara.”

Secara umumnya, kedua-dua parti ini mengakui bahawa Islam adalah landasan ideologi utama mereka, dan mereka berhasrat untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam di Malaysia. Ini tercermin dalam perlembagaan parti mereka, di mana Islam diakui sebagai Agama Persekutuan yang perlu ditegak, dipertahan dan dikembangkan.

Peranan Islam dalam kehidupan politik, ekonomi dan sosial diakui dan dipromosikan oleh kedua-dua buah parti walaupun PAS lebih spesifik dengan menyebut secara terus-terang bahawa ia berhasrat untuk memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syariah serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara.

Kesamaan utama antara PAS dan UMNO mengenai kedudukan agama Islam sebagai landasan ideologi politik mereka menyebabkan kedua-dua parti ini berpegang kepada prinsip bahawa negara harus berdasarkan pada nilai-nilai Islam dan harus dipimpin oleh pemimpin yang taat beragama. Keduanya memandang Islam sebagai agama yang mendasar bagi masyarakat Melayu dan Malaysia secara keseluruhan.

PAS dan UMNO memandang bahawa agama Islam adalah satu-satunya jalan menuju keselamatan dan kebahagiaan dalam kehidupan individu dan masyarakat. Oleh kerana itu, kedua-dua parti ini memperjuangkan kepentingan Islam dalam dasar politik dan pemerintahan negara, seperti memperjuangkan penegakan hukum Islam, menghidupkan kembali nilai-nilai Islam dalam masyarakat, dan memperjuangkan hak-hak Islam dalam bidang undang-undang.

Selain itu, PAS dan UMNO juga memandang bahawa Islam adalah sumber ajaran moral dan etika yang dapat membantu memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi masyarakat. Kedua-dua parti ini berusaha untuk memperkuat dan mempromosikan nilai-nilai Islam dalam masyarakat, seperti nilai-nilai kekeluargaan, kejujuran, dan amanah dalam kepemimpinan.

Namun, walaupun kedua-dua parti ini memilih Islam sebagai landasan ideologi politik, implementasi dan penekanan mereka dalam memperjuangkan Islam adalah berbeza. PAS, sebagai parti Islamis, cenderung menekankan kepada penegakan hukum Islam secara konsisten dan penerapan syariat Islam yang lebih luas. Sedangkan UMNO, sebagai parti nasionalis Melayu, lebih menekankan pada nilai-nilai Islam yang difahami dalam konteks Melayu dan pengarusperdanaan hak-hak Melayu dalam perlembagaan dan undang-undang.

Meskipun demikian, kesamaan dalam memilih Islam sebagai landasan ideologi politik membuka ruang bagi kedua-dua parti ini untuk bekerjasama dalam memperjuangkan kepentingan Islam dan nilai-nilai konservatif dalam masyarakat Malaysia.

Kedua-dua parti ini juga mempunyai persamaan dari segi konservatisme sosial mereka di mana mereka juga menunjukkan ciri-ciri konservatif dalam pandangan mereka tentang masyarakat dan moraliti. Mereka menentang liberalisme, sekularisme, dan budaya Barat, serta mempromosikan nilai-nilai tradisional dan konservatif seperti keluarga, kepatuhan pada pihak berkuasa, dan ketertiban sosial.

UMNO dan PAS adalah dua parti politik yang konservatif dalam pandangan sosial dan budaya mereka. Kedua-dua parti ini menentang nilai-nilai Barat yang dianggap bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan tradisi Melayu, serta memperjuangkan kesetiaan terhadap nilai-nilai konservatif dalam masyarakat seperti keluarga, kesopanan, dan moraliti yang tinggi.

Kesamaan antara PAS dan UMNO dalam memilih konservatisme sosial adalah bahawa keduanya memiliki pandangan konservatif dalam menjaga nilai-nilai tradisional dan kebudayaan dalam masyarakat. Kedua-dua parti ini memandang bahawa nilai-nilai tersebut penting dalam memelihara identiti budaya Melayu dan keharmonian sosial.

Kedua-dua parti ini juga memandang bahawa masyarakat perlu menjaga nilai-nilai tradisional dan kebudayaan sebagai dasar dalam membangun dan memajukan masyarakat, dan ini terutama terlihat dalam sikap mereka terhadap isu-isu seperti moraliti, keluarga, dan pendidikan. Keduanya juga menentang upaya-upaya yang dianggap merosak nilai-nilai tradisional, seperti perilaku homoseksual, minuman keras, dan pergaulan bebas.

PAS dan UMNO juga sama-sama menentang pengaruh barat dan liberalisme dalam masyarakat Malaysia. Keduanya memandang bahwa liberalisme adalah ideologi asing yang bertentangan dengan nilai-nilai tradisional dan kebudayaan Melayu. Oleh kerana itu, Kedua-dua parti ini berupaya untuk mempromosikan nilai-nilai konservatif dan tradisional dalam masyarakat, dan menghambat pengaruh ideologi asing.

Namun, meskipun keduanya memiliki kesamaan dalam hal konservatisme sosial, kedua-dua parti ini juga memiliki perbezaan pandangan dalam beberapa hal. PAS, sebagai parti Islamis, cenderung lebih konservatif dalam hal moraliti dan etika, serta menekankan pentingnya penerapan hukum Islam dalam kehidupan sehari-hari. Sementara itu, UMNO, sebagai parti nasionalis Melayu, lebih menekankan pada nilai-nilai kekeluargaan dan penghormatan terhadap tradisi dan kebudayaan Melayu.

Secara keseluruhan, kesamaan antara PAS dan UMNO dalam memilih konservatisme sosial memperkuat identiti politik mereka sebagai partai-partai konservatif dan menjaga nilai-nilai tradisional dalam masyarakat Malaysia.

Kedua-dua parti ini juga memiliki pandangan yang sama tentang nasionalisme dan mempromosikan kesatuan nasional dan kepentingan Malaysia di atas kepentingan individu atau kelompok. Mereka percaya bahawa keberhasilan negara bergantung pada kemampuan untuk mempertahankan identiti dan kedaulatan negara.

PAS dan UMNO sama-sama memperjuangkan nasionalisme yang tinggi, yang bermaksud bahawa mereka memperjuangkan kepentingan nasional dan kedaulatan negara Malaysia.

Kedua-dua parti ini mempunyai keutamaan untuk memperjuangkan hak-hak Melayu dan kepentingan nasional yang lebih luas.

Kesamaan antara PAS dan UMNO dalam memilih nasionalisme adalah bahawa keduanya memandang bahawa kepentingan dan kesejahteraan bangsa Melayu dan Malaysia secara keseluruhan harus menjadi fokus utama dalam dasar politik dan pemerintahan negara. Kedua-dua parti ini memandang bahawa nasionalisme merupakan landasan utama dalam membangun negara yang kuat dan maju.

PAS dan UMNO memperjuangkan pengarusperdanaan hak-hak Melayu dalam perlembagaan dan undang-undang sebagai sebahagian dari upaya untuk memperkuat identiti nasional dan menjaga kepentingan bangsa Melayu. Kedua-dua parti ini juga memandang bahawa kedaulatan dan integriti nasional harus dijaga dengan mengurangi ketergantungan terhadap negara-negara asing dan memperkuat ekonomi dan pertahanan nasional.

Selain itu, kedua-dua parti ini juga memandang bahawa masyarakat Malaysia harus memupuk rasa persatuan dan kesatuan sebagai sebuah negara yang majmuk. Kedua-dua parti ini memandang bahawa keragaman budaya, agama, dan suku bangsa yang ada di Malaysia harus dihormati dan dipromosikan sebagai kekayaan bangsa.

Namun, meskipun keduanya memiliki kesamaan dalam hal nasionalisme, terdapat perbezaan pandangan di antara keduanya. PAS, sebagai parti Islamis, cenderung menekankan pentingnya Islam sebagai unsur penting dalam identiti nasional dan

menganggap bahawa negara Malaysia harus berlandaskan Islam secara eksplisit. Sementara itu, UMNO, sebagai parti nasionalis Melayu, lebih menekankan pada pengarusperdanaan hak-hak Melayu dalam negara dan menjaga kedudukan Melayu sebagai kelompok majoriti di Malaysia.

Secara keseluruhan, kesamaan antara PAS dan UMNO dalam memilih nasionalisme memperkuat identiti politik mereka sebagai parti-parti nasionalis dan memandang kepentingan nasional sebagai fokus utama dalam dasar politik dan pemerintahan negara.

PAS dan UMNO mempunyai keutamaan untuk memperjuangkan keadilan sosial dalam masyarakat. kedua-dua parti ini percaya bahawa tugas utama pemerintah adalah untuk memberikan kesejahteraan sosial dan ekonomi bagi rakyat Malaysia dan memastikan keadilan dalam semua bidang kehidupan. Mereka memperjuangkan program-program sosial dan ekonomi yang lebih adil dan merata, terutama dalam hal pemberdayaan ekonomi bagi rakyat yang kurang berkemampuan.

Kesamaan antara PAS dan UMNO dalam memilih perjuangan untuk keadilan sosial adalah bahawa keduanya memandang bahawa ada ketimpangan sosial yang perlu diatasi untuk mencapai masyarakat yang adil dan makmur. Kedua-dua parti ini memperjuangkan keadilan sosial sebagai sebahagian dari ideologi politik mereka, yang menempatkan kepentingan rakyat sebagai fokus utama dalam dasar politik dan pemerintahan negara.

Kedua-dua parti ini memandang bahawa ketimpangan ekonomi, sosial, dan politik harus diatasi agar semua rakyat dapat merasakan manfaat dari pembangunan dan kemajuan

negara. Mereka memandang bahawa ada ketidakadilan dalam sistem politik dan ekonomi yang perlu diubah agar rakyat dapat merasakan manfaat secara merata.

PAS dan UMNO juga memiliki agenda yang serupa dalam memperjuangkan hak-hak pekerja dan buruh, serta memperjuangkan akses yang adil untuk pendidikan, perumahan, dan pelayanan kesihatan. Kedua-dua parti ini memandang bahawa semua rakyat harus memiliki kesempatan yang sama untuk meningkatkan taraf hidup dan mendapatkan kesejahteraan.

Namun, perbezaan pandangan terdapat pada cara keduanya memandang keadilan sosial. PAS, sebagai parti Islamis, cenderung menekankan pentingnya nilai-nilai Islam dalam mencapai keadilan sosial. Sementara itu, UMNO, sebagai parti nasionalis Melayu, lebih menekankan pada kepentingan ekonomi dan politik Melayu dalam mencapai keadilan sosial.

Secara keseluruhan, kesamaan antara UMNO dan PAS dalam memilih perjuangan untuk keadilan sosial memperkuat identiti politik mereka sebagai parti yang peduli terhadap kepentingan rakyat dan memandang bahawa semua rakyat harus mendapat manfaat dari pembangunan dan kemajuan negara.

UMNO dan PAS juga menunjukkan sikap yang sama dalam hal penentangan terhadap pengaruh kuasa asing di Malaysia dan memperjuangkan kedaulatan negara. Mereka percaya bahawa kepentingan nasional harus diutamakan di atas kepentingan asing dan menentang intervensi asing dalam urusan dalam negeri Malaysia. Mereka menentang

segala bentuk imperialisme dan hegemoni asing dan memperjuangkan kekuatan dan kepentingan nasional Malaysia.

Kesamaan antara PAS dan UMNO dalam memilih oposisi terhadap kuasa asing adalah bahawa keduanya memiliki pandangan bahawa negara harus mempertahankan kedaulatan nasional dan kebebasan politik dari campur tangan asing. Mereka memandang bahawa campur tangan asing dalam politik dan ekonomi negara dapat mengancam kedaulatan nasional dan merugikan kepentingan rakyat.

Kedua-dua parti ini juga memiliki sejarah perjuangan melawan penjajahan asing. Pada masa kolonialisme, mereka memperjuangkan kemerdekaan negara dari penjajahan asing dan mendukung perjuangan kaum nasionalis untuk membebaskan diri dari penjajahan.

Selain itu, kedua-dua parti ini juga menentang dasar ekonomi yang dikendalikan oleh asing dan mengadvokasi kemandirian ekonomi nasional. Mereka memandang bahawa ekonomi negara harus dikelola secara mandiri untuk kepentingan rakyat dan memperkuat kedaulatan ekonomi negara.

Namun, perbezaan pandangan juga terdapat pada cara keduanya memandang oposisi terhadap kuasa asing. PAS, sebagai parti Islamis, cenderung menekankan pentingnya nilai-nilai Islam dalam mempertahankan kedaulatan negara dan menentang campur tangan asing yang dianggap merosakkan nilai-nilai Islam. Sementara itu, UMNO, sebagai parti nasionalis Melayu, lebih menekankan pada kepentingan ekonomi dan politik Melayu dalam mempertahankan kedaulatan nasional.

Secara keseluruhannya, kesamaan antara PAS dan UMNO dalam memilih oposisi terhadap kuasa asing memperkuat identiti politik mereka sebagai parti yang memandang kedaulatan nasional dan kebebasan politik sebagai hal yang penting untuk dijaga dan dipertahankan.

Meskipun kedua-dua parti ini memiliki kesamaan dalam ideologi politik, terdapat perbezaan dalam penekanan dan implementasinya. PAS memiliki penekanan yang lebih kuat pada agama Islam, sedangkan UMNO lebih menekankan hak-hak Melayu dan kesatuan nasional. Namun, kesamaan ideologi politik ini menjadi asas untuk kerjasama antara mereka, terutama bila berhadapan dengan ideologi politik berbeza yang menjadi pegangan lawan mereka, khususnya DAP.

DAP sebagai tonggak utama dalam PH, sejak ditubuhkan pada tahun 1966 lagi telah mempunyai dasar Malaysian Malaysia. Konsep ini diperkenalkan sebagai suatu usaha untuk menyelesaikan isu-isu perkauman yang sering muncul di Malaysia dan mempromosikan keadilan dan kesetaraan di antara semua rakyat Malaysia.

Dalam dasar Malaysian Malaysia, DAP memperjuangkan pemeraksanaan rakyat Malaysia dengan menekankan prinsip-prinsip seperti kesamaan hak dan perlaksanaan keadilan sosial. DAP juga menolak dasar-dasar perkauman yang memisahkan rakyat Malaysia dari segi etnik dan agama.

Dasar Malaysian Malaysia DAP juga menyeru kepada penyatuan rakyat Malaysia dan mempromosikan integrasi nasional. Dalam konteks Malaysia, ia bermakna memupuk semangat persatuan di antara pelbagai kumpulan etnik.

Dalam menjalankan dasar Malaysian Malaysia, DAP telah memperjuangkan hak-hak etnik minoriti dan membantah dasar-dasar yang meminggirkan mereka. DAP juga menyeru kepada kepelbagaian budaya dan adat istiadat dalam negara ini.

Secara keseluruhannya, dasar Malaysian Malaysia DAP mengambil pendekatan yang inklusif, mempromosikan kesamaan dan penyatuan di antara rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang etnik atau agama.

Dasar Malaysian Malaysia DAP ini dapat dilihat jelas dalam Fasal II Perlembagaannya yang menyatakan bahawa Matlamat parti itu antara lainnya ialah:

- (1) “Mengesahkan lagi dan memulihkan Perlembagaan Malaysia kepada rangka kerja sekular yang asal, iaitu sebagai sistem undang-undang tertinggi negara yang menghormati nilai-nilai demokrasi dan hak asasi manusia dengan memberi hak yang saksama kepada setiap rakyat Malaysia.”
- (2) “Mengiktiraf kebebasan beragama sebagai hak asasi yang merangkumi kebebasan pelbagai agama daripada diancam oleh undang-undang yang bersifat menindas dan akta-akta yang berunsur diskriminasi.”
- (3) “Memupuk, memperkembangkan serta memperluaskan demokrasi pada semua peringkat, terutamanya memulihkan pilihan raya tempatan, memperkasakan kuasa rakyat dari segi bentuk dan isi kandungannya dan mengambil bahagian dalam proses membuat

keputusan berlandaskan prinsip-prinsip kesaksamaan, kebebasan, keadilan dan proses pilihan raya yang bebas dan juga kebebasan akhbar.”

(4) “Memberi peluang yang saksama dan mengagihkan kekayaan ekonomi kepada semua rakyat berdasarkan penciptaan nilai-nilai dalam pasaran yang bersaing dan tata ekonomi yang menegaskan penciptaan kekayaan dan pengagihan kekayaan yang saksama.”

(5) “Berjanji untuk mempertingkatkan taraf pendidikan berdasarkan hanya kepada merit dan keperluan, serta memberikan akses penuh dan peluang yang sama kepada pendidikan peringkat awal, peringkat menengah dan peringkat tinggi, terutamanya sektor-sektor teknologi maklumat yang mengutamakan ilmu.”

Kebersamaan mereka di dalam melawan ideologi politik berbeza yang menjadi pegangan lawan mereka, khususnya DAP, yang mereka dakwa sebagai bersifat anti Melayu dan anti Islam, ini menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS bersetuju mengenai perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14.

4.4 Kegagalan Kerajaan PH Menjaga Kepentingan Melayu Muslim

Satu lagi faktor utama yang menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS bersetuju mengenai perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14 adalah kerana persepsi umum di kalangan orang-orang Melayu Muslim bahawa Kerajaan PH yang dibentuk gagal menjaga kepentingan Melayu Muslim.

Antara punca mengapa persepsi ini timbul adalah kerana komposisi Ahli-Ahli Parlimen PH itu sendiri yang didominasi oleh orang-orang bukan Melayu bukan Muslim di mana

pada 10 Mei 2018 terdapat 66 Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslim yang membentuk Kerajaan PH berbanding 58 Ahli-Ahli Parlimen Melayu Muslim.

66 Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslim ini terdiri daripada:

- (1) 41 Ahli Parlimen DAP.
- (2) 20 Ahli Parlimen PKR.
- (3) 2 Ahli Parlimen Warisan.
- (4) 2 Ahli Parlimen Bebas.
- (5) 1 Ahli Parlimen Solidariti.

58 Ahli Parlimen Melayu Muslim pula terdiri daripada:

- (1) 27 Ahli Parlimen PKR.
- (2) 13 Ahli Parlimen BERSATU.
- (3) 11 Ahli Parlimen AMANAH.
- (4) 6 Ahli Parlimen Warisan.
- (5) 1 Ahli Parlimen DAP.

Begitu juga dengan komposisi Kabinet yang dilihat memberi ruang luas kepada Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslim untuk menduduki kementerian penting, khasnya lantikan Lim Guan Eng, Tommy Thomas dan Richard Malanjum sebagai Menteri Kewangan, Peguam Negara dan Ketua Hakim Negara. Semua ini memberi persepsi bahawa Kerajaan PH ditunjangi oleh orang-orang bukan Melayu bukan Muslim walaupun Perdana Menterinya adalah Melayu Muslim, iaitu Mahathir.

Antara perkara utama yang dilakukan oleh Kerajaan PH yang dilihat menggugat kepentingan Melayu Muslim ialah kenyataan Senator P. Waytha Moorthy, ketika berucap pada 24 Oktober 2018 bahawa Kerajaan PH komited untuk mengesahkan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) pada suku pertama tahun 2019 (“Kerajaan ratifikasi enam triti hak asasi suku pertama tahun depan”, 2018).

Kenyataan ini telah disambut keras oleh orang ramai. Mantan Ketua Hakim Negara, Abdul Hamid Mohamad, umpamanya menyatakan jika ICERD disahkan, akan ada pihak yang akan mencabar Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan kerana bertentangan dengan ICERD. Tegas beliau, tujuan ICERD hendak disahkan adalah untuk menghapuskan keistimewaan orang Melayu dan anak-anak negeri Sabah dan Sarawak (“Pakar perundangan bantah hasrat kerajaan terima ICERD”, 2018).

Ini menyebabkan berlangsungnya Himpunan Bantah ICERD di Masjid Jamek pada 4 November 2018 dengan dihadiri oleh beberapa orang pemimpin Pemuda dan badan bukan kerajaan (NGO). Mereka termasuk Muhammad Khalil, Asyraf Wajdi serta wakil Gerakan Pembela Ummah (UMMAH), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang berarak dengan memegang sepanduk-sepanduk berbentuk bantahan ke atas ICERD (“Himpunan bantah ICERD berlangsung aman”, 2018).

Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO pada 9 November 2018 memutuskan untuk menolak ICERD dan menggesa Kerajaan PH menghentikan segala bentuk

perbincangan berhubung perkara itu kerana, kata Ahmad Zahid, ia jelas bertentangan dengan perlembagaan. UMNO Pusat akan menganjurkan program menentang ratifikasi ICERD, bermula dengan program di Pasir Salak, di mana beliau sendiri akan berucap dan berkongsi pentas dengan Abdul Hadi untuk menjelaskan pendirian (“UMNO gesa kerajaan tolak ICERD”, 2018).

Pada 13 November 2018 pula, Abdul Hadi, ketika membahas RUU Perbekalan (2019) di Parlimen, berkata PH selepas PRU 14 tidak peduli demografi penduduk Malaysia sedangkan PAS jelas menolak ICERD dengan cara apa sekali pun. Beliau juga memberi amaran bahawa PAS akan mengerahkan rakyat ke jalanan jika ICERD yang tidak adil kepada Islam dan Bumiputera diratifikasi (“ICERD: Pas beri amaran akan kerah jutaan rakyat turun ke jalanan”, 2018).

Himpunan Perpaduan Ummah (HPU) bagi menyatakan bantahan terhadap ratifikasi ICERD kemudiannya dilangsungkan di Pasir Salak pada 17 November 2018. HPU ini dihadiri oleh Ahmad Zahid, Abdul Hadi serta kira-kira 30,000 ahli dan pemimpin kedua-dua buah parti. Di HPU ini diumumkan bahawa PAS dan UMNO akan mengadakan satu perhimpunan mega di Kuala Lumpur pada 8 Disember 2018 bagi membantah ICERD (“PAS-Umno anjur himpunan bantah ICERD 8 Dis”, 2018).

Ekoran itu, Pejabat Perdana Menteri, dalam kenyataan yang dikeluarkan pada 23 November 2018, menegaskan bahawa kerajaan tidak akan meratifikasi ICERD (“Himpunan Bantah ICERD Lahirkan Permuafakatan Politik Melayu, Tetapi...”, 2021).

Di sebalik itu, himpunan besar-besaran bagi membantah ratifikasi ICERD ini tetap dilangsungkan di Dataran Merdeka dengan nama Himpunan 812 tetapi dengan ditukar temanya menjadi ‘perhimpunan kesyukuran’. Di dalam Himpunan 812 ini, Ahmad Zahid berkata beliau mahu UMNO dan PAS bersatu mulai hari itu sebagai gagasan pembangkang dan sebagai pejuang isu-isu Melayu dan Islam. "Inilah manifestasi kalau Islam dan orang Melayu diusik, kita bangkit untuk perlihatkan kita bersatu", kata beliau (“Jangan main-main dengan rakyat”, 2018). Abdul Hadi pula berucap secara berpantun di mana beliau mahu supaya kedaulatan agama Islam dan hak orang Melayu tidak diusik (“Hadi berpantun, berkias”, 2018).

Satu lagi isu besar yang dijadikan sebagai bukti bahawa Kerajaan PH gagal menjaga kepentingan Melayu Muslim ialah tindakannya membawa Malaysia memeterai Statut Rome yang dikatakan akan menjejaskan imuniti Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu pada 4 Mac 2019 tanpa merujukkannya kepada Majlis Raja-Raja Melayu.

Isu ini timbul setelah seorang Dr Fareed Mohd Hassan menerbitkan di dalam akhbar Projek Malay Mail pada 5 Mac 2019 satu artikel bertajuk “Statut Rom gugat kuasa Agong”. Di dalamnya, beliau menerangkan mengenai kedudukan Statut Rom yang membawa kepada penubuhan International Criminal Court (ICC) pada Julai 2002.

Beliau menghujahkan bahawa tidak wajar bagi Malaysia untuk menjadi negara ahli Statut Rom buat masa ini kerana beberapa undang-undang, terutama Perlembagaan Persekutuan, harus diperhalusi dan dipinda bagi mengelakkan sebarang ketidakmampuan atau ketidakmahuan Malaysia bagi menangani jenayah-jenayah tersebut dalam negara,

terutama bagi memelihara kedudukan dan keistimewaan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu” (“Statut Rome gugat kuasa Agong: Fareed Mohd Hassan”, 2019).

Isu ini menjadi panas bila Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail, ditanyakan di Twitter pada 8 Mac 2019 satu soalan berbunyi “Tunku, betul ke kedaulatan Raja-Raja Melayu sudah tergugat akibat kerajaan Malaysia menandatangani penyertaan sebagai negara ahli Statut Rome (Rome Statute) seperti yang ditulis (oleh Dr Fareed Mohd Hassan). Jawapan yang diberikan oleh Tunku Mahkota Johor adalah “Yes. Kedudukan Raja-Raja Melayu mungkin tidak relevan lagi selepas ini dan kedaulatan Raja-Raja akan pasti tergugat. Sekaligus ini akan memberi impak kepada status orang Melayu dan agama Islam di Malaysia.” (“Tunku Mahkota Johor”, 2019).

Menteri Luar, Saifuddin Abdullah, dalam kenyataan media beliau pada 13 Mac 2019, menjelaskan bahawa tidak benar pandangan bahawa Yang di-Pertuan Agong akan terdedah kepada pendakwaan jenayah di ICC. Keputusan menandatangani Statut Rom dipersetujui setelah Kabinet berpuas hati bahawa kedudukan dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong kekal terpelihara. Perlembagaan Persekutuan juga dinyatakan tidak perlu dipinda manakala persetujuan Majlis Raja-Raja juga tidak diperlukan kerana Statut Rom tidak termasuk di dalam Perkara 159 (5) dan Perkara 38 (4) Perlembagaan Persekutuan (“Statut Rome: Kedudukan, kekebalan”, 2019).

Kesemua hujah Saifuddin ini bagaimanapun dipatahkan oleh Abdul Hamid. Melalui artikel beliau pada 22 Mac 2019, Abdul Hamid menegaskan bahawa Yang di-Pertuan Agong (atau Raja-Raja) tidak kebal di ICC kerana jika mereka sendiri melakukan

kesalahan itu atau mereka mengarahkan pengawal-pengawalnya atau pegawai-pegawai polis atau tentera melakukannya, mereka boleh didakwa di ICC.

Kata Abdul Hamid, Perlembagaan Persekutuan juga perlu dipinda kerana Statut Rom menyentuh kedudukan Raja-Raja dan kerana ia perlu untuk memberi bidangkuasa kepada ICC. Perkara 181(2) Perlembagaan Persekutuan mengenai Mahkamah Khas perlu dipinda untuk membolehkan ICC membicarakan Raja-Raja. Persetujuan Majlis Raja-Raja juga perlu diperolehi kerana mengikut Perkara 38 (4) persetujuan Majlis itu diperlukan untuk undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja (“Statut Rom ICC”, 2019).

Perkara ini juga ditegaskan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, pada 22 Mac 2019 yang bertitah bahawa penandatanganan Statut Rom dan ratifikasi ke atas ICERD adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana ia menyentuh kuasa Raja-Raja, keistimewaan orang Melayu dan kemuliaan agama Islam di negara ini. Baginda meminta kerajaan ingat tentang kontrak sosial di mana keistimewaan orang Melayu dan kuasa Yang Di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu tidak boleh disentuh dan dikurangkan. Baginda juga mengingatkan kerajaan supaya tidak menerima sebarang konvensyen antarabangsa bagi memperolehi pengiktirafan negara luar sedangkan ini akan merosakkan negara dan menjejaskan hidup rakyat (“ICERD, Statut Rom bercanggah”, 2019).

Seterusnya, empat pensyarah undang-undang dan Perlembagaan, iaitu Prof Dr Rahmat Mohamad, Prof Madya Dr Shamrahayu Ab Aziz, Dr Fareed Mohd Hassan dan Hisham

Hanapi, telah dijemput membuat satu pembentangan bertajuk “Statut Rom Dan Malaysia” kepada Majlis Raja-Raja pada 2 April 2019. Antara lainnya, mereka berpandangan bahawa dengan meratifikasi Statut Rom, Malaysia hanya menyerahkan kedaulatan negaranya, mendedahkan Yang di-Pertuan Agong kepada risiko disiasat dan didakwa oleh ICC dan membenarkan unsur-unsur asing (ICC dan Pendakwa dan penyiasatnya) untuk mencampuri urusan dalaman negara terutamanya proses kehakiman. Berdasarkan pembentangan mereka ini Majlis Raja-Raja telah menolak Statut Rom sekali gus memaksa Kabinet menarik diri darinya pada 5 April 2019 (Kamarul Yusoff, 2019).

Mereka yang kelihatan paling kecewa dengan penarikan diri Malaysia dari Statut Rom ini pula adalah pemimpin-pemimpin DAP. Teo Nie Ching berkata kementerianya akan membincangkan kedudukan empat ahli akademik yang terlibat di dalam pembentangan mengenai isu Statut Rom (“Statut Rom: Kedudukan empat ahli akademik akan dibincangkan”, 2019). Lim Kit Siang menyebut beliau sangat rasa kecewa. Charles Santiago pula menyalahkan Mahathir kerana membuatkan Kabinet kelihatan lemah. Kasthuri Patto pula menyebut “Bodoh”, “Bangang” dan “Selfish” kepada BN dan PAS sebagai dalang isu ratifikasi Statut Rom ini (Kamarul Yusoff, 2019).

Seterusnya, penyokong Statut Rom, dalam Forum Malaysia & Statut Rom yang dianjurkan oleh SISTERS IN ISLAM, G25, IKRAM, ABIM, PATRIOT, JUST dan GERAK, pada 27 April 2019, menggunakan forum itu untuk menyerang pihak-pihak yang menentang Statut Rom. Seorang panelisnya, Dr Syed Husin Ali, mendakwa Raja-Raja Melayu tidak memberi perkenan kepada ratifikasi Statut Rom kerana mahu melindungi diri mereka dari jenayah kemanusiaan yang mereka lakukan (Kamarul Yusoff, 2019).

Isu ini sekali lagi menyebabkan satu Himpunan bernama Himpunan 405 anjuran UMMAH dilangsungkan di sekitar Masjid Jamek pada 4 Mei 2019. Himpunan 405 ini disertai oleh pemimpin UMNO, PAS dan BERJASA serta 10 NGO yang memakai baju bertulis "Daulat Tuanku dan Raja-Raja Melayu". Dalam ucapannya pada Himpunan 405 ini, Asyraf Wajdi berkata cubaan menyentuh institusi Raja-Raja Melayu akan ditentang oleh rakyat. Beliau juga menyebut Tommy Thomas tidak layak menjadi Peguam Negara serta menuntut perletakan jawatannya kerana beliau menyebabkan Raja-Raja Melayu dihina ("Himpunan 405 tuntutan Peguam Negara letak jawatan", 2019).

4.5 Rumusan

Berdasarkan kepada perbincangan dalam Bab Empat ini dapatlah dirumuskan bahawa kerjasama UMNO dan PAS terzahir secara sendirinya setelah kedua-dua parti ini mengalami kekalahan dalam PRU 14. Persamaan ideologi politik Melayu Islam antara UMNO dan PAS, yang ditambah dengan kegagalan Kerajaan PH menjaga kepentingan Melayu Muslim menggabungkan mereka dalam satu saf. Jangkaan bahawa kerjasama UMNO dan PAS akan membawa kemenangan, yang terbukti dalam beberapa siri pilihan raya kecil yang mereka hadapi, mengukuhkan lagi kerjasama ini.

BAB 5

KERUNTUHAN KERJASAMA UMNO DAN PAS, PRA DAN PASCA PRU 15

5.1 Pendahuluan

Bab Lima akan membincangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keruntuhan di dalam kerjasama UMNO dan PAS pra PRU 15.

Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keruntuhan di dalam kerjasama UMNO dan PAS pra PRU 15 ini adalah:

- i. Kehilangan *raison detre* kerjasama: Kejatuhan Kerajaan PH dari kuasa.
- ii. Kemunculan BERSATU sebagai pengacau: Pendirian “bermain dalam dua kolam” PAS
- iii. Kenekadan UMNO untuk membebaskan diri dari BERSATU: Keyakinan atas prestasi baik dalam PRN Melaka dan PRN Johor.

5.2 Kehilangan Raison Detre Kerjasama

Seperti yang dijelaskan di dalam Bab Empat, satu daripada faktor-faktor utama yang menyebabkan perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14 ialah “Kegagalan Kerajaan PH menjaga kepentingan Melayu Muslim”.

Oleh itu, selama mana faktor ini masih wujud maka selama itu jugalah kerjasama UMNO dan PAS akan berkekalan. Faktor ini mengandaikan bahawa kedua-dua UMNO dan PAS kekal berada di luar kerajaan sebagai pembangkang manakala PH pula kekal memerintah

sebagai kerajaan dengan komposisi Ahli-Ahli Parlimennya sendiri kekal didominasi oleh orang-orang bukan Melayu bukan Muslim.

Walaupun begitu, sejak memerintah, PH telah beransur-ansur menghakiskan imej dominasi Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslimnya. Jika pada 10 Mei 2018 terdapat 66 Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslim yang membentuk Kerajaan PH berbanding 58 Ahli-Ahli Parlimen Melayu Muslim maka pada awal Januari 2019 bilangan Ahli-Ahli Parlimen Melayu Muslimnya telah bertambah seramai 15 orang menjadi 73 orang sekali gus mengatasi bilangan Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslimnya.

Keadaan ini terhasil ekoran daripada tindakan salah satu parti komponen PH merangkap parti yang diketuai oleh Mahathir, iaitu BERSATU, mencuri Ahli-Ahli Parlimen Melayu Muslim dari UMNO masuk ke dalam parti itu secara bertahap.

Ahli Parlimen Melayu Muslim yang mula-mula sekali keluar dari UMNO untuk menyertai BERSATU ialah Dr Noor Azmi Ghazali yang telah menyertai BERSATU setelah keluar dari UMNO pada 24 Jun 2018 (“Noor Azmi keluar UMNO, BN”, 2018).

Beliau diikuti oleh Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang telah menyertai BERSATU setelah keluar dari UMNO pada 1 Julai 2018 (“Ahli Parlimen Bukit Gantang”, 2018).

Seterusnya ialah Mas Ermieyati Samsudin yang telah menyertai BERSATU setelah keluar dari UMNO pada 1 Julai 2018 (“Mas Ermieyati keluar parti”, 2018).

Turut berbuat demikian ialah Mustapa Mohamed yang telah menyertai BERSATU setelah keluar dari UMNO pada 18 September 2018 (“Mustapa Mohamed umum keluar UMNO”, 2018).

Kemudiannya mereka diikuti oleh lima Ahli Parlimen Melayu Muslim dari Sabah, iaitu Abd Rahim Bakri, Azizah Mohd Dun, Yamani Hafez Musa, Dr Ronald Kiandee dan Zakaria Mohd. Edris yang telah menyertai BERSATU setelah keluar dari UMNO pada 12 Disember 2018 (“Kepimpinan Umno Sabah keluar parti beramai-ramai”, 2018).

Paling akhir berbuat demikian ialah Ikmal Hisham Abdul Aziz, Rosol Wahid, Shabudin Yahaya, Hamzah Zainudin, Mohd Fasih Mohd Fakeh dan Dr Abd. Latiff Ahmad yang telah menyertai BERSATU setelah keluar dari UMNO pada 14 Disember 2018 (“Hamzah Zainudin antara 6”, 2018).

Kemasukan 15 orang Ahli Parlimen Melayu Muslim dari UMNO untuk menyertai BERSATU ini, walaupun amat tidak disenangi oleh UMNO dan oleh rakan BERSATU sendiri di dalam PH, khususnya DAP, telah membantu mencairkan imej dominasi Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslim dalam PH.

Walaupun imej dominasi Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslim dalam PH semakin cair dengan kemasukan 15 orang Ahli Parlimen Melayu Muslim dari UMNO

untuk menyertai BERSATU ini, pada masa yang sama tema “Kegagalan Kerajaan PH menjaga kepentingan Melayu Muslim” terus relevan dan digunakan untuk mengikat UMNO dan PAS dalam kerjasama. Ini kerana tindakan-tindakan yang dilihat menjejaskan kepentingan Melayu Muslim terus dibuat oleh Kerajaan PH.

Di sebalik publisiti negatif yang diterima oleh Kerajaan PH ekoran tindakannya cuba meratifikasi ICERD pada akhir tahun 2018 dan memeterai Statut Rome pada awal tahun 2019, Kerajaan PH terus sahaja dilihat gagal menjaga kepentingan Melayu Muslim, termasuk melalui beberapa insiden yang melibatkan Dr Maszlee Malik.

Pada Julai 2018, Maszlee memaklumkan Parlimen bahawa tidak akan ada peruntukan bagi Sekolah Menengan Persendirian Cina (SMPC). Ini kerana SMPC bukan sebahagian daripada sistem pendidikan nasional. Pemakluman ini menyebabkan Maszlee diserang oleh Wong Kah Woh dan Ong Boon Piow yang meminta kedudukan beliau sebagai Menteri Pendidikan dinilai semula (“DAP tak yakin dengan Maszlee Malik”, 2018).

Isu seterusnya timbul bila Maszlee menyarankan di Parlimen pada bulan Disember 2018 supaya guru-guru agama dari Semenanjung Malaysia menjadikan Sarawak medan dakwah. Ini menyebabkan beliau juga diserang oleh Irene Mary Chang dan Abdul Aziz Isa yang menggesa beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Pendidikan (“S'wak DAP Youth leader”, 2018).

Insiden lebih mutakhir berlaku apabila Maszlee, dalam satu sesi soal jawab pada 16 Mei 2019 mempertahankan keputusan Kabinet mengekalkan kuota 90% Bumiputera untuk

pelajar matrikulasi. Ini beliau lakukan dengan membandingkannya dengan amalan mensyaratkan kebolehan berbahasa Mandarin sebagai kelayakan untuk mendapatkan pekerjaan. Beliau dilaporkan berkata bahawa jika kuota kemasukan pelajar matrikulasi universiti awam mahu diubah maka kebolehan berbahasa Mandarin sebagai kelayakan untuk mendapatkan pekerjaan juga perlu diubah bagi memberi keadilan kepada bumiputera (“Jangan nafi peluang kerja”, 2019).

Ekoran tindakan beliau ini seramai 20 pemimpin DAP telah mengkritik Dr Maszlee dalam satu kenyataan bersama. Selain itu, empat pemimpin DAP lain juga telah turut menyerang beliau di mana:

- (1) Teng Chang Khim dan Dr Boo Cheng Hau menyebut Maszlee bodoh.
 - (2) Dr P Ramasamy menyebut Maszlee tidak berbeza daripada ahli politik UMNO.
 - (3) Ronnie Liu Tian Khim menyebut Malaysia memerlukan Menteri Pendidikan yang lebih baik.
- (“Academic says Maszlee should be defended from 'DAP attacks’”, 2019).

Isu seterusnya berlaku bila Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan pada 25 Julai 2019 mengumumkan pembelajaran seni khat Jawi dalam kurikulum Tahun 4 Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil. Pengumuman ini dibantah oleh 138 pemimpin akar umbi DAP yang menggesa anggota kabinet daripada DAP membantahnya. (“Pemimpin akar umbi DAP bantah”, 2019).

Ekoran tentangan ke atas pengumuman ini, Maszlee mengumumkan pada 8 Ogos 2019 bahawa Kabinet menetapkan tulisan khat ini hanya tiga muka surat sahaja, ia akan

dilaksanakan secara pilihan bukan wajib. Guru boleh memilih kaedah pelaksanaannya dan ia tidak akan dinilai. Ini dilihat sebagai kemenangan kepada DAP. (“Tulisan khat dilaksanakan secara pilihan - Maszlee”, 2018)

Satu isu lain timbul bila Najib membangkitkan pada 16 Oktober 2019 mengenai penyebaran secara percuma buku komik 'Inisiatif Jalur dan Jalan-Meraih Manfaat Bersama (BRI)' di sekolah. Buku komik itu didakwa bermasalah kerana ia mengandungi propaganda mengagung-agungkan DAP serta memberikan gambaran kerajaan sebelum ini bersifat hipokrit dalam layanannya kepada pihak komunis. (“Najib hits out at DAP”, 2019)

Maszlee menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan tidak pernah memberi kelulusan ke atas pengedaran buku komik itu di sekolah-sekolah. Buku komik ini adalah usaha bersama Hew Kuan Yau dan kartunis bernama Chong Po Ling. Maszlee juga mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) memastikan semua sekolah tidak menerima dan mengedarkan buku komik ini. Tambah beliau, sekolah tidak sewajarnya menjadi tempat untuk menyebarkan propaganda politik. (“Maszlee: Tindakan Liu biadab”, 2019).

Kenyataan Maszlee ini menyebabkan beliau dikritik oleh 43 pemimpin muda DAP yang diketuai oleh Eric Teh dan Koo Jeng Teng yang mempersoalkan sama ada Maszlee dilantik oleh PH atau oleh UMNO kerana beliau dikatakan bersifat rasis seperti UMNO. (“Maszlee dilantik PH”, 2019)

Dalam tempoh ini juga berlangsung Kongres Maruah Melayu anjuran bersama empat universiti pada 6 Oktober 2019. Kongres ini dihadiri oleh Mahathir selain oleh pemimpin BERSATU, PAS dan UMNO, NGO-NGO Melayu serta ahli-ahli akademik Melayu (“Kongres Maruah Melayu”, 2019). Di dalamnya mereka melafazkan ikrar “Sumpah Anak Watan” untuk mempertahankan Islam, memperkasakan bangsa Melayu, menjulang sistem pendidikan tunggal, mengimbangi ekonomi negara dan memartabatkan budaya kebangsaan. (“Deklarasi Ikrar: Sumpah Anak Watan”, 2019).

Ucapan-ucapan dan resolusi-resolusi “Kongres Maruah Melayu”, antaranya memansuhkan sekolah vernakular, yang dikatakan mewujudkan kebencian dan perbalahan ras menjadikan Kongres itu dikatakan bersifat rasis. Ir. Dr. Abdul Rahim Hashim digesa meletakkan jawatan sebagai Naib Canselor Universiti Malaya (UM) kerana kononnya mengeluarkan hujah-hujah yang bersifat perkauman dalam Kongres itu (“Siswa UM gesa”, 2019). Laporan polis dibuat oleh Yoganathan Loganathan ke atas Kongres itu sehingga menyebabkan Ketua Eksekutifnya, Prof Emeritus Dr Zainal Kling, disiasat di Bukit Aman (“Polis akan panggil Zainal Kling”, 2019).

Lim Kit Siang menyebut resolusi-resolusi itu diasaskan kepada pembohongan, berita palsu dan ucapan kebencian (“Congress dashes hopes”, 2019). Begitu juga dengan Ganabatirau Veraman yang mendesak kerajaan menolak semua resolusi itu kerana kononnya negara ini perlu dibina secara progresif bukan secara regresif (“K'jaan PH perlu tolak”, 2019).

Ronnie Liu pula menulis bahawa BERSATU patut ditendang keluar dari PH pada 22 Oktober 2019. Beliau menulis artikel bertajuk “Mahathir: Harimau Kertas” yang melabelkan Mahathir seolah-olah sudah lemah dan tidak mempunyai taring/kuasa, serta menyebabkan PH dilihat bermasalah melalui tindakan beliau mempertahankan penerusan dasar yang mengutamakan golongan bumiputera, isu khat, isu Zakir Naik dan sebagainya (“Mahathir: The paper tiger”, 2019).

Desakan supaya Mahathir berundur menjadi lebih lantang setelah calon PH kalah teruk dalam PRK P.165 Tanjung Piai, Johor, pada 16 November 2019 (“BN tawan semula Tanjung Piai”, 2019).

Dalam pada itu, Dong Zong dan Jiao Zong merancang untuk mengadakan himpunan besar-besaran pertubuhan-pertubuhan orang Cina pada 28 Disember 2019 bagi membantah isu tulisan Khat di SJK Cina dan Tamil dan bagi menjaga kedaulatan lembaga-lembaga pengurus SJK Cina dan Tamil dalam menetapkan dasar pendidikan sekolah-sekolah berkenaan. Ini menyebabkan 40 pertubuhan bukan kerajaan NGO Melayu membuat laporan polis terhadap Dong Zong dan Jiao Zong (“NGO lapor polis”, 2019).

Serentak dengan itu pemimpin UMNO dan PAS pun bersuara bagi mendesak Dong Zong dan Jiao Zong diharamkan.

Mereka termasuklah Ismail Sabri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 2019), Dr Najmil Faiz Mohamed Aris (Datuk Dr. Najmil Faiz Mohamed Aris, 2019), Dr Mohd Khairuddin

Aman Razali (Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali, 2019) dan Ir Khairil Nizam Khirudin (Ir. Khairil Nizam Khirudin, 2019).

Begitupun, apa yang berbeza kali ini ialah bila pemimpin BERSATU yang masih menjadi sebahagian daripada kerajaan, juga turut bersuara dalam nada yang sama. Mereka adalah Mohd Rafiq Naizamohideen (Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen, 2019) dan Muzzammil Ismail (Muzzammil Ismail, 2019).

Pada akhirnya Persidangan Pertubuhan Cina di Kolej New Era, Kajang, diarah untuk dibatalkan oleh pihak polis atas alasan keselamatan (“Polis dapat perintah”, 2019).

Pembatalan persidangan ini jelas tidak disenangi oleh pemimpin-pemimpin DAP yang mempertikaikannya. Mereka termasuklah Dr P Ramasamy, Fong Kui Lun, Ronnie Liu dan Howard Lee (“MCA, Pemuda DAP”, 2019).

Kelantangan pemimpin-pemimpin DAP ini mendorong seorang tokoh besar dalam dunia kewartawanan tanah air merangkap bapa kepada Syahredzan Johan, Setiausaha Politik Lim Kit Siang, iaitu Johan Jaaffar, kritikan-kritikan keras terhadap DAP dalam satu tulisan beliau di akhbar Sinchew pada 20 Januari 2020. Beliau antara lainnya berkata, “Pemimpin-pemimpin DAP masih berkelakuan seperti mereka dalam barisan pembangkang”, “Sesetengah daripada pemimpin DAP langsung tidak cuba melibatkan diri dengan golongan Melayu”, “Sesetengah daripada pemimpin DAP membuat kenyataan yang tidak boleh diterima oleh orang-orang Melayu” “Pemikiran bahawa DAP melemahkan kepentingan orang-orang Melayu sedang bergerak hebat”, “Saya tidak tidak

terkejut ramai pemimpin Melayu dalam PH menyesali kehadiran DAP dalam pakatan itu” dan “Ramai pemimpin Melayu dalam PH percaya keadaan akan menjadi lebih baik tanpa kehadiran DAP dalam PH”. (“Why DAP is a liability to PH”, 2020).

Ekoran kemelut dalaman PH dalam mana pemimpin-pemimpin BERSATU dan sebahagian pemimpin PKR tidak senang dengan kelantangan pemimpin-pemimpin DAP yang dilihat memberi ancaman ke atas kepentingan Melayu Muslim, serta desakan ke atas Mahathir supaya memberi jawatan Perdana Menteri kepada Anwar, Mahathir pun meletakkan jawatan pada 24 Februari 2020 (“Tun M letak jawatan Perdana Menteri”, 2020). Pada hari yang sama, Muhyiddin membawa BERSATU keluar daripada PH (“BERSATU keluar PH”, 2020) manakala Mohamed Azmin dan 10 Ahli Parlimen lain keluar daripada PKR (“11 Ahli Parlimen PKR keluar parti”, 2020).

Selain Mohamed Azmin, 10 Ahli Parlimen PKR yang telah keluar parti ini adalah Mansor Othman, Saifuddin Abdullah, Zuraida Kamaruddin, Kamarudin Jaffar, Dr Santhara Kumar, Mohd Rashid Hasnon, Jonathan Yasin, Willie Anak Mongin, Ali Anak Biju dan Baru Bian.

Bagi mengatasi kemelut yang berlaku ekoran kejatuhan Kerajaan PH, MN bersama-sama MIC, MCA dan PBRS mulanya membuat ketetapan menyokong Mahathir sebagai Perdana Menteri baharu tanpa DAP tetapi setelah Mahathir mengumumkan hasrat beliau untuk menubuhkan sebuah kerajaan perpaduan dengan memilih individu bukan mengikut parti bagi membentuk barisan Kabinet beliau maka MN mengubah ketetapan mereka dengan mengemukakan cadangan baharu supaya Parlimen dibubarkan untuk

membolehkan satu pilihan raya umum dilangsungkan. Ini mereka nyatakan ketika menghadap Yang di-Pertuan Agong pada 25 Februari 2020. (“Pembangkang tolak DAP, pilih bubar Parlimen”, 2020).

Begitupun, pada 28 Februari 2020, Annuar Musa dan Takiyuddin Hassan mengeluarkan kenyataan media bagi menyatakan bahawa 39 Ahli Parlimen UMNO dan 18 Ahli Parlimen PAS bersama-sama 36 Ahli Parlimen BERSATU bersetuju untuk mencalonkan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri baharu. Dengan sokongan Ahli-Ahli Parlimen lain, Muhyiddin akhirnya mengangkat sumpah jawatan pada 1 Mac 2020. (“Bersatu dan Muafakat Nasional”, 2020).

Hasil daripada penyertaan UMNO dan PAS dalam kerajaan yang dinamakan sebagai Perikatan Nasional (PN) ini beberapa orang pemimpin mereka telah dilantik sebagai Menteri Kanan, Menteri dan Timbalan Menteri.

Pemimpin UMNO yang telah dilantik ialah:

1. Ismail Sabri Yaakob: Menteri Kanan Pertahanan
2. Annuar Musa: Menteri Wilayah Persekutuan
3. Noraini Ahmad: Menteri Pengajian Tinggi
4. Shamsul Anuar Hj Nasarah: Menteri Tenaga dan Sumber Asli
5. Dr Adham Baba: Menteri Kesihatan
6. Hishammuddin Hussein: Menteri Luar Negeri
7. Khairy Jamaluddin: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
8. Halimah Mohamed Sadique: Menteri Perpaduan Negara

9. Reezal Merican Naina Merican: Menteri Belia dan Sukan
10. Mohd Shahar Abdullah: Timbalan Menteri Kewangan 2
11. Mastura Yazid: Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)
12. Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Timbalan Menteri Alam Sekitar
13. Dr Ismail Mohamed Said: Timbalan Menteri Dalam Negeri 1
14. Ahmad Hamzah: Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1
15. Abdul Rahman Mohamad: Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar

1

16. Zahidi Zainul Abidin: Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia
17. Ismail Abd Mutalib: Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia

Pemimpin PAS yang telah dilantik pula ialah:

1. Takiyuddin Hassan: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
2. Tuan Ibrahim Tuan Man: Menteri Alam Sekitar
3. Dr Mohd Khairuddin Aman Razali: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
4. Ahmad Marzuk Shaary: Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
5. Awang Hashim: Timbalan Menteri Sumber Manusia
6. Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff: Timbalan Menteri Wanita dan Keluarga
7. Che Abdullah Mat Nawi: Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2

8. Ahmad Amzad Hashim: Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Setelah menjadi sebahagian daripada kerajaan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS tidak lagi mempunyai Kerajaan PH yang boleh dianggap sebagai musuh penyatu mereka kerana kegagalan Kerajaan PH menjaga kepentingan Melayu Muslim. Sebaliknya tugas untuk menjaga kepentingan Melayu Muslim kini terpikul di atas pundak mereka sendiri.

PH masih lagi musuh bersama UMNO dan PAS sebagai penjaga kepentingan Melayu Muslim tetapi setelah berada di luar kerajaan sebagai pembangkang ancaman mereka sudah tidak lagi kuat kerana mereka sudah tidak ada kuasa.

5.3 Kemunculan BERSATU Sebagai Pengacau

Salah satu faktor penyumbang penting kepada keruntuhan MN ialah kemunculan BERSATU di dalam hubungan UMNO dan PAS tatkala hubungan mereka masih belum kukuh. Lebih memburukkan keadaan ialah bila BERSATU dilihat lebih dominan antara ketiga-tiga parti ini melalui kedudukan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri walaupun BERSATU pada asalnya tidak kuat dan kekuatannya disumbangkan oleh kemasukan secara tidak sihat Ahli-Ahli Parlimen UMNO ke dalam parti itu.

Perlu diingat bahawa pembentukan Kerajaan PN yang menggantikan Kerajaan PH ini berlaku dalam tempoh yang cepat tatkala MN itu sendiri belum sempat diinstitusikan dengan baik. Ini kerana ia berlaku kira-kira hanya lima bulan setelah Ahmad Zahid dan Abdul Hadi menandatangani Piagam MN. (“Piagam Muafakat Nasional”, 2019).

Secara spesifiknya, pengisytiharan pembentukan MN ini adalah diasaskan kepada lima prinsip yang baik berikut:

1. “Menjunjung dan mempertahankan keluhuran Perlembagaan Persekutuan, yang menjamin pembentukan negara, Islam sebagai agama Persekutuan, kedaulatan Raja-Raja Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta kepentingan sah kaum lain, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta menjamin kepentingan masyarakat majmuk terpelihara.”
2. “Memperkukuhkan MN melalui amalan musyawarah yang membabitkan pelbagai latar agama, kaum dan budaya demi kepentingan negara.”
3. “Memperkasakan agenda Islam, Melayu dan Bumiputera secara tuntas dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan demi membangunkan watan yang sejahtera.”
4. “Membentuk kerjasama dengan mengembangkan naratif (Islam dan bangsa Melayu) tanpa menafikan kepelbagaian agama, kaum dan budaya sebagai paksi kepada kestabilan politik, keharmonian kaum dan kesejahteraan negara.”
5. “Mengikhtiarkan secara kolektif satu citra dan tawaran baharu untuk negara dalam meningkatkan tadbir urus yang baik, dasar pembangunan yang inklusif dan sejahtera serta pengagihan yang menyuburkan keadilan sosial merentasi batas warna kulit dan anutan.”

Kelambatan menginstitusikan MN terlihat jelas bila Takiyuddin menyatakan pada 27 Disember 2019 bahawa Jawatankuasa Penyelaras MN Negeri dan Parlimen hanya akan ditubuhkan pada Januari 2020 (“Jawatankuasa Penyelaras Muafakat Nasional”, 2019).

Mesyuarakat Jawatankuasa Induk Perunding MN kali pertama pula hanya diadakan pada 10 Februari 2020 di PWTC dengan dihadiri oleh Mohamad Hasan, Annuar Musa, Tuan Ibrahim Tuan Man dan Idris Ahmad. (“Mesyuarat Jawatankuasa Induk Perunding Muafakat Nasional”, 2020).

Waktu sama, pandemik Covid-19 yang menyerang negara pada awal 2020, selain kesibukan menjalankan tanggungjawab sebagai kerajaan, menjadikan tumpuan ke arah pengukuhan MN menjadi kendur. Pada 5 Julai 2020 juga pemimpin UMNO dan PAS negeri-negeri dan bahagian-bahagian baru mahu menubuhkan Jawatankuasa MN. Mengikut Datuk Dr Asyraf Wajdi, urusan ini tertangguh selama hampir lima bulan ekoran pandemik Covid-19. (“Umno, PAS bentuk”, 2020).

Pada 1 Jun 2020, Muhyiddin selaku Presiden BERSATU mencadangkan idea untuk PN didaftarkan sebagai parti politik kepada Biro Politik UMNO. UMNO bagaimanapun menyatakan pendirian tidak bersetuju dengannya di mana Datuk Seri Dr Ahmad Zahid mengumumkan pada 30 Julai 2020 bahawa UMNO tidak akan menyertai PN kerana menganggap BN masih relevan. UMNO juga mahu memperkasakan MN. Sokongan UMNO dan BN kepada Kerajaan PN pula, kata beliau, hanya berbentuk sokongan Ahli-Ahli Parlimen serta ADUN-ADUN UMNO dan BN kepada kerajaan (“Umno umum tidak sertai Perikatan Nasional”, 2020).

Mesyuarat Jawatankuasa Induk MN pada 4 Jun, 17 Jun dan 8 Julai 2020 juga membincangkan isu pendaftaran PN sebagai parti politik dalam mana telah disepakati bahawa kedua-dua PN dan MN tidak perlu didaftarkan.

Begitupun, dalam tempoh ini juga, PN menyerahkan secara senyap-senyap permohonan pendaftaran rasminya dengan Pendaftar Pertubuhan (RoS), dengan disertai oleh BERSATU, MIC, PAS dan STAR. Permohonan pendaftaran PN ini hanya diketahui umum pada 27 Ogos 2020 selepas Presiden MIC memaklumkan MIC pada 24 Ogos 2020 menarik balik suratnya pada 15 Julai 2020 kepada RoS untuk menyertai PN (“MIC keluar PN tanpa tekanan BN – Vigneswaran”, 2020) setelah Ahmad Zahid mengesahkan bahawa MIC akan menyertai PN. (“MIC, Star antara parti dalam PN - Zahid”, 2020).

Walaupun tidak menyertai PN, Asyraf Wajdi menyatakan pada 2 Ogos 2020 bahawa UMNO akan terus mempertahankan Kerajaan PN sehingga PRU 15 serta akan terus memperkukuhkan MN (“PN: UMNO Nyatakan Pendirian”, 2020).

Dalam pada itu, Muhyiddin pula menyatakan hasrat BERSATU untuk menyertai MN. Ia disambut oleh Ahmad Zahid yang berkata ia akan dibincangkan dengan PAS.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk MN pada 6 Ogos 2020 pula setuju mengutuskan surat rasmi jemputan kepada BERSATU untuk menyertai MN. Ini dibuat pada 13 Ogos 2020 menyebabkan Muhyiddin mengumumkan pada 15 Ogos 2020 hasrat BERSATU untuk menyertai MN. (“Presiden Umno, PAS”, 2020).

Begitupun, pada 18 Ogos 2020 hasrat BERSATU untuk menyertai MN menerima gugatan. Mula-mulanya Mohamad Hasan memaklumkan UMNO menerima maklum

balas negatif ahlinya berkenaan hasrat BERSATU untuk menyertai MN. (“Akar umbi UMNO”, 2020).

Ini diikuti oleh kenyataan Ahmad Zahid bahawa pandangan akar umbi UMNO dan netizen akan didengar sebelum MKT memutuskan kemasukan BERSATU ke dalam MN. (“Bersatu sertai MN”, 2020).

Menyusul keesokan harinya ialah kenyataan Asyraf Wajdi mengenai lima ketidaksetujuan ahli-ahli akar umbi ke atasnya, iaitu:

1. Kedudukan BERSATU yang terdiri daripada pengkhianat perjuangan UMNO.
2. Peranan BERSATU sehingga menyebabkan UMNO dan BN tewas.
3. Kenyataan menghina UMNO yang dibuat oleh pemimpin BERSATU.
4. BERSATU tiada agenda penyatuan ummah dan tidak berhasrat membela rakyat.
5. Hasrat BERSATU dibuat kerana terdesak dan terburu-buru.

(“5 kemarahan akar umbi Umno pada Bersatu”, 2020).

Dalam pada itu, Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah bagi memilih 73 anggota DUN baharu setelah Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan menghangatkan lagi pertikaian antara UMNO dan BERSATU. (“PRN Sabah 26 September ini”, 2020).

BERSATU mahu bertanding atas tiket PN, tetapi Syed Badli Shah Syed Osman dari AMK mendakwa pada 14 September 2020 bahawa PN tidak pernah didaftarkan (“PN didakwa tiada rekod”, 2020).

Ini menyebabkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) menjelaskan bahawa PN sudah didaftarkan. Turut diberikan ialah sijil pendaftaran RoS untuk PN dengan nombor PPM-019-14-07082020 berkuat kuasa pada 7 Ogos 2020. (“Pendaftaran Perikatan Nasional”, 2020).

Untuk menghadapi PRN Sabah ini, Muhyiddin mengumumkan bahawa BN, PN dan PBS akan bergabung dalam satu gabungan bernama Gabungan Rakyat Sabah (GRS), dengan PAS selaku komponen PN menggerakkan jenteranya bagi membantu PN. (“PRN Sabah: Muhyiddin”, 2020).

Walaupun GRS memenangi 38 kerusi, 17 melalui PN, 14 melalui BN dan 7 melalui PBS, pertikaian berlaku apabila UMNO mendakwa wakilnya selaku pemenang terbesar dengan 14 kerusi berbanding 11 kerusi milik BERSATU, iaitu Bung Moktar Radin, sepatutnya dilantik sebagai Ketua Menteri, bukannya Hajiji Mohd Noor (“SPR umum GRS menang 38 kerusi, bentuk kerajaan Sabah”, 2022).

UMNO juga berpendapat ia telah dikhianati oleh PN yang meletakkan calon bebas di enam DUN bagi tujuan memecahkan undi (“Bukan Umno mungkir”, 2022).

Muhyiddin bagaimanapun menafikan dakwaan BERSATU mengkhianati UMNO di dalam PRN Sabah. Hujah beliau, pertembungan antara calon BERSATU dengan UMNO tidak berlaku di mana-mana kerusi. Pertembungan antara calon PN dengan calon hanya membabitkan calon STAR dan calon PBS dengan calon BN. Muhyiddin juga mendakwa

beliau meminta Ahmad Zahid menamakan calon Ketua Menteri Sabah daripada UMNO, tetapi beliau gagal berbuat begitu sehingga kempen PRN Sabah berakhir. Oleh sebab itu, Muhyiddin mencalonkan Hajiji. Hajiji dilantik setelah jumlah kerusi PN iaitu 17 mengatasi jumlah kerusi BN iaitu 14. (“Bila BERSATU khianati UMNO? - Muhyiddin”, 2022).

Disebabkan ketegangan dalam hubungan antara UMNO dan BERSATU ini, pada 13 Oktober 2020, Mesyuarat Biro Politik MKT UMNO memutuskan menarik sokongan kepada PN. UMNO juga mahu mengemukakan syarat baharu yang perlu dimaktubkan secara perjanjian dalam bentuk bertulis untuk dilaksanakan secepat mungkin sebelum kerjasama politik dapat diteruskan (“Umno timbang tarik diri sokong PN”, 2022).

Pada hari yang sama, Anwar menghadap Yang di-Pertuan Agong untuk menunjukkan beliau ada sokongan majoriti Ahli Parlimen untuk menjadi Perdana Menteri. Di tengah-tengah spekulasi bahawa Ahmad Zahid dan Najib menandatangani surat kepada Istana Negara memaklumkan bahawa UMNO menyokong Anwar, Ahmad Maslan dan Ahmad Zahid menegaskan bahawa mereka tetap berpegang dengan keputusan MKT terdahulu, iaitu untuk mengukuhkan BN dan memantapkan MN. Perkara ini bagaimanapun senyap setelah Istana Negara pada hari yang sama menerusi satu kenyataan berkata, dalam pertemuan bersama Yang di-Pertuan Agong, Presiden PKR itu tidak menyerahkan senarai nama Ahli Parlimen sebaliknya hanya menyatakan jumlah sokongan yang diperolehinya. (“Tiada DAP, tiada hubungan”, 2020).

Ketegangan antara UMNO dan BERSATU merebak kepada PAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk MN pada 18 November 2020 bila UMNO menyatakan rasa terguris dengan tindakan PAS menyertai PN setelah pemimpin PAS sendiri berkali-kali menafikan perkara ini. (“Kronologi Berfakta Sanggah Dakwaan”, 2021).

Lebih tegas lagi ialah kandungan ucapan dasar Ahmad Zahid pada Perhimpunan Agung UMNO 2020 bahawa UMNO tidak akan bekerjasama dengan PKR, DAP dan BERSATU pada PRU 15. Ahmad Zahid turut menjelaskan pendirian UMNO menolak pembelot dan pengkhianat ini adalah kerana ia tidak mahu 'makhluak perosak' berkenaan memusnahkan UMNO. (“No BERSATU, No Anwar, No DAP' - Zahid”, 2021).

5.4 Kenekadan UMNO Untuk Membebaskan Diri Dari BERSATU

Lebih serius lagi, UMNO akhirnya sampai ke satu tahap dalam mana ia mahu membebaskan diri dari kongkongan BERSATU. Ini berlaku bila mesyuarat MKT UMNO pada 7 Julai 2021 memutuskan UMNO menarik balik sokongan kepada Muhyiddin berkuat kuasa hari itu juga. Oleh itu, UMNO menuntut Muhyiddin meletakkan jawatan. Alasan diberikan ialah kerana Muhyiddin gagal (“UMNO tarik serta-merta”, 2021).

Setelah Muhyiddin tidak juga meletakkan jawatan, mesyuarat MKT UMNO pada 3 Ogos 2021 pun menarik sokongan kepada Kerajaan PN. Kata Ahmad Zahid, UMNO tidak akan mempertahankan Kerajaan PN yang dilihat gagal di mata rakyat. Penarikan balik sokongan ini juga merupakan penzahiran kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong setelah Muhyiddin tidak akur dengan titah Seri Paduka yang mahukan

supaya semua Ordinan Darurat dibahas serta diumumkan sebelum 1 Ogos (“UMNO tarik sokongan”, 2021).

Ekoran penarikan balik sokongan oleh UMNO ini, maka Muhyiddin pun meletak jawatan pada 16 Ogos 2021 setelah usaha beliau untuk membuat kerjasama bipartisan dengan parti-parti politik pembangkang gagal. Beliau menegaskan beliau tidak akan sesekali bersekongkol dengan kumpulan kleptokrat semata-mata untuk kekal berkuasa (“Muhyiddin letak jawatan Perdana Menteri”, 2021).

Perletakan jawatan Muhyiddin ini diikuti oleh pengumuman Istana Negara pada 20 Ogos 2021 bahawa Yang di-Pertuan Agong percaya Ismail Sabri mempunyai jumlah majoriti yang mencukupi, iaitu 114 Ahli Parlimen, termasuk dari UMNO, PAS dan BERSATU, untuk membentuk kerajaan (“Agong berkenan Ismail Sabri dilantik Perdana Menteri”, 2021).

Hasil daripada penyertaan UMNO dan PAS dalam kerajaan yang dinamakan sebagai Keluarga Malaysia (KM) ini beberapa orang pemimpin mereka telah dilantik sebagai Perdana Menteri, Menteri Kanan, Menteri dan Timbalan Menteri.

Pemimpin UMNO yang telah dilantik ialah:

1. Ismail Sabri Yaakob: Perdana Menteri
2. Hishammuddin Hussein: Menteri Kanan Pertahanan
3. Shahidan Kassim: Menteri Wilayah Persekutuan
4. Dr Noraini Ahmad: Menteri Pengajian Tinggi

5. Khairy Jamaluddin: Menteri Kesihatan
6. Mahdzir Khalid: Menteri Pembangunan Luar Bandar
7. Annuar Musa: Menteri Komunikasi dan Multimedia
8. Reezal Merican Naina Merican: Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
9. Dr Adham Baba: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
10. Noh Omar: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
11. Halimah Mohamed Sadique: Menteri Perpaduan Negara
12. Mohamad Alamin: Timbalan Menteri Pendidikan 2
13. Mohd Shahar Abdullah: Timbalan Menteri Kewangan 2
14. Mastura Yazid: Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)
15. Dr smail Mohamed Said: Timbalan Menteri Dalam Negeri 1
16. Zahidi Zainul Abidin: Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia
17. Ahmad Hamzah: Timbalan Menteri Pertanian 1
18. Jalaluddin Alias: Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan
19. Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
20. Abdul Rahman Mohamad: Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar 1
21. Ismail Abd Mutalib: Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Pemimpin PAS yang telah dilantik pula ialah:

1. Takiyuddin Hassan: Menteri Tenaga dan Sumber Asli

2. Tuan Ibrahim Tuan Man: Menteri Alam Sekitar dan Air
3. Idris Ahmad: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
4. Ahmad Marzuk Shaary: Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
5. Zailah Mohd Yusoff: Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat
6. Nik Muhammad Zawawi Salleh: Timbalan Menteri Pertanian 2
7. Ahmad Amzad Hashim: Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
8. Awang Hashim: Timbalan Menteri Sumber Manusia

Walaupun bersama dalam satu kerajaan, hubungan antara UMNO dan PAS bagaimanapun semakin merenggang setelah berlangsungnya PRN Melaka setelah DUN Melaka dibubarkan berpunca daripada tindakan empat bekas ADUN menarik sokongan ke atas Sulaiman Md Ali (“PRN Melaka: Penamaan 8 Nov”, 2021).

Bagi menghadapi PRN Melaka ini, Mesyuarat Khas MKT UMNO pada 28 Oktober 2021 mulanya bersetuju untuk meneruskan persefahaman dengan PAS selaras dengan ketetapan Perhimpunan Agung UMNO 2020 untuk memperkukuhkan MN. Kata Ahmad Maslan, asas persefahaman UMNO-PAS ialah bahawa calon-calon PAS dikehendaki bertanding dengan menggunakan lambang parti mereka sendiri bersesuaian dengan keputusan Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Induk MN pada 19 Oktober dan 18 November 2020. (“UMNO kerjasama dengan PAS di Melaka”, 2021)

Begitupun, asas persefahaman UMNO-PAS ini tidak menjadi kenyataan bila calon-calon PAS dikehendaki bertanding dengan menggunakan lambang PN oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 1 November 2021 yang mengambil kira panduan Majlis Syura Ulama' PAS pada 31 Oktober 2021. Mursyidul Am PAS, Hashim Jasin, bagaimanapun berkata pada 3 November 2021 bahawa keputusan PAS ini tidak bermakna parti itu membelakangkan UMNO dalam kerjasama politik. Beliau juga berharap agar keputusan PAS untuk tidak bertanding di kerusi DUN milik UMNO akan dapat membangkitkan kesedaran dalam kalangan kepimpinan UMNO mengenai hala tuju politik PAS. (“PRN Melaka: PAS bersama PN”, 2021)

Walaupun begitu, UMNO dan PAS pada akhirnya tetap bertembung di tujuh kerusi DUN dalam PRN Melaka ini. Pertembungan rakan sekutu MN itu menyebabkan seorang Ahli Dewan Ulama PAS Pusat, Mokhtar Senik, melepaskan geram beliau kepada UMNO melalui satu hantaran Facebook beliau. Dalam hantaran itu, Mokhtar menyatakan beliau berdoa agar UMNO kalah di Melaka untuk belajar politik jujur dan bersih (“PAS perlu hormati ketetapan UMNO - Zahid”, 2021)

Sehubungan itu, Ahmad Zahid sekali lagi menegaskan pada 3 November 2021 bahawa asas persefahaman dengan PAS adalah calon-calon PAS akan menggunakan lambang parti mereka sendiri tetapi pimpinan PAS tidak berminat memenuhi persetujuan MN itu kerana mereka mahu berganding bahu dengan BERSATU walaupun ini memberi erti bahawa PAS terpaksa bertanding menggunakan logo PN seperti persetujuannya dengan BERSATU. Lebih tegas lagi, Abdul Hadi berkata dalam satu sidang media bahawa PAS

akan mengundi calon PN dalam PRN Melaka sekiranya berlaku pertembungan kerusi antara PN dan BN. (“PRN Melaka: Pas pilih PN”, 2021)

Pada akhirnya, BN meletakkan calon di semua 28 kerusi: UMNO 20, MCA 7 dan MIC 1. Begitu juga dengan PN yang turut meletakkan calon di semua 28 kerusi: BERSATU 15, PAS 8 dan GERAKAN 5. Hasilnya BN menang 21 daripada 28 kerusi. PH pula sekadar memenangi lima kerusi, empat melalui DAP dan satu melalui AMANAH, manakala PN hanya menang di dua kerusi, iaitu Sungai Udang dan Bemban, kedua-duanya melalui BERSATU. (“PRN Melaka: BN menang 21 kerusi”, 2021)

Kemenangan dengan majoriti dua per tiga ini telah menaikkan semangat pemimpin-pemimpin UMNO hingga waktu ADUN Kempas dari BERSATU, Osman Sopian, meninggal dunia. Ia menyebabkan Kerajaan Johor yang diketuai oleh Hasni Mohammad menasihatkan Sultan Johor supaya membubarkan DUN bagi memberi laluan kepada PRN atas alasan majoriti tipis kerajaan, iaitu 28-27 kerusi. Ini menyebabkan PRN terpaksa dilangsungkan pada 12 Mac 2022 (“PRN Johor 12 Mac 2022”, 2021)

Dalam PRN ini, Hasni seawal 18 Disember 2021 lagi mengumumkan bahawa UMNO Johor mahu bergerak solo dalam PRU 15 kerana sangsi dengan kejujuran PAS terhadap UMNO. Ini kerana PAS, melalui Tuan Ibrahim, didakwa menolak tawaran empat kerusi DUN Johor kepadanya kerana lebih tertarik dengan tawaran 15 kerusi DUN oleh BERSATU. (“UMNO Johor putuskan bergerak solo”, 2021)

Tuan Ibrahim, ketika menjawabnya pada 25 Januari 2022, menyatakan bahawa PAS mahu meletakkan calon mereka di kerusi yang BN kecundang di Johor pada PRU 14 lalu tetapi mereka hanya diberi empat kerusi dan tawaran empat daripada 56 kerusi ini bukan penyelesaian yang baik. (“Tuan Ibrahim: Tawar 4 kerusi”, 2022)

Setiausaha UMNO Johor, Samsolbari Jamali, bagaimanapun menyatakan pada 27 Januari 2022 bahawa tawaran kerusi untuk ditandingi PAS pada PRN Johor tidak pernah dibuat, kerana tawaran empat kerusi itu adalah cerita lama. Beliau juga menafikan ada sebarang rundingan UMNO bersama PAS dilakukan, sambil menambah bahawa tindakan UMNO dan BN bergerak solo pada PRN Johor adalah selaras dengan kehendak akar umbinya. (“UMNO Johor nafi tawar 4 kerusi”, 2022)

PAS akhirnya sekali lagi menyertai PRN Johor atas tiket PN setelah diberi ruang bertanding di 15 kerusi berbanding 33 kerusi BERSATU dan lapan kerusi GERAKAN. Atas tiket BN pula UMNO bertanding di 37 kerusi berbanding MCA 15 dan MIC 4. BN sekali lagi memenangi kejayaan majoriti dua per tiga setelah menawan 40 daripada 56 kerusi berbanding 12 kerusi PH (10 melalui DAP, 1 melalui PKR dan 1 melalui AMANAH), 3 kerusi PN (2 melalui BERSATU dan 1 melalui PAS) dan satu kerusi MUDA. (“PRN Johor: BN raih kejayaan dua pertiga”, 2022)

Satu perkara yang menarik berlaku menjelang PRN Johor ini bila Muhyiddin, ketika berucap di Felda Tenggaroh 3, Mersing, pada 16 Februari 2022 mendakwa beberapa hari setelah beliau menjadi Perdana Menteri, Ahmad Zahid datang ke rumah beliau. Ahmad Zahid dikatakan membawa fail bertimbun-timbun (dokumen) yang berkaitan dengan kes

mahkamahannya dan meminta Muhyiddin campur tangan untuk membebaskan beliau. Muhyiddin menegaskan beliau tidak boleh campur tangan walaupun beliau Perdana Menteri. Perkara yang sama didakwa turut dilakukan oleh Najib yang dikatakan turut datang mengunjungi Tan Sri Muhyiddin selepas itu. (“Muhyiddin dedah Zahid bawa timbunan fail”, 2022)

Ekoran dakwaan ini, Ahmad Zahid telah menghantar surat tuntutan kepada Muhyiddin pada 23 Februari 2022 meminta Muhyiddin menarik balik kenyataan yang dikatakan memfitnah beliau. Setelah surat tuntutan ini tidak dihiraukan, Ahmad Zahid telah memfailkan saman ke atas Muhyiddin pada 14 April 2022 kerana kenyataan Muhyiddin dikatakan membayangkan beliau tidak layak menjadi Presiden UMNO dan Pengerusi BN. Beliau mendakwa kenyataan Muhyiddin itu membawa makna beliau menggunakan jalan pintas untuk menyelesaikan kes jenayahnya bagi kepentingan peribadi. (“PRN Johor: Zahid Hamidi tuntutan Tun M, Muhyiddin mohon maaf”, 2022)

Setelah mencapai kemenangan besar dalam PRN Johor ini, UMNO tidak lagi menoleh ke belakang. Selain seruan-seruan supaya Parlimen segera dibubarkan bagi membolehkan PRU 15 dilangsungkan secepat mungkin, turut menjadi seruan pemimpin-pemimpin UMNO ialah kenyataan bahawa mereka tidak akan berbalik kepada PAS lagi. Ahmad Zahid umpamanya berkata pada 7 Mei 2022 bahawa kerjasama UMNO dan PAS melalui MN perlu dilupakan pada PRU 15 kerana UMNO telah beberapa kali memberi ruang secukupnya kepada PAS untuk mempersetujui beberapa perkara yang terkandung di dalam Piagam MN namun tidak diendahkan oleh PAS. (“Muafakat Nasional: UMNO perlu lupakan”, 2022)

Mohamad Hasan pula dipetik sebagai berkata pada 11 Mei 2022 bahawa perbincangan mengenai status MN kini sudah sampai 'surah terakhir' cuma menunggu majlis khatamnya sahaja. (“MN sudah sampai 'surah terakhir' - Tok Mat”, 2022)

Mohamad Hasan pada 21 Ogos 2022 mengulangi kenyataan bahawa UMNO tidak pernah meninggalkan PAS dalam MN. Sebaliknya ujar beliau, PAS yang cenderung untuk bersama gabungan lain seperti yang dilakukan pada PRN Melaka dan PRN Johor. (“Siapa yang khianati siapa?”, 2022)

Ahmad Zahid juga berkata pada 2 September 2022 bahawa UMNO kini akan bergerak secara solo kerana PAS merosakkan MN dengan mandi dalam beberapa kolam. (“PAS sendiri sentiasa main selamat”, 2022)

Di pihak PAS pula, Tuan Ibrahim menegaskan pada 1 September 2022 bahawa PAS sudah muktamad bekerjasama dengan BERSATU dalam gagasan PN untuk menghadapi PRU 15. Kata beliau, PAS tidak boleh mengetepikan BERSATU selepas pengorbanan yang dibuat oleh pemimpin parti itu yang keluar daripada PH hingga menyebabkan tertubuhnya kerajaan baharu. (“Pas tidak akan tinggalkan Bersatu – Tuan Ibrahim”, 2022)

Abdul Hadi pula, dalam satu sidang media pada 4 September 2022, menyatakan "(Untuk kerjasama ini) kita masih berpegang kepada perkara asal antara PAS dan UMNO semasa kita menubuhkan MN, (ketika itu) kita bersetuju bukan sahaja UMNO dan PAS, termasuk

BERSATU dan mana-mana NGO yang nak ikut serta, kita terima, (dan setakat ini) PAS masih berpegang kepada itu.” (“PRU15: Pintu rundingan Pas-UMNO”, 2022)

Walaupun Muktamar Tahunan PAS ke-68 meluluskan usul yang mahukan diteruskan kerjasama dengan UMNO melalui platform MN pada PRU 15, hubungan antara PAS dan UMNO dalam MN kelihatan tidak dapat diselamatkan lagi selepas itu. (“Muktamar Pas lulus usul penyatuan Melayu-Islam”, 2022)

Ini khususnya selepas Muhyiddin mengingatkan parti komponen dalam PN pada 24 September 2022 supaya tidak mengeluarkan kenyataan atau pendirian bertentangan. Kata beliau, PN sudah sepakat bahawa musuh utamanya ialah BN. (“BN musuh utama kita...” - Muhyiddin”, 2022) Ini walaupun PAS sebelum ini menjelaskan musuh utamanya dalam PRU 15 adalah PH, bukannya BN.

Susulan daripadanya, Ahmad Zahid, mendedahkan pada 2 Oktober 2022 bahawa beliau telah mengemukakan tiga syarat jika PAS ingin kembali bekerjasama melalui MN bagi menghadapi PRU 15. Ini beliau lakukan semasa beliau bertemu Abdul Hadi. Tiga syarat itu adalah PAS perlu keluar daripada PN, PAS perlu memutuskan hubungan politik dengan BERSATU dan PAS perlu mengumumkan secara rasmi bahawa mereka berpisah sepenuhnya dengan PN dan BERSATU. Kata beliau, “selagi PAS tidak memenuhi tiga tuntutan itu, kerjasama politik menerusi gabungan MN tidak akan berlaku”. (“Zahid dedah isi pertemuan dengan Hadi”, 2022)

Kenyataan ini dijawab oleh Takiyuddin keesokan harinya dengan menyebut PAS mengambil sikap mengkaji secara mendalam keterbukaan UMNO dalam hal ini dan akan membuat keputusan muktamad mengenai tiga syarat ini sebelum hujung minggu tersebut. Ini beliau katakan akan dibuat dengan mengambil kira aspek masalah serta mudarat (risiko). Kata beliau, PAS mengulangi komitmen untuk bersama dalam segala usaha ke arah mencapai hasrat penyatuan ummah. Kata beliau lagi, PAS tetap mengharapkan suatu jalinan penyatuan ummah yang sejati dapat direalisasikan antara parti-parti utama Melayu Islam di negara ini. (“Pas pertimbang syarat UMNO”, 2022)

Dalam suasana pertembungan antara UMNO dan PAS inilah maka Ismail Sabri membuat pengumuman khas pada jam 3 petang 10 Oktober 2022 bahawa beliau telah menghadap dan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya membubarkan Parlimen pada tengah hari sebelumnya. Ekoran itu, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan permintaan supaya Parlimen dibubarkan pada hari itu bagi membolehkan PRU 15 dilangsungkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). (“Parlimen bubar hari ini”, 2022)

Ismail Sabri mencadangkan semua negeri kecuali Sabah, Sarawak, Melaka dan Johor supaya turut membubarkan DUN masing-masing pada tarikh yang sama bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengannya. Selain itu, ia juga akan melancarkan lagi proses demokrasi serta menjimatkan kos. Walaupun begitu, pada akhirnya hanya Perlis, Perak dan Pahang yang dikuasai oleh BN sahaja yang membubarkan DUN mereka manakala tiga negeri yang dikuasai oleh PH, iaitu Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Selangor, serta tiga negeri yang dikuasai oleh PAS, iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu, enggan berbuat demikian.

Selepas pembubaran Parlimen ini, pada 12 Oktober 2022, pertemuan antara Presiden dan Timbalan Presiden UMNO dan PAS telah dilangsungkan bagi menyelamatkan MN. Pertemuan ini berlaku selepas pimpinan tertinggi UMNO didatangi oleh rakan dalam PAS yang membawa mesej bahawa Dewan Ulamak, Majlis Syura dan Muktamar Tahunan PAS mahukan hubungan PAS dan UMNO dipulihkan kembali. Begitupun, pertemuan ini tidak berakhir dengan positif kerana BERSATU menjanjikan 47 kerusi boleh menang kepada PAS. (“Ikhtiar Terakhir UMNO”, 2022)

Menyusuli pertemuan ini, pada 13 Oktober 2022, Abdul Hadi mengumumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang diadakan pada hari itu, iaitu ia akan memperkukuhkan kerjasama dalam PN bagi menghadapi PRU 15. PAS juga telah memuktamadkan senarai kerusi yang akan ditandingi di peringkat negeri dengan PN. Keputusan ini sekali gus ditafsirkan sebagai menandakan bahawa MN kini boleh dianggap berkubur apabila ia bercanggah dengan tiga tuntutan UMNO kepadanya sebelum ini. (“Muafakat Nasional berkubur”, 2022)

Pada 20 Oktober 2022 pula, SPR mengumumkan bahawa pengundian bagi PRU 15 bagi mengisi kekosongan 222 kerusi Parlimen, serta 42 kerusi DUN Pahang, 15 kerusi DUN Perlis dan 59 kerusi DUN Perak, ditetapkan pada 19 November. Turut diumumkan ialah tempoh berkempen selama 14 hari yang bermula dari 5 November dan berakhir pada jam 11.59 malam, 18 November. (“Sabtu, 19 November hari mengundi”, 2022)

Ekoran itu, PAS menyertai PRU 15 melalui tiket PN, bertanding di 64 kerusi berbanding 74 kerusi yang ditandingi oleh BERSATU, GERAKAN (20) dan BERSEKUTU (11). Manakala UMNO dan BN pula bertanding secara solo di semua kerusi melainkan di Sarawak yang tidak ditandingi kerana diserahkan kepada Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan di Sabah yang ditandingi secara bersesama melalui Gerakan Rakyat Sabah (GRS). (“PRU15: PAS usaha menangi 40 kerusi parlimen”, 2022)

Pada akhirnya, PAS menang di 43 kerusi. BERSATU pula menang di 31 kerusi, 25 melalui tiketnya sendiri manakala 6 lagi melalui tiket PAS di Kelantan dan Terengganu.

UMNO pula menang di 26 kerusi, MCA menang di 2 kerusi, MIC menang di 1 kerusi dan PBRS menang di 1 kerusi.

Walaupun UMNO dan BN menang kerusi kurang daripada kerusi yang dimenangi oleh PAS dan PN tetapi UMNO dan BN akhirnya membentuk kerajaan setelah ia bergabung dengan PH, GPS, GRS, WARISAN dan MUDA. (“Umno sertai Kerajaan Perpaduan”, 2022)

Di pihak PAS, sebelum PRU 15 berlangsung, perhitungan kerusi masih perkara yang utama. Di pihak UMNO, selepas PRU 15 berlangsung, perhitungan kuasa juga masih perkara yang utama. UMNO tidak dapat bersama dengan PN membentuk kerajaan kerana sejak mula lagi PN dilihat tidak ikhlas kerana berhasrat sekali lagi mencuri 10 Ahli Parlimen BN berbanding PH yang lebih jujur mengajak berunding secara berdepan.

Selain itu, UMNO juga berpandangan bahawa jika ia bersama dengan BERSATU dan PAS ia akan menghadapi masalah dari segi jangka panjang kerana ketiga-tiga parti ini berebut undi yang sama, iaitu pengundi Melayu Islam. (“Lima alasan UMNO sertai Kerajaan Perpaduan”, 2022)

5.5 Rumusan

Berdasarkan kepada perbincangan dalam Bab Empat ini dapatlah dirumuskan bahawa keruntuhan di dalam kerjasama UMNO dan PAS pra PRU 15 ini berlaku kerana MN masih baru dibentuk tatkala PH berjaya ditumbangkan dari tampuk kuasa. Kemunculan BERSATU sebagai orang ketiga dalam hubungan antara UMNO dan PAS, dengan tarikan kuasa yang dimilikinya sebagai ketua kerajaan, menyebabkan PAS mengutamakan BERSATU dengan mula meminggirkan UMNO walaupun secara terbukanya masih mahu “bermain dalam dua kolam”. Masalah antara UMNO dengan BERSATU menyebabkan ia membebaskan diri dari BERSATU dengan bergerak secara solo setelah kejayaannya dalam PRN Melaka dan PRN Johor, apa lagi bila PAS sendiri lebih tertarik dengan bilangan kerusi besar yang ditawarkan oleh PN kepadanya berbanding bilangan kerusi lebih kecil jika ia bersama dengan BN.

BAB 6

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai segala dapatan yang telah diperolehi di dalam bab-bab sebelumnya sehubungan dengan tajuk kajian ini, iaitu kegagalan kerjasama UMNO dan PAS.

Tesis ini menunjukkan bahawa kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14 telah mudah terbentuk disebabkan keakraban yang telah terjalin antara kedua-dua buah parti pra PRU 14. Keakraban ini pula terhasil ekoran permasalahan yang wujud dalam hubungan antara PAS dan parti-parti politik pembangkang lain dalam PR, iaitu PKR dan DAP, sokongan UMNO ke atas usaha PAS melaksanakan undang-undang Islam yang menjadi teras kepada perjuangannya serta seterusnya kewujudan PH, yang dianggotai oleh PKR, DAP dan AMANAH, sebagai musuh bersama UMNO dan PAS.

Tesis ini juga membuktikan bahawa kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14 telah terbina di atas asas yang amat kuat, iaitu kesedaran bahawa kerjasama UMNO dan PAS akan membawa kemenangan setelah kekalahan UMNO dan PAS dalam PRU 14, persamaan ideologi politik antara UMNO dan PAS selaku faktor identiti etnik dan agama serta dominasi bukan Melayu Muslim dalam Kerajaan PH yang menyebabkan ia gagal menjaga kepentingan Melayu Muslim.

Tesis ini juga menunjukkan bagaimana munculnya faktor di luar kawalan yang menyumbang kepada keretakan di dalam kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14, iaitu kejatuhan Kerajaan PH dari kuasa yang menghilangkan *raison detre* kerjasama antara kedua-dua buah parti ini. Keruntuhan kerjasama seterusnya berlaku akibat pendirian “bermain dalam dua kolam” PAS yang diakibatkan oleh kemunculan BERSATU sebagai pengacau kepada kerjasama ini. Keyakinan UMNO atas prestasi baiknya dalam PRN Melaka dan PRN Johor pula menekadkan UMNO untuk membebaskan diri dari BERSATU, tatkala PAS terus setia dengan BERSATU, yang sekali gus membawa kepada keruntuhan kerjasama ini.

6.2 Perbincangan

Tesis ini bermula dengan penegasan dalam bab satu bahawa kekalahan BN dalam PRU 14 mendorong parti itu memutuskan hala tuju barunya khususnya setelah banyak parti komponen BN keluar dari BN pasca PRU 14 manakala ramai Ahli Parlimen UMNO pula keluar dari UMNO untuk menyertai parti komponen PH yang menjadi pemerintah. Satu hala tuju baru penting UMNO ialah membentuk kerjasama bersama-sama PAS.

Kerjasama UMNO dan PAS diikuti dengan rapat oleh banyak pihak kerana jika kedua-dua buah parti ini bekerjasama maka impaknya kepada politik Malaysia diyakini akan menjadi amat besar. Dengan kekuatan akar umbi dan bilangan ahli yang besar maka tentunya gabungan UMNO dan PAS akan menjadi satu kekuatan besar yang tidak mampu untuk ditandingi oleh mana-mana parti lain manakala dasar-dasar Malaysia juga boleh berubah sekiranya kedua-dua buah parti ini bekerjasama dalam membentuk kerajaan.

Kerjasama UMNO dan PAS dilihat akan mampu mengembalikan kuasa politik Melayu menjadikan wujudnya gerakan terancang yang bersusun untuk merealisasikan kerjasama ini yang dikenali sebagai MN.

Melalui perbincangan dalam bab tiga pula, kita dapat melihat mengenai bagaimana keakraban yang telah terjalin antara UMNO dan PAS pra PRU 14 telah menyebabkan kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14 telah mudah terbentuk. Keakraban ini terjalin setelah PAS menghadapi masalah besar dengan rakan-rakannya di dalam PR, iaitu PKR dan DAP, ekoran dominasi DAP di dalamnya pasca PRU 13.

Tindakan DAP dan PKR mahu memaksakan kehendak mereka ke atas DAP dalam isu perlaksanaan hudud di Kelantan dan dalam isu penggantian jawatan Abdul Khalid sebagai Menteri Besar Selangor telah menyebabkan terputusnya kerjasama antara PAS mulanya dengan DAP dan kemudiannya dengan PKR. Kedudukan solo PAS ini memudahkan PAS menjadi lebih akrab dengan UMNO.

Hubungan baik antara UMNO dan PAS seterusnya terjalin setelah UMNO dilihat menyokong usaha PAS melaksanakan hudud yang menjadi teras kepada perjuangannya dengan memberi ruang kepada PAS untuk mengemukakan RUU Persendirian bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 di Parlimen selain dengan berjanji bahawa RUU ini kemudiannya akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Penubuhan satu pakatan pembangkang baru bernama PH membabitkan PKR, DAP dan AMANAH pula mengeratkan lagi hubungan baik antara UMNO dan PAS di atas asas bahawa PH adalah musuh bersama UMNO dan PAS. Ini kerana kedua-dua UMNO dan PAS berpandangan bahawa PH adalah dipimpin atau didominasi oleh DAP yang anti-Islam serta anti-Melayu dan Bumiputera.

Perbincangan dalam bab empat pula adalah berkisar di sebalik keperluan kerjasama UMNO dan PAS pasca PRU 14 yang ditunjukkan sebagai begitu kuat sekali. Faktor utamanya adalah kesedaran bahawa UMNO sepatutnya masih boleh menang dalam PRU 14 sekiranya ia melakukan kerjasama rasmi dengan PAS melalui pertandingan dua penjuruan antara BN-PAS dan PH dan sekiranya ia tidak mengharapkan kepada kerjasama tidak rasmi PAS memecahkan undi dalam pertandingan tiga penjuruan antara BN, PAS dan PH.

Selepas PRU 14 berakhir, barulah timbul kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO bahawa jika BN dan PAS bergabung dalam PRU 14 ini mereka akan memenangi majoriti mudah iaitu 126 daripada 222 kerusi berbanding 97 kerusi melalui BN (79 kerusi) dan PAS (18 kerusi) sebelum ini. Kesedaran ini makin menguat bila dalam beberapa PRK yang dilangsungkan selepas itu dalam mana BN dan PAS menyertainya secara bekerjasama untuk membantu hanya seorang calon pilihan mereka sahaja terbukti memenangkan calon-calon mereka dengan majoriti yang besar.

Persamaan ideologi politik yang bersifat konservatif, Islamis, dan nasionalis antara UMNO dan PAS selaku faktor identiti etnik dan agama. Secara umumnya, kedua-dua parti

ini mengakui bahawa Islam adalah landasan ideologi utama mereka, dan mereka berhasrat untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam di Malaysia. PAS dan UMNO juga memperjuangkan pengarusperdanaan hak-hak Melayu dalam perlembagaan dan undang-undang sebagai sebahagian dari upaya untuk memperkuat identiti nasional dan menjaga kepentingan bangsa Melayu. Kesemua ini memudahkan kerjasama antara mereka.

Satu lagi faktor utama yang menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS bersetuju mengenai perlunya kerjasama UMNO dan PAS diwujudkan pasca PRU 14 adalah kerana persepsi umum di kalangan orang-orang Melayu Muslim bahawa Kerajaan PH yang dibentuk gagal menjaga kepentingan Melayu Muslim. Ini kerana komposisi Ahli-Ahli Parlimen PH itu sendiri yang didominasi oleh orang-orang bukan Melayu bukan Muslim serta komposisi Kabinet yang dilihat memberi ruang luas kepada Ahli-Ahli Parlimen bukan Melayu bukan Muslim untuk menduduki kementerian penting.

Tindakan-tindakan Kerajaan PH yang dilihat menggugat kepentingan Melayu Muslim seperti mahu mengesahkan ICERD serta membawa Malaysia memeterai Statut Rome yang dikatakan akan menjejaskan imuniti Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu tanpa merujukkannya kepada Majlis Raja-Raja Melayu begitu mudah sekali menggabungkan UMNO dan PAS dalam satu saf untuk menentanginya.

Perbincangan dalam bab lima pula menyelusuri bagaimana kerjasama UMNO dan PAS yang berjalan lancar sewaktu kedua-dua mereka bergelar pembangkang selama 22 bulan pasca PRU 14 mula mengalami masalah setelah tumbanganya Kerajaan PH dari kuasa. Kejatuhan Kerajaan PH ini menyebabkan salah satu *raison detre* kerjasama antara kedua-

dua buah parti ini tidak lagi wujud kerana setelah membentuk dan menjadi sebahagian daripada kerajaan yang menggantikan Kerajaan PH pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS tidak lagi mempunyai Kerajaan PH yang boleh dianggap sebagai musuh penyatu mereka kerana kegagalannya menjaga kepentingan Melayu Muslim. PH masih lagi musuh bersama UMNO dan PAS tetapi setelah berada di luar kerajaan sebagai pembangkang ancaman mereka sudah tidak lagi kuat kerana mereka sudah tidak ada kuasa.

Keruntuhan kerjasama seterusnya berlaku akibat pendirian “bermain dalam dua kolam” PAS yang diakibatkan oleh kemunculan BERSATU di dalam hubungan UMNO dan PAS tatkala hubungan antara kedua-dua parti itu sendiri masih belum kukuh. Kedudukan BERSATU yang dilihat lebih dominan antara ketiga-tiga parti ini melalui kedudukan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri, tatkala MN itu sendiri belum sempat diinstitusikan dengan baik, menyebabkan PAS lebih tertarik untuk berdamping rapat dengan BERSATU sebagai punca kuasa berbanding dengan UMNO sehingga ke tahap PAS bersekongkol dengan BERSATU untuk mendaftarkan secara senyap-senyap PN sebagai satu gabungan politik baharu tanpa memaklumkan kepada UMNO.

Setelah PN selamat didaftarkan sebagai satu gabungan politik baharu tanpa penyertaan UMNO, kerjasama UMNO dan PAS menjadi lebih merudum. Tawaran-tawaran UMNO kepada PAS untuk bekerjasama dengannya dalam PRN Melaka dan PRN Johor ditolak oleh PAS lantaran tawaran kerusi yang jauh lebih baik oleh BERSATU. Keyakinan UMNO atas prestasi baiknya dalam PRN Melaka dan PRN Johor pula menekadkan UMNO untuk membebaskan diri dari BERSATU, tatkala PAS terus setia dengan

BERSATU, termasuk dengan menolak tawaran terakhir UMNO untuk bekerjasama dengannya dalam PRU 5, yang sekali gus membawa kepada keruntuhan kerjasama ini.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini maka nyatalah bahawa kerjasama politik sebelum pilihan raya antara UMNO dan PAS yang menjadi topik kajian ini adalah memenuhi kehendak teori permainan kerjasama (cooperative game theory).

Sepertimana dinyatakan dalam bab dua, kerjasama mengikut teori permainan kerjasama ini berpaksikan kepada kesanggupan pihak-pihak yang terlibat yang dipacu oleh manfaat yang akan mereka perolehi dari pakatan, dan pakatan akan berkekalan selagi mana semua ahli komited kepadanya.

Ahli-ahli pakatan juga membuat perkiraan rasional (rational calculation) mengenai untung rugi menyertai atau meneruskan sesuatu kerjasama. Secara khususnya, teori permainan kerjasama menekankan bahawa 'parti dimotivasikan secara eksklusif oleh matlamat mencapai ganjaran yang dikaitkan dengan jawatan, yang antara lainnya bermakna mengawal kementerian yang penting'.

Selepas PRU 14 berakhir, pemimpin-pemimpin UMNO mula sedar bahawa jika BN dan PAS bergabung dalam PRU 14 ini mereka akan memenangi majoriti mudah iaitu 126 daripada 222 kerusi berbanding 97 kerusi melalui BN (79 kerusi) dan PAS (18 kerusi) sebelum ini. Kesedaran ini makin menguat bila dalam beberapa PRK yang dilangsungkan selepas itu dalam mana BN dan PAS menyertainya secara bekerjasama untuk membantu

hanya seorang calon pilihan mereka sahaja terbukti memenangkan calon-calon mereka dengan majoriti yang besar.

Pada waktu ini, pemimpin-pemimpin UMNO komited kepada kerjasama kerana manfaat besar yang akan mereka perolehi dari pakatan. Perkiraan rasional yang mereka buat mengenai untung rugi menyertai atau meneruskan kerjasama dengan PAS juga menunjukkan bahawa mereka mendapat keuntungan daripadanya.

Menjelang PRU 15 pula, khususnya setelah tumbangny Kerajaan PH dari kuasa, perkiraan rasional pemimpin-pemimpin UMNO menunjukkan bahawa penerusan kerjasama dengan PAS tidak akan memberi banyak keuntungan malah akan memberi kerugian kepada mereka kerana kemunculan BERSATU yang lebih dominan kepada PAS di dalam hubungan UMNO dan PAS, apa lagi bila UMNO menunjukkan prestasi baik dalam PRN Melaka dan PRN Johor tanpa PAS.

Teori permainan kerjasama menekankan bahawa 'parti dimotivasikan secara eksklusif oleh matlamat mencapai ganjaran yang dikaitkan dengan jawatan, yang antara lainnya bermakna mengawal kementerian yang penting'. Jika kekal bekerjasama dengan PAS, yang disertai oleh BERSATU, peluang untuk UMNO 'mengawal kementerian yang penting' akan musnah di tangan BERSATU.

Oleh itu, keputusan kerjasama antara UMNO dan PAS menjelang PRU 15 adalah perkiraan rasional berdasarkan teori permainan kerjasama.

6.3 Rumusan

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan dalam kajian ini, tesis ini merumuskan bahawa kegagalan kerjasama UMNO dan PAS adalah berpunca daripada dua faktor, iaitu faktor di luar kawalan UMNO dan faktor di dalam kawalan UMNO.

Faktor di luar kawalan UMNO adalah peristiwa di luar jangkaan yang berlaku secara mengejut dan tanpa disangka-sangka iaitu, pertamanya ialah tumbangnya Kerajaan PH dari kuasa tatkala kerjasama UMNO dan PAS sedang berjalan dengan baik. Sekiranya Kerajaan PH tidak tumbang maka adalah diyakini bahawa kerjasama UMNO dan PAS tidak akan mengalami sebarang gangguan sekali gus akan membolehkan kedua-dua buah parti mencapai kejayaan cemerlang dalam PRU 15. Begitupun, kerjasama UMNO dan PAS mula mengalami masalah setelah ketiadaan Kerajaan PH sebagai faktor penyatu ampuh kedua-dua buah parti dengan tindakan-tindakannya yang bertentangan dengan kepentingan Melayu Muslim menjadi pemudah kepada kerjasama.

Satu lagi peristiwa di luar jangkaan yang berlaku secara mengejut dan tanpa disangka-sangka adalah kehadiran pandemik COVID-19 pada permulaan pembentukan Kerajaan PN di awal tahun 2020. Ekoran pandemik COVID-19 ini usaha memperkukuhkan MN sebagai sebuah institusi tidak sempat dijayakan dengan baik kerana mesyuarat-mesyuarat tidak dapat dilaksanakan ekoran kekangan pergerakan yang berpunca daripada pandemik COVID-19 menyebabkan operasi Jawatankuasa Induk Perunding MN serta pembentukan Jawatankuasa MN peringkat negeri-negeri dan bahagian-bahagian seluruh negara umpamanya berlangsung terlalu lewat. Jika penginstitusian MN dapat dilakukan lebih awal sudah pasti kerjasama UMNO dan PAS akan sukar digugat oleh pihak lain.

Begitupun, usaha memperkukuhkan MN sebagai sebuah institusi tidak sempat dijayakan dengan baik kerana faktor dekatnya tarikh pembentukan Kerajaan PN pada 1 Mac 2020 dengan tarikh penandatanganan Piagam MN pada 14 September 2019 serta faktor kehadiran pandemik COVID-19 pada awal tahun 2020. Keterabaihan usaha pengukuhan MN oleh faktor kehadiran pandemik COVID-19 serta oleh faktor kesibukan para pemimpin UMNO dan PAS dengan urusan-urusan kerajaan memudahkan kerjasama UMNO dan PAS mengalami gugatan dari pihak lain.

Satu lagi faktor di luar kawalan UMNO adalah keagresifan para pemimpin BERSATU untuk mengekal dan mengukuhkan kuasa mereka setelah mereka berjaya menobatkan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri. Dengan kuasa besar di dalam kerajaan, BERSATU mempunyai kelebihan untuk menarik PAS lebih dekat kepadanya berbanding dengan UMNO yang secara relatifnya lebih lemah kedudukannya di dalam Kerajaan PN. Ini ditambah pula oleh ketertarikan PAS dengan kuasa sehingga menyebabkan ia sanggup menyetepikan UMNO dengan memasuki gabungan PN bersama-sama BERSATU.

Surat jemputan mengalu-alukan BERSATU untuk menyertai MN sudah tidak membawa apa-apa erti lagi walaupun sekiranya BERSATU benar-benar menyertai MN kerana MN hanyalah satu kerjasama longgar yang tidak berdaftar berbanding PN yang berdaftar. Tindakan BERSATU mengacau BN PRN Sabah serta ketidakcermatan BN dalam menguruskan lantikan Ketua Menteri Sabah selepas berlangsungnya PRN Sabah secara tidak cermat sehingga menyebabkan Hajiji terlantik dan bukannya Pengerusi BN Sabah, Bung Moktar, yang memburukkan keadaan, juga adalah berada di luar kawalan UMNO.

Walau apa pun, faktor di luar kawalan UMNO yang terbesar yang menjadi punca utama kepada keruntuhan kerjasama UMNO dan PAS ialah pendirian “bermain dalam dua kolam” PAS yang mahu bersama dengan kedua-dua UMNO dan BERSATU sedangkan UMNO dan BERSATU mempunyai perbezaan besar yang tidak boleh didamaikan. Sekiranya PAS tidak terpengaruh dan lebih bertegas dengan BERSATU, termasuk dengan tidak mengetepikan UMNO dengan memasuki gabungan PN bersama-sama BERSATU tetapi sebaliknya hanya bekerjasama secara longgar dengan BERSATU, ada kemungkinan kerjasama UMNO dan PAS masih dapat diselamatkan.

Di dalam erti kata lain, ketamakan PAS dalam merebut kuasa adalah faktor utama yang membawa kepada keruntuhan kerjasama UMNO dan PAS. Jika PAS bertanding di atas logonya sendiri serta sanggup menerima tawaran kerusi dari UMNO dalam PRN Melaka dan dalam PRN Johor, malah dalam PRU 15, maka kerjasama UMNO dan PAS masih boleh berlaku. Walau bagaimanapun, disebabkan PAS lebih tertarik dengan tawaran kerusi yang lebih besar dari BERSATU maka PAS terus sahaja meninggalkan UMNO dengan keputusan bahawa PAS akan menyokong calon UMNO jika berlaku pertembungan antara calon UMNO dan calon BERSATU. Satu pendekatan yang lebih baik ialah untuk PAS bersikap berkecuali jika berlaku pertembungan antara calon UMNO dan calon BERSATU, tetapi ini malangnya tidak berlaku.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini juga, tesis ini merumuskan bahawa ada juga faktor di dalam kawalan UMNO yang menjadi punca kepada keruntuhan kerjasama UMNO dan PAS walaupun ini bukanlah faktor utama. Faktor ini khususnya adalah merujuk kepada

keterlebihiyakinan para pemimpin UMNO untuk memenangi PRU 15 dengan cemerlang setelah ia memperolehi kemenangan besar dalam PRN Melaka dan dalam PRN Johor. Para pemimpin UMNO sepatutnya tidak boleh terlalu terbawa-bawa dengan kemenangan besar dalam PRN Melaka dan dalam PRN Johor ini kerana PRN adalah berbeza dari PRU, tambahan pula bila jumlah pengundi yang keluar mengundi kecil. Sekiranya para pemimpin UMNO membuat kajian yang lebih teliti ke atas keputusan PRN Melaka dan PRN Johor, mereka akan lebih berhemah dalam membuat kenyataan.

Sekiranya UMNO dapat menunjukkan sedikit keterbukaan dengan BERSATU, di mana kerjasama antara UMNO dan BERSATU boleh dilaksanakan dengan beberapa syarat ketat yang diberikan oleh UMNO, maka ada kemungkinan untuk imej UMNO di mata rakyat akan lebih menaik. Bila UMNO menunjukkan sikap langsung tidak boleh berkompromi dengan BERSATU sedikit sebanyak imejnya sebagai pemecah perpaduan ummah tercalar walaupun alasan UMNO sebenarnya adalah kukuh.

Sebagai rumusannya juga, kegagalan kerjasama UMNO dan PAS adalah satu peluang keemasan yang terlepas untuk menyatukan orang-orang Melayu Islam di negara ini. Bila UMNO dan PAS terus bercakaran maka politik negara ini akan terus menjadi tidak stabil. Walaupun begitu, episod kegagalan kerjasama UMNO dan PAS ini memberikan semua pihak ruang untuk belajar dari kesilapan sebagai panduan masa hadapan.

BIBLIOGRAFI

Abdul Hadi Che Awang. (2022, September 3). PRU15: Pintu rundingan Pas-UMNO tidak pernah tertutup - Abdul Hadi. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-pintu-rundingan-pasumno-tidak-pernah-tertutup-abdul-hadi-379256>

Abdul Hamid Mohamad. (2019, Mac 22). *Statut Rom ICC: Patutkah Malaysia Menerimanya?* <http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/932-statut-rom-icc-patutkah-malaysia-menerimanya?>

Ahmad Fawzi Mohd Basri, Mior Ahmad Noor Mior Hamzah & Mohd Foad Sakdan. (2005). *Proses, Struktur Politik dan Pentadbiran*. Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan Universiti Utara Malaysia.

Ahmad Suhael Adnan. (2022, Februari 3). Bila BERSATU khianati UMNO? - Muhyiddin. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/918649/bila-bersatu-khianati-umno-muhyiddin>

Amer Saifude Ghazali, Mohamad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi. (2011). Politik Etnik Malaysia: Analisis Pasca Pilihan Raya Umum Ke 12 Mengenai Sokongan Bukan Melayu Kepada UMNO Dan PAS. *Malaysian Journal of Society and Space*, 7(2), 18-27.

Arfa Yunus, Diyana Ibrahim, Fareez Azman & Fauzi Zin. (2018, Disember 8). Hadi berpantun, berkias jangan berani usik agama Islam dan hak orang Melayu. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hadi-berpantun-berkias-jangan-berani-usik-agama-islam-dan-hak-orang-melayu-193104>

Astro Awani. (2018, September 18). *Mustapa Mohamed umum keluar UMNO*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/mustapa-mohamed-umum-keluar-umno-185920>

Astro Awani. (2018, Disember 14). *Hamzah Zainudin antara 6 ahli Parlimen keluar UMNO*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/hamzah-zainudin-antara-6-ahli-parlimen-keluar-umno-193581>

Astro Awani. (2019, Mac 14). *Statut Rome: Kedudukan, kekebalan Seri Paduka terpelihara* - Saifuddin. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/statut-rome-kedudukan-kekebalan-seri-paduka-terpelihara-saifuddin-201085>

Astro Awani. (2019, Mac 23). *ICERD, Statut Rom bercanggah dengan Perlembagaan - Sultan Johor*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/icerd-statut-rom-bercanggah-dengan-perlembagaan-sultan-johor-201985>

Astro Awani. (2019, Oktober 6). *Deklarasi Ikrar: Sumpah Anak Watan*. <https://www.astroawani.com/video-malaysia/deklarasi-ikrar-sumpah-anak-watan-1812603>

Astro Awani. (2021, November 6). *PRN Melaka: Pas pilih PN andai berlaku pertembungan kerusi - Abdul Hadi*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-melaka-pas-pilih-pn-andai-berlaku-pertembungan-kerusi-abdul-hadi-329366>

Astro Awani. (2022, Mei 7). *Muafakat Nasional: UMNO perlu lupakan kerjasama dengan Pas pada PRU15 - Zahid*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/muafakat-nasional-umno-perlu-lupakan-kerjasama-dengan-pas-pada-pru15-zahid-360254>

Astro Awani. (2022, September 4). *Muktamar Pas lulus usul penyatuan Melayu-Islam, teruskan kerjasama dengan UMNO*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/muktamar-pas-lulus-usul-penyatuan-melayuislam-teruskan-kerjasama-dengan-umno-379409>

Berita Harian. (2020, Februari 24). *Tun M letak jawatan Perdana Menteri*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658662/tun-m-letak-jawatan-perdana-menteri>

Berita Harian. (2021, Ogos 20). *Agong berkenan Ismail Sabri dilantik Perdana Menteri*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/853746/agong-berkenan-ismail-sabri-dilantik-perdana-menteri>

Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.

Dhia Hani. (2018, Julai 30). DAP tak yakin dengan Maszlee Malik. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/letters/436505>

Diyana Ibrahim. (2018, November 13). ICERD: Pas beri amaran akan kerah jutaan rakyat turun ke jalanan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/icerd-pas-beri-amaran-akan-kerah-jutaan-rakyat-turun-ke-jalanan-191006>

Duverger, M. (1967). *Political Parties*. University Paper. Lowe & Bryndon (Printers). London.

Ekhwan Haque Fazlul Haque. (2020, September 27). SPR umum GRS menang 38 kerusi, bentuk kerajaan Sabah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/735566/spr-umum-grs-menang-38-kerusi-bentuk-kerajaan-sabah>

Ekhwan Haque Fazlul Haque. (2022, November 24). PRU-15: Umno sertai Kerajaan Perpaduan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/11/907621/pru-15-umno-sertai-kerajaan-perpaduan-metrotv>

Fahmy A Rosli. (2022, September 2). 'PAS sendiri sentiasa main selamat, mandi beberapa kolam'. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/995918/pas-sendiri-sentiasa-main-selamat-mandi-beberapa-kolam>

Faisal Asyraf. (2019, Disember 25). NGO lapor polis kongres anjuran Dong Jiao Zong. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/504846>

Fareez Azman. (2019, Mei 4). Himpunan 405 tuntutan Peguam Negara letak jawatan, didakwa gagal pertahan institusi diraja. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/himpunan-405-tuntut-peguam-negara-letak-jawatan-didakwa-gagal-pertahan-institusi-diraja-206880>

Fareez Azman. (2021, Oktober 18). PRN Melaka: Penamaan 8 Nov, pengundian 20 Nov - SPR. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-melaka-penamaan-8-nov-pengundian-20-nov-spr-325996>

Fauzi Zin. (2018, Disember 8). Jangan main-main dengan rakyat - Ahmad Zahid. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-main-main-dengan-rakyat-ahmad-zahid-193097>

Firdaus Azil. (2022, Februari 27). PRN Johor: Zahid Hamidi tuntutan Tun M, Muhyiddin mohon maaf. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-johor-zahid-hamidi-tuntut-tun-m-muhyiddin-mohon-maaf-348973>

Free Malaysia Today. (2019, Oktober 17). *Najib hits out at DAP over 'propaganda' comic book given to schools*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/10/17/najib-hits-out-at-dap-over-propaganda-comic-book-given-to-schools/>

Fuzi, M. O. (2007). *Strategies and The Tactics of Mobilisation: Opposition Political Parties in Malaysia, 1982-2003*. (Ph.D). IIUM.

Hafidzul Hilmi Mohd Noor. (2018, November 4). Himpunan bantah ICERD berlangsung aman. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/11/494558/himpunan-bantah-icerd-berlangsung-aman>

Hakimi Ismail. (2022, Oktober 10). Parlimen bubar hari ini, pulang mandat kepada rakyat. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/parlimen-bubar-hari-ini-pulang-mandat-kepada-rakyat/>

Harakah Daily. (2022, November 5). *PRU15: PAS usaha menangi 40 kerusi parlimen*. <https://harakahdaily.net/index.php/2022/11/05/pru15-pas-usaha-menangi-40-kerusi-parlimen/>

Harakah Daily. (2018, November 18). *PAS-Umno anjur himpunan bantah ICERD 8 Dis*. <https://harakahdaily.net/index.php/2018/11/18/pas-umno-anjur-himpunan-bantah-icerd-8-dis/>

Harian Metro. (2020, September 12). *PRN Sabah: Muhyiddin umum Gabungan Rakyat Sabah*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/09/619712/prn-sabah-muhyiddin-umum-gabungan-rakyat-sabah>

Haris Zalkapli. (2009). *Cabaran Politik Baharu Malaysia*. Media Icon Sdn Bhd.

Harits Asyraf Hasnan, Firdaus Azil. (2019, Oktober 6). Kongres Maruah Melayu: Semua nak jadi PM punca Kerajaan PH tidak cukup 'kemelayuan'. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kongres-maruah-melayu-semua-nak-jadi-pm-punca-kerajaan-ph-tidak-cukup-kemelayuan-219334>

Haspaizi Zain (2020, Julai 6). Umno, PAS bentuk jawatankuasa Muafakat Nasional peringkat negeri. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/533234>

Haspaizi Zain. (2022, Januari 25). Tuan Ibrahim: Tawar 4 kerusi untuk PAS Johor 'bukan cara yang baik'. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/608319>

Holyoke, T.T. (2009). Interest Group Competition and Coalition Formation. *American Journal of Political Science*, 53(2), 360-375

HRH Crown Prince of Johor [@HRHJohorII]. (2019, Mac 8). Yes. *Kedudukan Raja-Raja Melayu mungkin tidak relevan lagi selepas ini dan kedaulatan Raja-Raja akan pasti tergugat*. [Tweet]. Twitter. <https://twitter.com/hrhjohorii/status/1103963284070227969?lang=zh-Hant>

Irwan Shafrizan Ismail. (2019, Ogos 8). Tulisan khat dilaksanakan secara pilihan - Maszlee. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/594127/tulisan-khat-dilaksanakan-secara-pilihan-maszlee>

Ismail Sabri Yaakob. (2019, Disember 16). Pertubuhan rasis sempit Dong Jiao Zong sekali lagi teruskan sikap kurang ajar mereka. Facebook. https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=10158230830751282&id=350525301281

Janatul Firdaus Yaacob. (2019, April 8). Statut Rom: Kedudukan empat ahli akademik akan dibincangkan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/22432/berita/nasional/statut-rom-kedudukan-empat-ahli-akademik-akan-dibincangkan>

Johan Jaafar. (2020, Januari 20). Why DAP is a liability to PH. *My Sin Chew*. <https://mysinchew.sinchew.com.my/20200120/why-dap-is-a-liability-to-ph/>

Johan Saravanamuttu. (2015). *Power Sharing Politics And The Electoral Impasse In GE 13, Coalitions in Collision*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRDC)

Joseph M., Fernando. 2012. Elite Inter-Communal Bargaining and Conflict Resolution: The Role of The Communities Liaison Committee in Malaysia, 1949-1951". *Journal of Southeast Asian Studies*, 43(2), 280-301.

Juani Munir Abu Bakar & Aslinda Nasir. (2022, Oktober 14). Muafakat Nasional berkubur. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/muafakat-nasional-berkubur/>

Junita Mat Rasid, Ifwan Tun Tuah, Mohd Fahmi Mohd Yusof & Togi Marzuki. (2019, November 16). BN tawan semula Tanjung Piai. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/629147/bn-tawan-semula-tanjung-piai>

Kamarul Zaman Haji Yusoff (2004). *PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982*. [Master's thesis, Universiti Malaya, Malaysia]. <https://studentsrepo.um.edu.my/11113/>

Kamarul Yusoff. (2019, April 5). Didapatkan Mac 24, 2023, daripada Facebook: <https://www.facebook.com/kamarul.yusoff.7/posts/pfbid02LRQe15LUCz4KQnQ4tP82vPkdRKgEjsQATZHHHQP7JbG8TAWqcp1JrVKGNDYCXxXVI>

Kamarul Yusoff. (2019, April 6). Didapatkan Mac 24, 2023, daripada Facebook: <https://www.facebook.com/kamarul.yusoff.7/posts/pfbid0b36gEe8PUup4bVgcCw3DnrcmKYF8N2tmSoajFEhcmtKrh13RB1mjxZg49dUavcdAl>

Kamarul Yusoff. (2019, April 29). Didapatkan Mac 24, 2023, daripada Facebook: <https://www.facebook.com/kamarul.yusoff.7/posts/pfbid02L4DojKvC712F3LAsa9YTUGmDbes6zfeWYWnNt8AZbHah4sAa1TTZE6ksH6inFyQFI>

Kasthuri Jeevendran. (2020, Ogos 27). MIC keluar PN tanpa tekanan BN – Vigneswaran. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2020/08/27/mic-keluar-pn-tanpa-tekanan-bn-vigneswaran/>

Khairil Nizam Khirudin. (2019, Disember 22). Dong Zong biadab, pencetus kekacauan dan wajib diharamkan. Facebook. https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=10211817929762050&id=1783986082

Khairulnazar Yahaya. (2022, September 1). Pas tidak akan tinggalkan Bersatu – Tuan Ibrahim. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2022/09/01/pas-tidak-akan-tinggalkan-bersatu-tuan-ibrahim/>

Kiran Kapur Data. (1983). *Malaysia: Quest For A Politics Of Consensus*. Vikas Publishing House Pvt Ltd.

Kow Gah Chie. (2019, Disember 30). DAP kecewa polis halang Kongres DJZ tapi benarkan Kongres Maruah Melayu. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/505344>

Latifah Arifin. (2020, Februari 24). 11 Ahli Parlimen PKR keluar parti. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658669/11-ahli-parlimen-pkr-keluar-parti>

Lijphart, A. (2004). Constitutional Design for Divided Societies. *Journal of Democracy*, 15(2), 96- 109. <http://dx.doi.org/10.1353/jod.2004.0029>

Loh, F. K. W. (2001). *Politik Baru Di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Madiha Abdullah. (2018, November 9). UMNO gesa kerajaan tolak ICERD. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/umno-gesa-kerajaan-tolak-icerd-190679>

Mahathir Mohamad. (1976). *Menghadapi Cabaran*. Penerbitan Pustaka Antara.

Majeed, A. 2000. Coalitions as Power-Sharing Arrangements. In *Coalition Politics and Power Sharing*, ed. A. Majeed. New Delhi: Manak Publications

Malaysia Date Line. (2018, November 1). *Pakar perundangan bantah hasrat kerajaan terima ICERD*. <https://malaysiadateline.com/pakar-perundangan-bantah-hasrat-kerajaan-terima-icerd/>

Malaysia Gazette. (2020, Februari 11). *Mesyuarat Jawatankuasa Induk Perunding Muafakat Nasional*. <https://malaysiagazette.com/2020/02/11/mesyuarat-jawatankuasa-induk-perunding-muafakat-nasional/>

Malaysia Kini. (2016, Mei 27). *Hadi: DAP anti-Islam, tak beradab dengan orang Islam*. <https://www.malaysiakini.com/news/370783>

Malaysia Kini. (2018, Januari 28). *Lim bercadang saman Hadi*. <https://www.malaysiakini.com/news/370783>

Malaysia Kini. (2018, Disember 21). *S'wak DAP Youth leader retracts call for Maszlee to quit*. <https://www.malaysiakini.com/news/457209>

Malaysia Kini. (2019, Mei 16). *'Jangan nafi peluang kerja sebab tak boleh cakap Mandarin'*. <https://www.malaysiakini.com/news/476426>

Malaysia Kini. (2019, Mei 20). *Academic says Maszlee should be defended from 'DAP attacks'*. <https://www.malaysiakini.com/news/476764>

Malaysia Kini. (2019, Julai 31). *Pemimpin akar umbi DAP bantah khat dalam silibus sekolah vernakular*. <https://www.malaysiakini.com/news/486158>

Malaysia Kini. (2019, Oktober 23). *Maszlee: Tindakan Liu biadab*. <https://www.malaysiakini.com/news/496988>

Malaysia Kini. (2019, Oktober 19). *Maszlee dilantik PH atau Umno, bidas akar umbi DAP*. <https://www.malaysiakini.com/news/496585>

Malaysia Kini. (2019, Oktober 7). *Siswa UM gesa naib cancellor letak jawatan, dakwa 'rasis'*. <https://www.malaysiakini.com/news/494787>

Malaysia Kini. (2019, Oktober 8). *Congress dashes hopes for golden age and Harapan's demise: Kit Siang*. <https://www.malaysiakini.com/news/494952>

Malaysia Kini. (2019, Oktober 8). *K'jaan PH perlu tolak resolusi Kongres Maruah Melayu - Exco*. <https://www.malaysiakini.com/news/494967>

Malaysia Kini. (2019, Disember 27). *MCA, Pemuda DAP pertikai arahan pembatalan kongres Jawi Dong Jiao Zong*. <https://www.malaysiakini.com/news/505091>

Malaysia Kini. (2020, Ogos 19). *5 kemarahan akar umbi Umno pada Bersatu*. <https://www.malaysiakini.com/news/539255>

Malaysia Kini. (2020, Ogos 23). *MIC, Star antara parti dalam PN - Zahid*. <https://www.malaysiakini.com/news/539736>

Malaysia Kini. (2022, Oktober 2). *Zahid dedah isi pertemuan dengan Hadi: Umno beri tiga syarat*. <https://www.malaysiakini.com/news/637874>

Malaysia Kini. (2022, Januari 30). *Bukan Umno mungkir janji tapi Bersatu khianat di Sabah - Najib*. <https://www.malaysiakini.com/news/609005>

Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum 2018.

Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum 2022.

Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum 2018.

Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum 2022.

Manifesto Perikatan Nasional Pilihan Raya Umum 2022.

Masturah Suradi. (2022, Februari 17). *Muhyiddin dedah Zahid bawa timbunan fail. Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/muhyiddin-dedah-zahid-bawa-timbunan-fail/>

Mohammad Tawfik Yaakub. (2018). *Kerjasama Politik Melayu-Islam: Analisis Hubungan UMNO-PAS Dari Tahun 1968 Hingga 1978*. [Doctoral dissertation, Universiti Malaya, Malaysia]. Universiti of Malaya Student Repository. <https://studentsrepo.um.edu.my/8668/>

Mohamed Farid Noh. (2022, Januari 27). *UMNO Johor nafi tawar 4 kerusi untuk ditandingi PAS. Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/916236/umno-johor-nafi-tawar-4-kerusi-untuk-ditandingi-pas>

Mohamed Farid Noh. (2022, Februari 9). PRN Johor 12 Mac 2022. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/02/808517/prn-johor-12-mac-2022-metrotv>

Mohamed Mustafa Ishak & Afifi Abdul Razak. (2006). *Politik Dan Pemerintahan Negara*. Thomson Learning.

Muhaamad Hafis Nawawi. (2019, Oktober 12). Polis akan panggil Zainal Kling. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/10/506349/polis-akan-panggil-zainal-kling>

Mohd Iskandar Ibrahim. (2022, September 24). 'BN musuh utama kita...' - Muhyiddin. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/1004217/bn-musuh-utama-kita-muhyiddin>

Mohd Izani Mohd Zain. (2017). *Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Dalam Kerjasama Politik Di Malaysia, 1999 – 2015*. [Doctoral dissertation, Universiti Malaya, Malaysia]. Universiti of Malaya Student Repository. <https://studentsrepo.um.edu.my/7796/>

Mohd Izzat Mohd Khalizan. (2020, Februari 28). Bersatu dan Muafakat Nasional calonkan Muhyiddin sebagai PM ke-8. *Mstar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/02/28/bersatu-calon-muhyiddin-perdana-menteri>

Mohd Nasaruddin Parzi & Mohd Iskandar Ibrahim. (2021, Mac 28). 'No BERSATU, No Anwar, No DAP' - Zahid. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/801025/no-bersatu-no-anwar-no-dap-zahid>

Mohd Nasaruddin Parzi & Ilah Hafiz Aziz . (2021, Julai 8). UMNO tarik serta-merta sokongan terhadap Muhyiddin. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836840/umno-tarik-serta-merta-sokongan-terhadap-muhyiddin>

Mohd Nasaruddin Parzi. (2021, Ogos 16). Muhyiddin letak jawatan Perdana Menteri. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851958/muhyiddin-letak-jawatan-perdana-menteri>

Mohd Rafiq Naizamohideen. (2019, Disember 21). Haramkan Persatuan Dong Zong dan Jiao Zong yang Ternyata Sangat Rasis. Facebook. https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=2829761133714954&id=100000432865972

Mohd Rasdan Ahmad. (2021, November 20). PRN Melaka: BN menang 21 kerusi, Pas silap langkah. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2021/11/20/prn-melaka-bn-menang-21-kerusi-pas-silap-langkah/>

Mohd Sabri Md Nor. (2018). *Persaingan Politik Melayu di Semananjung Malaysia, 1978 – 2013*. [Doctoral dissertation, Universiti Malaya, Malaysia]. Universiti of Malaya Student Repository. <https://studentsrepo.um.edu.my/6786/>

Mohd Tawfik Yaakub. (2019). Perubahan dasar kerajaan dalam era kerjasama politik Melayu-Islam tahun 1973. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1, 44-57.

Mohammad Tawfik Yaakub & Osman Md Rasip. (2018). Impak Kerjasama Politik UMNO-PAS Terhadap Perkembangan Islam Di Malaysia Dari Tahun 1973 Hingga 1978. *Sains Insani*, 2(1), 12-16. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.14>

Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). *Politik Baru Dalam Pilihan Raya Umum*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mstar. (2018, Jun 27). *Ahli Parlimen Bukit Gantang keluar Umno, BN*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/06/27/umno-bkt-gantang-keluar>

Mstar. (2020, Julai 30). *Umno umum tidak sertai Perikatan Nasional, mahu perkasa Muafakat Nasional bersama PAS, BN*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/07/30/umno-umum-tidak-sertai-perikatan-nasional-mahu-perkasa-muafakat-nasional-bersama-pas-bn>

Mstar. (2020, Oktober 17). *“Tiada DAP, tiada hubungan dengan pimpinan yang bersepakat dengan DAP seperti Anwar, Tun M” - Ahmad Maslan*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/10/17/tiada-dap-tiada-hubungan-dengan-pimpinan-yang-bersepakat-dengan-dap-seperti-anwar-tun-m---ahmad-maslan>

Mstar. (2018, Disember 12). *Kepimpinan Umno Sabah keluar parti beramai-ramai*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/12/12/umno-sabah>

Muhammad Azizul Osman. (2017, Mac 21). Annuar cabar Kit Siang saman dakwaan DAP anti Islam. *Malaysia Kini*. <https://malaysiagazette.com/2017/03/21/annuar-musa-cabar-kit-siang-kemuka-saman-berhubung-dakwaan-dap-anti-islam/>

Muhammad Yusri Muzamir. (2022, Mac 13). PRN Johor: BN raih kejayaan dua pertiga, menang 40 kerusi. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/933397/prn-johor-bn-raih-kejayaan-dua-pertiga-menang-40-kerusi>

Muhammad Yusri Muzamir. (2020, September 14). Pendaftaran Perikatan Nasional sudah lulus 7 Ogos. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/731349/pendaftaran-perikatan-nasional-sudah-lulus-7-ogor>

Muzzammil Ismail. (2019, Disember 16). Dong Zong wajib diharamkan tanpa syarat. Facebook. https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=3236284329722197&id=100000219859504

Najib Razak. (2015, Disember 10). *Ucapan YAB Presiden UMNO Sempena Perhimpunan Agung UMNO 2015*. <https://www.najibrazak.com/bm/speeches/ucapan-yab-presiden-umno-sempena-perhimpunan-agung-umno-2015/>

Najib Razak. (2016, Disember 1). *Ucapan Dasar Presiden di Perhimpunan Agung UMNO 2016*. <https://www.najibrazak.com/bm/blog/ucapan-dasar-presiden-di-perhimpunan-agung-umno-2016/>

Najmil Faiz Mohamed Aris. (2019, Disember 21). Sudah-sudahlah Dong Zong.. Facebook. https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=10157905750680097&id=590560096

Nazura Ngah. (2019, September 14). Piagam Muafakat Nasional UMNO, PAS dimeterai. *Berita Harian* <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/09/606917/piagam-muafakat-nasional-umno-pas-dimeterai>

Noraini Razak. (2018, Oktober 25). Kerajaan ratifikasi enam triti hak asasi suku pertama tahun depan. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2018/10/25/kerajaan-ratifikasi-enam-triti-hak-asasi-suku-pertama-tahun-depan/>

Nor Azura Md Amin. (2021, Disember 18). UMNO Johor putuskan bergerak solo tanpa Pas pada PRU15. *Sinar Harian*. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=220829>

Nurhidayah Hairom. (2022, Mei 11). 'MN sudah sampai 'surah terakhir' - Tok Mat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/201680/berita/politik/mn-sudah-sampai-surah-terakhir---tok-mat>

O'Leary, Z. (2014). *The essential guide to doing your research project*. Thousand Oaks: SAGE Publication.

Omar Zin. (2022, Oktober 3). Pas pertimbang syarat UMNO, keputusan muktamad sebelum hujung minggu ini. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/pas-pertimbang-syarat-umno-keputusan-muktamad-sebelum-hujung-minggu-ini-takiyuddin/>

Projek Malay Mail. (2019, Mac 5). *Statut Rome gugat kuasa Agong: Fareed Mohd Hassan*. <https://www.projekmm.com/news/pendapat/2019/03/05/statut-rom-gugat-kuasa-agong-fareed-mohd-hassan/1729404>

Rafidah Mat Ruzki & Suzalina Halid. (2022, Oktober 20). PRU15: Sabtu, 19 November hari mengundi, 5 November penamaan calon. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1014523/pru15-sabtu-19-november-hari-mengundi-5-november-penamaan-calon>

Raiham Mohd Sanusi. (2020, September 14). PN didakwa tiada rekod daftar parti. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/101021/BERITA/Politik/PN-didakwa-tiada-rekod-daftar-parti>

Raja Noraina Raja Rahim. (2020, Oktober 13). Umno timbang tarik diri sokong PN. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/630395/umno-timbang-tarik-diri-sokong-pn>

Resnick, D. 2011. Do Electoral Coalitions Facilitate Democratic consolidation in Africa? *Party Politics* 19: 735-757.

Rohaniza Idris. (2023, Januari 11). 'Lima alasan UMNO sertai Kerajaan Perpaduan'. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1050667/lima-alasan-umno-sertai-kerajaan-perpaduan>

Ronnie Liu. (2019, Oktober 22). Mahathir: The paper tiger. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/496880>

Rosmiza Kasim. (2019, Disember 27). Jawatankuasa Penyelaras Muafakat Nasional ditubuhkan Januari ini: Takiyuddin. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/63566/berita/politik/jawatankuasa-penyelaras-muafakat-nasional-ditubuhkan-januari-ini-takiyuddin>

Saiful Haizan Hasam. (2021, Oktober 28). UMNO kerjasama dengan PAS di Melaka. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/881209/umno-kerjasama-dengan-pas-di-melaka>

Saiful Haizan Hasam. (2021, November 3). PRN Melaka: PAS bersama PN tanpa belakangkan UMNO. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/883309/prn-melaka-pas-bersama-pn-tanpa-belakangkan-umno>

Saiful Haizan Hasam. (2021, November 7). PAS perlu hormati ketetapan UMNO - Zahid. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/884743/pas-perlu-hormati-ketetapan-umno-zahid>

Saiful Haizan Hasam. (2021, Ogos 3). UMNO tarik sokongan kepada PN, Muhyiddin. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/846738/umno-tarik-sokongan-kepada-pn-muhyiddin>

Sayed Hesham Idris. (2018, Jun 27). Ahli Parlimen Bukit Gantang keluar Umno, BN. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2018/06/ahli-parlimen-bukit-gantang-umum-keluar-umno-bn/>

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi. (2018, Jun 24). Noor Azmi keluar UMNO, BN. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/06/351314/noor-azmi-keluar-umno-bn>

Shuhada Abdul Kadir. (2022, Ogos 21). "Siapa yang khianati siapa?" - Mohamad Hasan nafi UMNO tinggalkan Pas. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/siapa-yang-khianati-siapa-mohamad-hasan-nafi-umno-tinggalkan-pas-377216>

Silverman, D. (2006). *Interpreting Qualitative Data: Methods for Analysing Talk, Text and Interaction*. London: Thousand Oaks.

Sinar Harian. (2020, Ogos 18). Bersatu sertai MN: UMNO dengar pandangan akar umbi, netizen. <https://www.sinarharian.com.my/article/97231/berita/politik/bersatu-sertai-mn-umno-dengar-pandangan-akar-umbi-netizen>

Siti Aisyah Narudin. (2020, Ogos 17). PRN Sabah 26 September ini. *Utusan Borneo*. <https://www.utusanborneo.com.my/2020/08/17/prn-sabah-26-september-ini>

Siti Nur Mas Erah Amran. (2018, Julai 1). Mas Ermieyati keluar parti, sifatkan UMNO sudah 'tergelincir'. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/07/443680/mas-ermieyati-keluar-parti-sifatkan-umno-sudah-tergelincir>

Sofea Susan Albert Kassim. (2020, Februari 25). Pembangkang tolak DAP, pilih bubar Parlimen. *Mstar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/02/25/umno-tolak-dap-bubar-parlimen>

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2008, Julai 2). *Keputusan PRU 12*. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2013, Mei 5). *Keputusan PRU 13*. http://resultpru13.spr.gov.my/1_main.php

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018, Mei 9). *Keputusan PRU 14*. <https://keputusan.spr.gov.my/>

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2022, November 19). *Keputusan PRU 15*. <https://keputusan.spr.gov.my/>

Syamilah Zulkifli. (2020, Ogos 18). Akar umbi UMNO kurang setuju Bersatu sertai Muafakat Nasional. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/97186/berita/politik/akar-umbi-umno-kurang-setuju-bersatu-sertai-muafakat-nasional>

UMNO Malaysia. (2022, Oktober 14). *Ikhtiar Terakhir UMNO Selamatkan Muafakat Nasional – Dr Asyraf*. <https://umno.org.my/2022/10/14/ikhtiar-terakhir-umno-selamatkan-muafakat-nasional-dr-asyraf/>

UMNO Online. (2020, Ogos 2). *PN: UMNO Nyatakan Pendirian Dalam Dua Siri Mesyuarat Induk Muafakat Nasional*. <https://umno-online.my/2020/08/02/pn-umno-nyatakan-pendirian-dalam-dua-siri-mesyuarat-induk-muafakat-nasional/>

UMNO Online. (2021, Disember 5). *Kronologi Berfakta Sanggah Dakwaan Kononnya UMNO Khianati Piagam Muafakat Nasional*. <https://umno-online.my/2021/12/05/kronologi-berfakta-sanggah-dakwaan-kononnya-umno-khianati-piagam-muafakat-nasional/>

Ust. Dr Khairuddin at-Takiri. (2019, Disember 22). Kongres Pertubuhan China: Tindakan Segera Perlu Diambil bagi Mengelakkan Rusuhan. Facebook. https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=2976360139040663&id=569086473101387

Utusan Malaysia. (2016, Jun 19). *Kejutan BN, menang majoriti lebih besar*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/kejutan-bn-menang-majoriti-lebih-besar-1.344351>

Wartawan Samudera. (2021, Disember 9). *Himpunan bantah ICERD Lahirkan Permuafakatan Politik Melayu, Tetapi*. <https://www.samudera.my/himpunan-bantah-icerd-lahirkan-permuafakatan-politik-melayu-tetapi/>

Yasmin Ramlan. (2019, Disember 27). Polis dapat perintah mahkamah batal kongres Jawi Dong Jiao Zong. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/505078>

Zakiah Koya. (2020, Ogos 21). Presiden Umno, PAS tandatangani surat ajak Bersatu sertai Muafakat Nasional. *Mstar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/08/21/presiden-umno-pas-tandatangani-surat-ajak-bersatu-sertai-muafakat-nasional>

Zanariah Abd Mutalib. (2020, Februari 24). BERSATU keluar PH. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658659/bersatu-keluar-ph>

Zulaikha Zulkifli. (2017, Mac 9). 'Lim zahir sikap anti-Islam, hasut MP bukan Muslim'. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/375183>

